9. PTR KA 894 41/79 - PTR KA 1020 167/79

Koleksi /
Keratan Akhbar Tun
Abdul Razak
Berita Harian 1975

BERITA HARIAN, SELASA, 26 MAC, 1974

Golongan berada diseru jangan bermewah

KUALA LUMPUR, Isnin. — Tun Abdul Razak menyeru golongan berada supaya jangan terlalu bermewah-mewah dalam keadaan sekarang kerana tindakan demikian mungkin menimbulkan ketegangan sosial dan juga akibat yang tidak diingini.

Katanya, setiap orang terutama golongan kaya mestilah mengamalkan sikap mendisiplinkan diri kerana ini adalah mustahak bagi sesebuah negara membangun seperti Malaysia.

Tun Razak menambah, dalam keadaan negara yang sedang berkembang maju, usaha-usaha giat dijalankan bagi menimbus jurang ekonomi antara lapisan rakyat.

Tetapi dalam proses ini, terdapat setengah-setengah golongan menikmati kemewahan yang berlebihan sedangkan golongan lain tidak banyak berubah kehidupannya dari masa lampau.

Sederhana

"Keadaan seperti ini nyatalah tidak sihat sama sekali terutama pula dalam suasana inflasi yang melanda kita hari ini.

"Oleh yang demikian adalah sebaik - baiknya bagi kita terutama sekali golongan yang berada supaya mengamalkan perbuatan yang sederhana dan dengan itu mengelakkan timbulnya gejala-gejala yang tidak di ingini," tegas beliau.

Menurut Tun Razak lagi, adalah tidak berfaedah bagi seseorang menunjuk-nunjukkan kekayaannya kerana ini bukan sahaja merugikan bahkan mungkin menimbulkan akibat yang tidak diingini.

"Kita hendaklah sentiasa mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara yang sama-sama kita junjungi," kata beliau lagi.

Tun Razak menegaskan demikian ketika merasmikan satu konvensyen ekonomi anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia di Holiday Inn di sini pagi tadi.

Perhatian

Beliau berkata, walaupun Rancangan Malaysia Kedua yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru dilancarkan tiga tahun lalu, ia perlu diberi perhatian setiap masa sekurang-kurangnya di segi pelaksanaannya.

Kata beliau, mungkin ada pihak-pihak yang sentiasa meragukan Rancangan Malaysia Kedua ini kerana ia memerlukan banyak wang bagi menjayakannya.

"Memanglah kita tidak boleh lari dari masaalah wang bagi menjayakan rancangan ini.

"Bagaimanapun, adalah mustahak diingat dan sentiasa diingat yang Dasar Ekonomi Baru itu lahir dari kenyataan dalam masyarakat kita yang telah berubah, dari keadaan politik yang telah matang iaitu sesudah negara kita menempuh pengalaman hebat dan memerlukan penyelesaian yang berkekalan.

"Seperti yang saya tegaskan selalu, kejayaan Rancangan Malaysia Kedua dan dasar ekonomi baru itu akan menentukan hidup matinya negara ini di masa depan," kata beliau.

Tun Razak berkata, walaupun keadaan sekarang agak genting, tempo dan paras pembangunan ekonomi negara ini terus berjalan pesat dan menepati jangkaannya.

Katanya: "Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan tekanan inflasi sudah mula berkesan.

"Kita tidak dapat menghapuskan langsung masaalah ini tetapi kita sudah berjaya mengurangkan tekanannya keatas ekonomi negeri ini."

Tun Razak gembira melihatkan sambutan dari orangramai yang begitu bertanggungjawab terhadap usaha-usaha Kerajaan mengatasi masaalah ini.

Ini adalah membayangkan semangat pembaharuan di kalangan rakyat," katanya.

PTR-KA: 894 41/79.



Tun Razak berbual dengan presiden Persatuan Ekonomi Malaysia, Dr. Mokhzani Abdul Rahim (kiri) selepas beliau merasmikan konvensyen ekonomi anjuran persatuan itu semalam.

Di tengah ialah pengerusi acara konvensyen itu, Prof. Yip Yat Hoong. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 29 MAC, 1974

MR.40 : 895 42/74.



TUN RAZAK

Mereka bertujuan timbulkan kacau

Tun: Awas talibarut lebih jahat

JERANTUT, Khamis. – Tun Abdul Razak menyatakan hari ini, ada golongan yang katanya, lebih jahat dari komunis yang hendak menimbulkan kekacauan dan huru-hara untuk menjatuhkan Kerajaan dalam keadaan negara menghadapi masaalah inflasi sekarang.

Menurut beliau, golongan ini ialah talibarut komunis yang bergerak di sana sini dengan tujuan menimbulkan kacau bilau.

Tun Razak berkata demikian ketika berucap merasmikan Sekolah Menengah Ugama, Pulau Tawar dekat sini pagi ini.

Beliau menggesa rakyat supaya jangan bimbang kerana Kerajaan mempunyai askar dan polis yang cukup untuk menentang dan menghapuskan kumpulan jahat yang kecil itu.

"Saya yakin dengan adanya kerjasama rakyat angkara musuh itu akan gagal," katanya.

Begitu juga, pengganas komunis berani menjalankan kegiatan-kegiatan ganas mereka kerana mereka tahu ada segolongan kecil penduduk yang bersimpati dengan mereka itu.

"Anasir-anasir ini adalah lebih jahat dari komunis itu sendiri," kata Tun Razak.

Tun Razak mengingatkan terutama sekali kalangan muda bahawa rakyat belum lagi lupa pahit maung dan kesusahan selama 12 tahun waktu berada di dalam keadaan darurat dari tahun 1948 hingga 1960 dulu.

"Di Sarawak keadaan hampir-hampir pulih sekarang dan diharapkan Semenanjung Malaysia juga akan pulih semula.

"Pada hemat saya, dengan keadaan politik sekarang ini iaitu hasil dari Kerajaan Campuran dan seterusnya penubuhan Barisan Nasional nyatalah perjuangan komunis itu sia-sia sahaja.

Makmur

"Lebih baiklah mereka kembali ke pangkal jalan dan menghentikan perjuangan yang sia-sia itu.

"Patut diingat Kerajaan yang ada sekarang ini adalah Kerajaan yang dipilih sendiri oleh rakyat dan berazam hendak membawa zaman yang aman damai, makmur dan maju kepada rakyat semua," katanya.

Tun Razak menambah, setiap rakyat mestilah menunaikan tanggungjawab masing-masing demi kepentingan bersama rakyat dan Kerajaan.

Mengenai usaha kerajaan meninggikan martabat Islam sebagai ugama rasmi, Tun Razak berkata banyak kemudahan telah disediakan bagi rakyat.

Katanya, di bidang pendidikan pada hari

Usaha untuk kembangkan syiar Islam digiatkan

★ DARI MUKA 1

masa akhir-akhir ini ramai penganut ugama lain yang telah memahami perjalanan dan pengajaran ugama Islam dan mereka mengambil jalan yang benar dengan memeluk ugama Islam.

"Saya sukacita mereka itu berbuat demikian dengan tidak dipaksa oleh sesiapa bahkan dengan kerelaan hati suci mereka sendiri.

"Oleh itu, saya berharap kita semua akan dapat menerima saudara-saudara baru ke dalam masyarakat kita serta memberi mereka panduan dan tunjuk ajar mengenai hal ehwal ugama supaya mereka menjadi orang-orang yang salih."

Sebaliknya, kata Tun Abdul Razak "kita boleh mempelajari dari mereka pengalaman dan kemahiran dalam lapangan tertentu khasnya mengenai perniagaan dan perusahaan.

Diperkemas

"Inilah satu jalan yang baik bagi kita mengeratkan lagi perpaduan dan persaudaraan di kalangan rakyat negara ini dan kedua-dua golongan tadi mendapat manfaat yang setinggi-tingginya."

Tun Razak juga mengumumkan kerja-kerja membina sebuah pusat penyelidikan Islam sedang berjalan pesat dan diharapkan pusat itu akan siap tidak lama lagi.

Begitu juga jentera pentadbiran Jabatan Ugama Islam telah juga di perkemaskan dan diletakkan di bawah jagaannya sendiri.


Beliau berharap dengan adanya kejayaan-kejayaan di lapangan ini bersama dengan kemajuan rancangan yang dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru, keadaan penduduk-penduduk di kawasan luar-bandar akan menjadi bertambah baik lagi.

Tun Razak yang tiba dengan helikopter bersama Timbalan Menteri Penerangan, Encik Shariff Ahmad, telah disambut oleh Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Mohamed bin Jusuh, serta lebih 2,000 orang penduduk di situ.

Tun Razak dan tetamu yang lain telah diberi sambutan permaidani merah dan renjisan air mawar oleh penuntut-penuntut sekolah itu.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 4 APRIL, 1974

PTR. ua: 896 43/75



Tun Razak sampaikan darjah pengurniaan

KUALA LUMPUR, Rabu. — Yang Dipertuan Agung telah berkenan mengurniakan Darjah Kehormat Panglima Setia Mahkota, yang bergelar Tan Sri, kepada Dr. L. Bateman, bekas Pengawal Penyelidik Getah dan Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia.

Pengurniaan itu kerana mengenang jasa beliau dalam perkhidmatannya.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, telah menyampaikan darjah pengurniaan itu dalam satu upacara di Pejabat Perdana Menteri petang semalam.

● Tun Razak mengucapkan tahniah kepada Dr. Bateman selepas upacara tersebut.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 12 APRIL, 1974

PTR. KA: 897 44/79.



BERKENAL DENGAN PEGAWAI KANAN

● Tun Razak sedang berkenal-kenalan dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan sebelum bermesyuarat dengan mereka dalam lawatan pertamanya sebagai Menteri Kewangan di Perbendaharaan semalam. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, RABU, 17 APRIL, 1974

PERPUSTAKAAN KUALA : 898 4/79

Menteri2 diwajibkan lapor kepentingan

Tun bela ahli2 Parlimen

KUALA LUMPUR, Selasa. — Semua Menteri dan Timbalan Menteri adalah dikehendaki memberitahu Perdana Menteri segala kepentingan mereka sebelum menjawat jawatan masing - masing, demikian menurut Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, hari ini.

Seterusnya, semasa di dalam jawatan Menteri dan Timbalan Menteri itu tidak dibenarkan menjalankan perniagaan atau perusahaan luar sebab mereka mendapat gaji penuh dan adalah dikehendaki menumpukan usaha dan tenaga kepada pekerjaan mereka pada setiap masa, kata Tun Razak.

Ditentang

Tun Razak menegaskan demikian ketika berucap menentang satu usul yang dibawa oleh anggota Bebas dari Seberang Tengah, Encik Mustapha Hussein bagi membolehkan beliau mengemukakan satu Rang Undang-Undang mengenai kepentingan kewangan anggota-anggota Parlimen.

Antara lain, Rang Undang-Undang itu menentukan agar diadakan satu senarai awam menunjukkan semua kepentingan kewangan wakil-wakil rakyat supaya mereka dapat mengetahui samaada wakil mereka benar-benar jujur atau hanya menjaga kepentingan sendiri.

Usul tersebut telah ditolak selepas diundi iaitu 81 menentang manakala 20 orang menyokong.


Anggota - anggota dari parti-parti dalam Barisan Nasional mengundi menentang manakala anggota pembangkang dari DAP, Pekemas dan Parti Nasional Sarawak (Snap) menyokong.

Tun Razak yang berucap sebelum usul itu diputuskan, menjelaskan, Dewan Rakyat itu adalah badan perundangan yang tertinggi dan teragung di negara kita bahkan di mana-mana juga.

Oleh itu, ahli-ahli Dewan Rakyat yang dipilih oleh rakyat dan memikul kepercayaan rakyat sudah tentulah orang-orang yang mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kemuliaan.

Dengan yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab mereka menjaga mertabat mereka sebagai ahli-ahli yang berhormat dan juga mertabat Dewan yang mulia itu.

Katanya lagi: "Sebenarnya, perkara yang ditimbulkan oleh ahli yang berhormat dari Seberang Tengah itu adalah menyentuh bahkan mempersoalkan sifat kejujuran kemuliaan ahli-ahli dewan ini.



TUN RAZAK

PTR·KS: 899 46/79

Ahli2 Dewan diseru menjaga mertabat

★ DARI MUKA 1

mendapat gaji penuh di samping elaun itu.

"Oleh itu, tentulah tidak adil bagi kita kalau menurut kehendak ahli yang berhormat itu membukakan maklumat mengenai kepentingan peribadi ahli-ahli Dewan ini kepada orangramai."

"Berkenaan dengan Menteri - Menteri dan Timbalan Menteri mereka adalah mempunyai peraturan yang tertentu.

"Mereka dikehendaki memberitahu Perdana Menteri secara bertulis perusahaan - perusahaan atau kepentingan yang mereka punyai sebelum menjadi menteri.

"Pada masa menjadi Menteri mereka tidak dibenarkan menjalankan perniagaan atau perusahaan luar sebab mereka mendapat gaji penuh dan adalah dikehendaki menumpukan usaha dan tenaga kepada pekerjaan mereka setiap masa."

Katanya, buat ahli-ahli Dewan, andaikata mereka dibayar gaji penuh seperti menteri-menteri atau timbalan menteri maka bolehlah mereka menumpukan penuh masa kepada tugas-tugas Parlimen dan mengelakkan dari pekerjaan untuk peribadi sendiri samaada perniagaan atau secara professional.

"Saya percaya amalan kita ini adalah adil dan wajar sekali dalam keadaan yang terdapat hari ini.

"Sekiranya pada hal-hal yang timbul untuk dibahaskan dalam Dewan ini yang melibatkan seseorang ahli, maka sepatutnyalah ahli itu menyatakan kepentingannya dalam perkara itu.

"Dengan lain perkataan, terpulanglah pada ahli-ahli semua mengikut amalan yang wajar dan saksama seperti yang lazim menurut prinsip demokrasi berparlimen."

Tun Razak kemudian menegaskan betapa mustahaknya ahli-ahli Dewan sekelian menjaga kedudukan dan mertabat mereka sebagai anggota Dewan yang mulia itu.

Begitu juga, adalah menjadi tanggungjawab Parti politik menjaga kedudukan dan mertabat ahli-ahli mereka.

"Sekiranya ada ahli-ahli yang menyalahgunakan kedudukan dan keistimewaan mereka, maka terpulanglah pada Parti Politik yang berkenaan dan rakyat mengambil tindakan yang sepatutnya terhadap ahli-ahli itu dan tidak memilih mereka lagi.

Sayugia diingat dalam sistem demokrasi yang dijunjung tinggi di negeri ini, pengawalan yang sebaik-baiknya ialah rakyat sendiri.

Timbang

"Mereka hendaklah menggunakan pertimbangan mereka dengan adil dan saksama dan hanya memilih sesiapa yang mereka benar-benar tahu orang yang jujur dan ikhlas.

"Tegasnya, kita hendaklah meletakkan kepercayaan kita kepada rakyat dan pengundi-pengundi kerana merekalah yang menentukan siapa yang mewakili mereka.

"Akta ini tidak perlu, lagi pun Kerajaan sudah menubuhkan Badan Siasatan Negara (BSN) untuk mengawasi dan membenteras kegiatan rasuah dan sebagainya," jelasnya.

"Memang menjadi azam Kerajaan supaya kita mempunyai ahli-ahli Parlimen yang bresih dan jujur.

"Jika kita berkehendakkan ahli-ahli Dewan mengumumkan maklumat mengenai kepentingan peribadi mereka mustahaklah kita memberi mereka gaji yang cukup.

"Tidak adil kiranya dalam keadaan mereka dibayar hanya elaun sahaja sekarang mereka di larang mengambil bahagian dalam perniagaan dan kerja-kerja professional.

"Bagaimanapun, mereka tidak mempunyai pengaruh dalam sebarang perniagaan dan perusahaan yang ada di negara ini seperti yang didakwa oleh beberapa orang anggota Dewan," kata Tun Razak lagi.

Sebelum itu, ketika mengemukakan usul tersebut, Encik Mustapha menyebut, rakyat merasa syak wasangka bagaimana setengah-setengah wakil rakyat boleh menjadi hartawan dan jutawan sedangkan ramai rakyat yang mereka wakili tidak mendapat pertolongan dan menderita terus.

Encik V. David (Pekemas - Datuk Keramat), Encik Hashim Gera (Bebas-Parit), Encik Lim Cho Hock (DAP-Batu Gajah dan Encik Luhat Wan (Snap-Baram) menyokong usul tersebut.

Encik Hussein menerangkan beliau telah pun menghantar surat keliling kepada tiap-tiap ahli Dewan menjelaskan tujuan-tujuan usul tersebut.

Katanya, akta seumpama ini telah dipersetujui dalam dewan perwakilan British dan Amerika Syarikat.

Beliau yakin jika ahli-ahli Parlimen berdamping rapat dengan rakyat mereka akan menyedari terdapat keraguan dan syakwasangka dikalangan rakyat jelata bahawa wakil-wakil mereka .....bukan berkorban tenaga, wang dan masa untuk faedah rakyat.

Malah rakyat menjangka bahawa wakil-wakil mereka hanya berkhidmat membuat hartabenda bagi kepentingan sendiri yang setengah-setengahnya melalui isteri-isteri dan adik beradik menjadi pengurus.

Katanya, akta ini bukan saja untuk mengenepikan syak wasangka rakyat malah dapat mengadakan apa yang dikatakan sekumpulan wakil-wakil rakyat yang benar-benar dedikated untuk berkhidmat kepada rakyat.

Katanya, rakyat sekarang sudah sedar dan menjadi hakim kepada sikap wakil-wakil mereka.

"Kita mestilah berani kerana benar bukannya takut kerana salah," tegasnya.

Usul

Encik David berkata, usul ini akan membantu mewujudkan satu garis panduan kelakuan di kalangan anggota Dewan.

Tegasnya, rakyat punyai hak mengetahui faedah-faedah kewangan wakil-wakil yang mereka pilih.

Katanya, ahli-ahli Dewan mestilah menunjukkan contoh baik bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa kepentingan selain untuk rakyat dan negara.

Encik Luhat Wan berkata akta ini dapat menghapuskan anggapan salah rakyat terhadap wakil-wakil rakyat.

Katanya, usul ini akan memboktikan kepada rakyat bahawa ahli-ahli Dewan sebenar-benarnya pemimpin yang jujur.

Encik Lim Cho Hock berkehendakkan setiap anggota Dewan mengemukakan faedah kewangan mereka tiap-tiap enam bulan sekali atau pun sebelum dan selepas pilihanraya.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 17 APRIL, 1975

PTR.KD : 900 17/79.

UCAPAN PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN DI PEMBUKAAN RASMI SEMINAR ANJURAN KELAB UMNO UNITED KINGDOM PADA 15 APRIL, 1975 DI COMMONWEALTH INSTITUTE, KESINGTON HIGH STREET, LONDON.

SAYA merasa gembira dan bersyukur kerana dapat hadir merasmikan Seminar Politik Umno yang dianjurkan oleh UMNO United Kingdom.

Sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur Seminar ini atas langkah dan usaha mereka mengadakan perjumpaan yang penting seperti ini.

Bahkan inilah pertama kalinya penyokong - penyokong UMNO serta mereka yang menyokong Kerajaan Barisan Nasional mendapat kesempatan bertukar-tukar fikiran dengan pemimpin UMNO yang datang dari tanahair semenjak kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya bulan Ogos lalu.

Saya memuji sikap saudara-saudara sekalian kerana ingin tahu dengan secara dekat apa yang sebenarnya berlaku di tanahair kita hari ini dan apa sedang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Mencemuh

Inilah sikap yang penuh tanggungjawab, tidak seperti setengah golongan yang hanya tahu mencemuh, mengkritik secara membuta tuli segala apa yang Kerajaan lakukan serta menutup hati, mata dan telinga terhadap kenyataan yang sebenarnya di Malaysia.

Mereka itu hidup dalam suasana dan alam sekeliling ciptaan mereka sendiri dan jauh terpisah dari aliran masyarakat.

Saya kesihan kepada golongan ini tetapi selagi mereka terus menutup hati mereka kepada kenyataan, tiada siapa yang dapat menolong mereka dan biarlah mereka hanyut dengan khayalan mereka itu.

Sebelum saya bercakap lebih lanjut, marilah kita bersama-sama menoleh sebentar ke belakang meneliti detik-detik sejarah perjuangan kita mencapai kemerdekaan.

Saudara-saudara yang berada di sini dan juga pelajar-pelajar Malaysia yang lain yang bertuah dapat melanjutkan pelajaran di sini adalah hasil atau "product of our independence."

Inilah hakikat yang tidak boleh sesiapa menafikan samada ia datang ke sini dengan biasiswa Kerajaan ataupun dengan perbelanjaan sendiri.

Susah

Saya masih ingat masa saya dulu betapa susahnya mendapat bantuan dari Kerajaan Penjajah Inggeris untuk melanjutkan pelajaran di United Kingdom ini.

Biasiswa amat terbatas dan oleh itu pelajar-pelajar menumpukan seluruh usaha dan tenaga terhadap pelajaran dan mengorbankan kesenangan.

Pada masa itu boleh dibilang dengan jari angka pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom ini, tetapi hari ini bilangan pelajar-pelajar kita hampir 10,000 orang dan merupakan golongan terbesar di United Kingdom ini.

Oleh kerana perasaan insaf dan kesedaran betapa susahnya mendapat pelajaran, maka pelajar-pelajar Melayu pada masa itu menubuhkan persatuan untuk memperjuangkan nasib masa hadapan bangsa dan negara kita.

Kesatuan Melayu United Kingdom adalah diasaskan atas rasa kesedaran itu kerana kami tidak lupa kepada tujuan dan matlamat masa hadapan.

Zaman itu adalah zaman pergolakan politik di Asia Tenggara—Indonesia dan Indochina — di samping benua India dan Ceylon. Dengan yang demikian, kami tidak menyimpang daripada tujuan mutlak mendapatkan pelajaran serta melengkapkan diri untuk masa depan.

We did not lose our sight of the future at all because we did not allow ourselves to become victims of the new environment.

Tidak ada masaalah besar sesama golongan pelajar masa itu barangkali kerana sudah matang berbanding dengan pelajar-pelajar hari ini.

Apa yang menjadi masaalah hingga tercetus kekecohan dalam gerakan pelajar-pelajar kita terutama di luar negeri kerana pertembungan dua corak kebudayaan yang mempengaruhi kehidupan mereka.

Terbawa2

Mereka yang lemah telah dengan mudah terbawa-bawa dengan sistem yang baharu ditempuhi. Tetapi sebaliknya kalau kita perhatikan keadaan pelajar-pelajar kita pada zaman saya dahulu, tidak timbul pergolakan seperti saya sebutkan tadi.

Didikan dan pelajaran asas yang diterima telah dapat mematahkan gejala-gejala liar yang hendak mempersonakan kami.

The present generation succumbs easily to whatever influence that comes their way. I don't mind at all if they bring good influence but what we fear is that our students may fall into a state of moral degradation.

They simply follow whatever is current during that period without thinking or considering whether they are good to them and the country. This I think is the root cause of present generation.

I am not saying that they should close their eyes and shut themselves up in their own cultural prison. What is important is that they should be able to think for themselves and decide what is good and what is bad for them as well as for the society.

Saya faham sebagai jenerasi muda, saudara-saudara agak kurang sabar berkenaan sesuatu masaalah. Darah muda memang panas dan oleh itu sekiranya sesuatu tindakan dilakukan tanpa dikaji dengan mendalam, tentulah teruk padahnya.

Actions are simply governed by emotions and not by the mind. Jadi terpaksa kita berjaga-jaga supaya tidak terpengaruh oleh gejala-gejala ini.

Saya percaya Kelab UMNO United Kingdom ini akan berusaha bagi menjamin agar pelajar-pelajar kita tidak akan terpengaruh oleh anasir-anasir liar itu.

Saya ucapkan syabas dan berharap agar diteruskan kerja-kerja yang berfaedah dan menafaat ini. Inilah kegiatan-kegiatan yang kita ingini.

Dukacita

Hanya saya dukacita juga ramai pelajar-pelajar kita di sini mahupun di tanahair yang telah terpengaruh oleh gejala-gejala yang kurang sihat.

Mereka mengambil tindakan-tindakan yang terkeluar dari garis tatasusila menentang undang-undang negara.

Mereka patut sedar tindakan-tindakan yang begini merugikan mereka sendiri dan juga negara. Tetapi oleh sebab mereka telah terpengaruh oleh anasir-anasir luar, nampaknya mereka tidak dapat memikirkan akibat dari tindakan yang dilakukan itu yang hanya membawa kerugian kepada negara dan diri mereka sendiri.

Harapan ibubapa yang menghantar anak-anak keluar negeri supaya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan untuk kembali berkhidmat bagi kebahagiaan diri mereka, keluarga mereka dan juga negara.

Jadi amatlah mendukacitakan setelah mengeluarkan belanja sebegitu banyak hasil yang dicapai hanya setakat pandai berdemonstrasi. Sudah tentu ini mengham-pakan harapan ibubapa dan masyarakat.

Hindarkan

Inilah hal yang sungguh mendukacitakan dan patutlah kita bersama-sama menghindarkan supaya jangan berlaku.

Kita berkehendakkan ramai lagi orang-orang Melayu dan ahli-ahli Bumiputra yang berkelulusan tinggi untuk berkhidmat dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan dan juga dalam swasta dan ajensi-ajensi perniagaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Kalau kita tidak dapat cukup bilangan belia-belia Melayu dan Bumiputra yang dikehendaki, nescaya kita tidak dapat melaksanakan Dasar Ekonomi Baru kita dengan sepenuhnya.

Dengan sebab itu, mustahak penuntut-penuntut yang berada di universiti dan sekolah - sekolah Tinggi menumpukan masa dan tenaga kepada pelajaran mereka untuk membolehkan mereka mendapat kelulusan yang dikehendaki serta berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Sebagai yang kita maklum, kita berada dalam tahun akhir Rancangan Malaysia Kedua yang bermula pada tahun 1971. Disebabkan keadaan dunia yang sedang dilanda inflasi dan diikuti oleh keadaan merosot, pengeluaran mentah kita tidak mendapat pasaran yang memuaskan.

Kita terpaksa menjimatkan perbelanjaan sambil mencari sumber-sumber pinjaman luar. Sungguhpun perdagangan luar terjejas sedikit pada keseluruhannya Rancangan Malaysia Kedua khasnya yang berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai dengan memuaskan.

Sengsara

Kita patut bersyukur ke hadzrat Tuhan Rabbulalamin kerana keadaan negara kita hari ini adalah baik dan tidak seperti yang dibesar - besarkan oleh anasir-anasir anti-nasional.

Tidak ada kesengsaraan hidup seperti yang terdapat di negara lain.

Kita tidak menafikan adanya kemiskinan di negara kita tetapi tidaklah seperti apa yang disiarkan oleh setengah-tengah akhbar luar negeri beberapa bulan yang lalu.

Saya percaya saudara-saudara juga mendengar kononnya ada berlaku kelaparan di negara kita iaitu di Baling baru-baru ini.

Saya percaya orang-orang kita yang waras fikiran dan tahu keadaan di negara kita, tidak akan mudah terpengaruh dengan berita seumpama itu. Kelaparan tidak mudah berlaku.

Kita tahu negara kita tanahnya subur dan kalau tidak dibaja sekalipun, tanaman akan tumbuh dengan suburnya. Hanya rakyat hendaklah berusaha bercuck tanam sekurang-kurangnya untuk keperluan sendiri.

Di kampung-kampung masih banyak tanah terbiar, keseluruhannya tidak kurang satu juta ekar tanah yang telah diberi kepada rakyat tidak diusahakan. Tentulah kita boleh memikirkan berapa besarnya kerugian negara akibat pembiaran tanah yang sedemikian.

...n rupa.

Hari ini kita telah mengubah dasar pengeluaran makanan iaitu negara hendaklah mempunyai bekalan yang cukup atau self - sufficiency.

Tidak lama dulu saya telah melancarkan Rancangan Buku Hijau di seluruh negara dengan tujuan bukan saja menjadikan negara kita berdikari dalam pengeluaran makanan, bahkan dengan rakyat dapat mengeluarkan barang-barang makanan dengan usaha sendiri, perkara ini dapat meringankan bebanan yang ditanggung rakyat kerana tekanan inflasi yang sedang dihadapi.

Tumpukan

Kita tahu benar kebanyakan orang kita menumpukan sara hidup mereka kepada sesuatu jurusan pekerjaan saja dan tidak menggunakan sepenuhnya tanah yang mereka miliki.

Lazimnya seseorang itu bergantung mata pencariannya menoreh getah, dan pendapatan dari itu digunakan untuk membeli segala keperluan.

Dalam keadaan inflasi sekarang, pendapatan sudah tentu tidak akan mencukupi.

Semasa harga getah masih baik mereka boleh membeli segala-galanya — makanan, sayuran - sayuran, buah-buahan, pakaian dan barang-barang lain. Tetapi kita tahu banyak perkara yang tidak payah dibeli dan boleh diusahakan sendiri seperti sayur-sayuran dan ternakan.

Kalau keperluan-keperluan tersebut diusahakan sendiri, sudah tentu bukan saja dapat menjimatkan perbelanjaan dan meringankan beban bahkan ada kemungkinan berlebihan wang untuk simpanan.

Inilah tujuan utama kita melancarkan Gerakan Buku Hijau supaya menambahkan bekalan makanan dan mengurangkan perbelanjaan keluarga sendiri.

Matlamat yang keduanya, sebagai langkah

★ Lihat Muka 8

Berita Harian 17 April 74

PTR.KD: 901 48/79.



TUN RAZAK

KEBULURAN SUKAR TERJADI, NEGARA KITA SUBUR: TUN

KUALA LUMPUR, Rabu. — Kelaparan tidak mudah berlaku di Malaysia tanahnya subur dan tanaman akan tumbuh subur sekalipun tidak dibaja, kata Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Beliau berkata, orang-orang kita yang waras fikiran dan tahu keadaan negara tidak akan mudah terpengaruh oleh berita kononnya ada berlaku kelaparan di daerah Baling, Kedah baru-baru ini.

Tun Razak berkata demikian ketika merasmikan seminar anjuran Kelab UMNO United Kingdom di London semalam.

Kelaparan tidak mudah berlaku di Malaysia, kata Tun Razak "negara kita subur tanahnya sekalipun tidak dibaja, akan tetap subur juga tanamannya."

Bukan saja masih banyak tanah terbiar di kampung-kampung, malah tidak kurang sejuta ekar tanah yang diberikan oleh Kerajaan masih belum diusahakan lagi oleh rakyat.

Dengan ini, tentu dapat kita memikirkan betapa besar kerugian negara akibat pembiaran tanah demikian rupa, tambah Tun Razak.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata Kerajaan telah mengubah dasar pengeluaran makanan dengan menghasilkan bekalan yang cukup berikutan pelancaran Buku Hijau tidak lama dulu.

Tujuan rancangan Buku Hijau bukan saja menjadikan negara berdikari dalam pengeluaran makanan, bahkan rakyat dapat mengeluarkan barang-barang makanan dengan usaha sendiri bagi meringankan bebanan akibat tekanan inflasi yang sedang dihadapi.

Ucapan penuh Tun Razak di muka 2.

Razak mula lawatan 3 hari di Sweden

STOCKHOLM, Rabu. — Tun Abdul Razak tiba di sini hari ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari iaitu lawatannya yang pertama ke Sweden.

Perdana Menteri akan mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Sweden, Encik Olof Palme mengenai perkara kepentingan Bersama.

Perkara utama yang akan dibincangkan ialah mengenai keadaan di Asia Tenggara khusus Indochina dan soal mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dan perdagangan antara Sweden dengan Malaysia.

Mereka juga dijangka bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan Asia Tenggara.

Kerjasama serantau juga mungkin menjadi perhatian khas kerana Sweden adalah sebuah negara anggota Majlis NORDI — sebuah pertubuhan serantau yang meliputi Sweden, Finland, Iceland Norway dan Denmark.

Soal tenaga, bahan mentah dan masaalah antara negara - negara maju dengan yang sedang membangun mungkin juga disentoh.

Dalam rundingannya dengan pemimpin-pemimpin Sweden, Tun Razak juga berharap dapat meningkatkan lagi hubungan pertukaran ekonomi dan pengetahuan teknikal antara kedua buah negara.

Perdana Menteri dijangka berucap di satu perjumpaan dengan ahli-ahli perniagaan dan pengusaha terkemuka di sini mengenai peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Bernama.

BERITA HARIAN, ISNIN, 22 APRIL, 1974

PTR LD: 902 49/79.



● *Tun Razak dan Datuk Asri duduk bersama diatas pentas di rapat umum raksaksa di padang besar Temerloh, Pahang malam semalam. — Gambar Berita Harian.*

Pemimpin2, ahli2 Umno diingatkan

Tun: Hak undi jangan dijualbeli

Oleh SAAD HASHIM

TEMERLOH, Ahad. – Tun Abdul Razak mengi ngatkan pemimpin - pemimpin dan ahli - ahli Umno hari ini, mereka janganlah sampai menjual diri dan menjual iman kerana hendakkan kuasa dan kedudukan.

Tegas beliau, kekuatan orang Melayu sekarang ialah kerana kekuatan politiknya. Oleh itu hak mereka itu janganlah dijualbelikan.

Memberi amaran

Tun Razak selaku Presiden Umno berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Pahang Selatan di Dewan Bandaran di sini.

Perdana Menteri menyebut demikian kerana dia diberitahu, ada pihak-pihak yang cuba membeli undi dari cawangan-cawangan supaya terpilih ke dalam jawatankuasa bahagian itu.

Kata Tun Razak, perbuatan ini adalah tidak baik dan seterusnya beliau memberi amaran, Ibupejabat parti akan bertindak keras terhadap orang-orang yang berbuat demikian.

Kegiatan sosial dan sukan digalak

★ DARI MUKA 1

sedia mensesuaikan perjuangan dan kedudukannya mengikut hasrat rakyat di semua peringkat dari semasa kesemasa.

"Kita mengalu-ngalukan sesiapa sahaja samaada golongan profesyenal maupun golongan petani untuk menyertai perjuangan kita."

Beliau juga menyeru seluruh ahli Umno bahawa dalam perjuangan politik, Umno satu walaupun ia ada bahagian Pemuda dan Wanitanya.

"Kita menggalakkan Pemuda mengadakan kegiatan sosial dan sukan bagi menarik golongan muda dan begitu juga Wanita Umno bagi kaum wanita.

"Tetapi dalam perjuangan politik kita hendaklah bergerak sebagai badan tunggal. Segala salahfaham antara kita hendaklah dilupakan," kata Tun Razak.

Menurut beliau, krisis rumahtangga dalam Umno adalah perkara biasa lebih-lebih lagi memandangkan kepada Umno yang sudah wujud begitu lama dan seterusnya menjadi pendokong Kerajaan sejak merdeka.

Sementara itu, dalam ucapannya di rapat umum raksaksa di padang besar di sini malam tadi, Tun Razak menjelaskan, Barisan Nasional dibentuk dengan tujuan untuk menyatupadukan rakyat daripada semua bangsa.

"Kalau keadaan masyarakat masih berpuak dan berpecah belah macam dulu maka satu usaha pun tidak dapat dilaksanakan dengan betul dan akhirnya kita sendiri yang rugi."

Tun Razak memberitahu, beliau akan mengumumkan beberapa langkah baru sedikit hari lagi bagi mempergiatkan usaha menentang inflasi di negeri ini.

Tun Razak menambah, Malaysia akan berusaha sedaya upaya untuk merapatkan hubungan dengan semua negara lebih-lebih lagi negara-negara Islam.

BERITA HARIAN, ISNIN, 22 APRIL, 1974

PTR/KA: 903 50/74

Amanah Saham Pahang, serupa Mara ditubuh

100 saham saja dibenar buat

TEMERLOH, Ahad. — Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini, penubuhan syarikat Amanah Saham Pahang yang akan berjalan serupa dengan Amanah Saham Mara, bagi membolehkan tiap rakyat Bumiputera negeri itu menyertai bidang perindustrian dan pelaburan.

dari semasa kesemasa.

Kedudukan peraturan ini akan dikaji semula dari semasa kesemasa juga, kata punca-punca yang mengetahui.

Tun Razak menegaskan, amanah saham Pahang ini akan menentukan yang saham-saham itu hanya didapati oleh Bumiputera.

Diserahkan


"Kita tidak boleh membiarkan saham-saham ini jatuh ke tangan orang bukan Bumiputera kerana ini bermakna usaha-usaha pembangunan iktisad yang kita jalankan selama ini akan sia-sia sahaja."

Beliau juga menegaskan, syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan itu juga akan diserahkan semula kepada rakyat.

Tun Razak juga menyebut, masa depan Pahang adalah cerah lebih-lebih lagi dengan terjumpanya hasil minyak dan gas di pantai negeri itu.

Memandangkan kepada keadaan ini, Kerajaan bercadang hendak mengadakan satu kilang penapis minyak serta sebuah kilang yang mengeluarkan barang-barang dari minyak atau petrochemical.

Selain dari itu, dua buah kilang memasang kereta juga akan dituhkan di Pahang.



Tun Razak bersalam-salaman dengan pemimpin-pemimpin Umno bahagian Pekan sebelum beliau merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian itu kelmarin.



Tun Razak dan Datuk Mohamed Asri di dalam rapat umum raksaksa di padang hang malam semalam.

Di kiri kanan gadis-gadis manis menab saksikan oleh puluhan ribu rakyat.



· BERITA HARIAN, SELASA, 23 APRIL, 1974

PTR. KA : 904 51/78

Kebanyakan k-tangan di badan2 berkanun pegawai-pegawai bu kan Bumiputera

Tun nafi utama B-putera dalam khidmatan awam

TUN Abdul Razak hari ini menyangkal tuduhan bahawa pengambilan kakitangan ke dalam perkhidmatan awam telah memberatkan Bumiputera dari bukan Bumiputera.

Kata Tun Razak, kebanyakan kakitangan di badan-badan berkanun sebenarnya terdiri dari pegawai-pegawai bukan Bumiputera terutama dalam bidang teknikal dan pengurusan.

Beliau juga menyebut Yunit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan di mana pegawai-pegawai bukan Bumiputera telah memegang jawatan tertinggi sekali.

Katanya, Kerajaan meskipun ada rancangan-rancangan untuk merapatkan jurang antara pegawai-pegawai dalam badan-badan berkanun dengan pengambilan pegawai-pegawai Bumiputera, namun bilangan pegawai-pegawai bukan Bumiputera tetap lebih besar daripada pegawai-pegawai Bumiputera.

KUALA LUMPUR, Isnin

Katanya sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini, terdapat keadaan yang tidak seimbang dalam kedudukan kakitangan Kerajaan.

Lebih sedikit

"Apa yang kita lakukan pada masa ini ialah dengan tujuan membaiki keadaan ini supaya pembahagian pekerjaan benar-benar mencerminkan keadaan penduduk di negara ini," tegas beliau.

"Hanya di peringkat pertengahan dan rendah sahaja terdapat lebih sedikit pegawai-pegawai Bumiputera," kata beliau.

Perdana Menteri ketika menggulungkan perbahasan ucapan Di Raja di Dewan Rakyat petang ini berkata beliau berpuashati terhadap pengambilan kakitangan oleh badan-badan berkanun yang telah menggambarkan kedudukan berbagai kaum di negeri ini.

Masaalah pengambilan kakitangan yang dikatakan memberatkan Bumiputera telah ditimbulkan oleh wakil Pekemas dari kawasan Batu, Dr. Tan Chee Khoon ketika membahaskan ucapan Diraja minggu lalu.

Tun Razak menyebut badan-badan berkanun seperti LPN, Keretapi Tanah Melayu, EPF, NISIR, MARDI, MAS, MISC, FIDA, RRI, MRDC dan beberapa badan yang lain sebagai contoh untuk membuktikan Kerajaan tidak memberatkan kakitangan Bumiputera dari yang bukan Bumiputera.

Tun Razak mengingatkan wakil kawasan Batu itu hendaklah melihat kepada kedudukan keseluruhannya dan tidak terlalu membesar-besarkan perkara yang kurang benar itu.

Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, akan menerangkan masaalah inflasi dengan panjang lebar di Dewan Rakyat esok manakala beliau sendiri akan membuat kenyataan terhadap langkah-langkah lanjut yang Kerajaan bercadang hendak ambil untuk mengatasi masaalah inflasi.

Reaksi

Menyentuh masaalah kenyataan Ketua Menteri Sarawak terhadap tuntutan Brunai ke atas Limbang, Tun Razak berkata kenyataan-kenyataan Ketua Menteri Sarawak itu dibuat kerana perbuatan dan tutur kata yang dilakukan oleh Seri Begawan sendiri.

Katanya, adalah adil dan sewajarnya bagi Ketua Menteri Sarawak menunjukkan reaksi Kerajaan dan rakyat Sarawak terhadap tuntutan Brunai melalui Radio Brunai.

Beliau berharap wakil SNAP dari Miri Subis, Datuk James Wong yang membuat berbagai tuduhan ke atas kenyataan Ketua Menteri Sarawak itu supaya menjelaskan identiti kepada Kerajaan, terhadap perkara penting itu, iaitu kedaulatan dan kawasan negeri ini di cabar.

Tun Razak juga mengulangi harapannya semoga Seri Begawan Brunai sendiri menjauhkan dari perbuatan atau percakapan yang hanya akan menambah sulit dan meruncingkan keadaan hari ini.

Tun Razak juga menyebut tuduhan-tuduhan Encik Lim Kit Siang, wa-

BERITA HARIAN, SELASA, 23 APRIL, 1974

PTR. 905 52/74

Tun: Tanda2 penubuhan Komanwel Islam jelas

KUALA LUMPUR, Isnin. — Tanda-tanda jelas sudah-pun kelihatan ke arah penubuhan Komanwel Islam, demikian menurut Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, hari ini.

Katanya, dalam masa empat tahun yang lalu ketua-ketua Negara Islam telah mengadakan sidang kemuncak sebanyak dua kali, manakala sidang menteri luar Islam diadakan empat kali.

Menurut beliau, Komanwel Islam itu adalah, negara-negara ahli akan dapat bekerjasama dengan rapat dalam semua bidang.

Untuk mencapai matlamat ini ejensi-ejensi seperti Bank Pembangunan Islam telah ditubuhkan, kata Perdana Menteri.

Dalam jawapannya kepada Encik Abu Bakar Umar (PAS-Kubang Pasu Barat), Tun Razak menjelaskan antara kejayaan sidang Lahore itu ialah Pakistan dan Bangladesh telah dapat merojok.

Di samping itu keanggotaan Persidangan Islam juga telah bertambah menjadi 38 buah dengan penyertaan Cameroon, Gabon, Gambia, Guinea-Bissau, Uganda dan Upper Volta.

Iraq juga buat pertama kalinya menghadiri sidang itu sebagai pemerhati.

Di bidang ekonomi, sidang Lahore itu juga menubuhkan satu jawatankuasa pakar khas bagi mencari cara-cara kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 25 APRIL, 1974

PTR. KS. 906 53/74

ELAUN KHAS: BELUM MASA DITAMBAH LAGI—TUN

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Abdul Razak berkata hari ini masanya belum sampai lagi untuk kerajaan menimbangkan satu lagi pemberian elaun bantuan khas kerana langkah ini mungkin memburukkan lagi keadaan inflasi.

Perdana Menteri berkata beliau memang sedar kadar inflasi yang terdapat sekarang telah mengurangkan sebahagian daripada kuasa beli elaun bantuan khas yang diberi oleh kerajaan kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah.

Namun demikian, kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang lain untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah.

Tun Razak berkata demikian ketika menjawab soalan dari Encik Lim Kit Siang (DAP-Bandar Melaka) yang bertanya samada kerajaan bercadang memberikan lagi elaun bantuan khas memandangkan kenaikan harga dan tekanan inflasi sekarang.

Inflasi

Perdana Menteri seterusnya berkata elaun bantuan khas yang telah diberi kepada pekerja-pekerja sejak bulan Oktober 1973 yang lalu, merupakan satu daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan.

Langkah itu, tegas beliau, bertujuan untuk meringankan beban akibat daripada inflasi yang telah menimpa negara ini.

Langkah-langkah lain, kata beliau, termasuklah pemberian sabsidi kepada barang-barang keperluan yang penting seperti gula, kawalan harga terhadap beras dan barang-barang lain yang mungkin memerlukan tindakan serupa itu.

Tun Razak juga berkata setengah-setengah pekerja mungkin masih belum lagi menerima elaun bantuan khas itu kerana bilangannya terlalu ramai dan mengambil masa.

...cayai dan di kedai Peniag...
...Mutu dinafati oleh semua...
...dimiliki oleh ramai...
...Dimikmati oleh sekelintir...
...UNGLAH KEPADA ...
...NUKAR MINYAK N...
...nempunyai sebarang...
...i. Inilah yang bertaris...
...adalah mustahak untuk...
...nyak dan penapisan ud...
...U BAHAN YANG D...
...S UDARA WIX YAN...
...S MINYAK DAN...

BERITA HARIAN, KHAMIS, 25 APRIL, 1974

PTR. RA: 907 5417R.

Shiro Inoue menemui Tun Abdul Razak



Presiden Bank Pembangunan Asia, Encik Shiro Inoue menemui Tun Abdul Razak di pejabatnya di Kuala Lumpur kelmarin.

Encik Inoue yang tiba ke Malaysia kerana menghadiri sidang tahunan gabenor-gabenor bank tersebut membincangkan soal - soal mengenai peranan bank tersebut serta juga kedudukan kewangan antarabangsa.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 3 MEI, 1974

PTB. KA: 908 55/7R

Tun sebut 5 'musuh' konsep Barisan Nasional



TUN RAZAK

ALOR SETAR, Khamis. — Tun Abdul Razak malam ini telah menyebut lima "musuh" konsep Barisan Nasional, perpaduan orang-orang Melayu dan kerjasama Melayu dengan kaum-kaum lain.

Perdana Menteri menyebut musuh-musuh itu sebagai Partai Rakyat, penentang - penentang dalam UMNO dan PAS, pelampau-pelampau, komunis militan yang degil dan golongan chauvinist yang menggunakan issue-issue bahasa dan pelajaran Cina.

Tun Razak memberi ucapan dalam rapat Perikatan PAS di Padang Mahkamah di sini malam ini.

Perdana Menteri, yang berucap selepas ucapan pemimpin PAS, Datuk Haji Mohawed Asri, berkata penentang-penentang dalam UMNO dan PAS telah menjadi penentang kerana mereka tidak dipilih ke sebarang jawatan dalam parti.

Menyokong

"Saya fikir golongan-golongan ini akan bertanding sebagai calun-calun bebas dalam pilihanraya besar akan datang" kata Tun Razak.

"Kita tidak takut kepada mereka kerana kita tahu mereka tidak akan beroleh keyakinan rakyat. Pengundi-pengundi akan menyokong calun-calun yang dilantik oleh parti-parti mereka sahaja," katanya.

Beliau mensifatkan pelampau-pelampau sebagai anasir-anasir sebersif dan berkata mereka menggunakan soal-soal ugama dan perkauman untuk memikat hati rakyat.

"Kita sedang memerhati kegiatan-kegiatan mereka dan kita tahu siapa mereka. Kita akan mendedahkan mereka kemudian kelak," tambahnya.

Tun Razak berkata dua bahaya besar terhadap negara sekarang ialah komunis yang militan dan golongan chauvinist.

Bagaimana kelak negara akan berjaya mengatasi bahaya-bahaya ini akan bergantung atas bagaimana pemimpin-pemimpin menghadapi sebarang keadaan.

"Pemimpin - pemimpin kita telah dapat menghadapinya kerana mereka senantiasa berdamping rapat dengan rakyat," kata Tun Razak.

Penting

Tun Razak berkata ia akan terus melawat merata-rata tempat dalam negeri ini untuk menjelaskan kepada rakyat konsep dan dasar barisan nasional.

"Kita sekarang pada saat yang sangat penting dalam sejarah negara kita," katanya.

"Masa sekarang ialah masa yang paling baik bagi Bumiputera memandang kepada masa hadapan yang cerah.

"Bagi kali pertama semenjak merdeka, pimpinan Kerajaan Pusat berasaskan sebuah Kerajaan Campuran yang mencerminkan hasrat dan harapan lebih ramai rakyat dari masa lalu."

Tun Razak memberi jaminan bahawa pertikaian politik antara parti-parti yang telah menghalang kemajuan negara akan dikawal. Ia mensifatkan kedudukan negara sekarang sebagai sebuah bahtera yang belayar menuju bahagia.

"Matlamat kita adalah jelas — perpaduan negara, setiakawan antara kaum, kemajuan ekonomi dan kemakmuran bagi seluruh rakyat," kata Tun Razak.

"Di bawah pimpinan Barisan Nasional, mata-

★ MUKA 10 ruang 6

Razak hurai matlamat Barisan Nasional

● DARI MUKA 1

lamat ini akan tercapai," katanya.

Tun Razak berkata, tarikh pilihanraya akan ditetapkan kemudian kelak. Ia menasihatkan pekerja-pekerja dan ahli-ahli parti supaya bekerja keras dan bersiap untuk menghadapianraya itu akan diadakan esok.

Ia mengesahkan satu simbol sama akan digunakan oleh semua parti dalam Barisan Nasional.

"Orang-orang Melayu hendaklah bersatu-padu supaya kita boleh mengalahkan musuh - musuh politik kita yang menentang UMNO dan PAS," kata Tun Razak.

Tun Razak berkata, dasar ekonomi baru Kerajaan telah disusun dengan matlamat yang tidak ada di mana-mana negara membangun yang lain.

Tujuannya, katanya, ialah hendak mengimbangkan kedudukan ekonomi, sosial dan kebudayaan orang - orang bandar dan luarbandar.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 3 MEI, 1974

PTR.KB : 909 SC/75.

Penjualan hendaklah timbangan kati

Kawalan harga beras dikuatkuasa

KAWALAN harga beras berjalan kuatkuasa esok. Kerajaan mengumumkan hari ini, peraturan - peraturan mengenai kawalan harga itu yang antara lain menghendaki pekedai - pekedai meletakkan tanda atau lebel mengenai sesuatu gred dan harga maksima beras yang dijual.

Tanda atau lebel itu hendaklah di dalam Bahasa Malaysia dan diletakkan di tempat yang terkemuka supaya senang dibaca oleh pelanggan-pelanggan.

K. LUMPUR, Kha.

Perintah kawalan harga tersebut ditandatangani oleh Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Ia akan berjalan kuatkuasanya di seluruh Malaysia. Bagaimanapun, perniagaan beras yang dijalankan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara adalah dikecualikan daripada perintah itu.

Menurut perintah itu lagi, tanda dan lebel tersebut tidak dibenarkan mengandungi sebarang tulisan atau maklumat lain selain daripada yang dikehendaki oleh perintah itu sahaja.

Sebarang penjualan beras hendaklah dibuat dengan timbangan kati atau pecahan kati sahaja.

Untuk sesuatu jualan borong, si penjual mestilah memberikan kenyataan bertulis kepada si pembeli butir-butir mengenai gred, berat bersih beras, harga dan tarikh ia diserahkan kepada si pembeli.

Si penjual juga dikehendaki menyimpan satu salinan kenyataan tadi selama dua tahun mulai tarikh penjualan itu dibuat.

Perintah tersebut menegaskan, adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang menjual atau membeli beras lebih daripada harga maksima yang ditetapkan.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 3 MEI, 1974

PTR. KD: 910 57/79 -
3 mei. 1974.

Kemajuan penduduk luarbandar dan bandar perlu diimbang

KUALA LUMPUR, Khamis.

KEMAJUAN penduduk di dalam dan luarbandar perlu diimbangkan bagi menjamin harmoni dan stabiliti terutamanya dalam masyarakat berbilang kaum.

"Selama ini banyak usaha telah dibuat untuk membaiki keadaan pekerja-pekerja perusahaan yang mempunyai kesatuan.

"Tetapi seskarang masanya telah tiba perhatian ditumpukan kepada para petani di luarbandar yang selama ini bekerja sendiri," kata Perdana Menteri Tun Abdul Razak ketika merasmikan sidang ke 16 Jawatankuasa Penasihat Kawasan Asia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di sini hari ini.

Meningkat

Untuk ini beliau menyeru supaya dikaji masaalah pembangunan sumber tenaga manusia di luar bandar supaya ia dapat digunakan sepenuhnya meningkat taraf ekonomi dan pendapat mereka.

Tun Razak berkata, dasar Malaysia membaiki taraf hidup rakyat luar bandar telah dihurai dengan jelas dalam Rancangan Malaysia Kedua melibatkan hampir 75 peratus dari jumlah 11.4 juta penduduk yang tinggal di luarbandar.


Beliau menambah jika kajian ini tidak dilakukan lebih ramai lagi penduduk luarbandar berhijrah ke bandar disebabkan tekanan dan kekurangan peluang pekerjaan.

Ini disebabkan belia-belia luarbandar tertarik dengan penubuhan kilang-kilang perusahaan dan firma-firma di bandar kerana mereka boleh mendapat pekerjaan yang boleh menjamin masa depan mereka, kata beliau.

Kekurangan

Bagaimanapun, jelas Perdana Menteri, belia-belia luarbandar itu tidak akan dapat menandingi belia-belia bandar kerana mereka kekurangan pelajaran atau kemahiran.

Dari pengalaman Malaysia, tegas Tun Razak, pembanguan luarbandar da
te
r


1974.
lah! Tawar
karkan der
pembungk
karang, d
PERCUMA
sebuku G

Tun seru dikaji peranan kaum wanita

● DARI MUKA 1

juga dapat menghapuskan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara penduduk bandar dan luarbandar.

Tun Razak kemudian memberitahu bahawa proses rancangan pembangunan luarbandar melibatkan para pemimpin, ahli ekonomi, pentadbir dan juga rakyat dengan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Dan masaalah pembangunan tenaga manusia di luarbandar pula ada kaitannya masaalah pentadbiran.

Beliau berharap satu rumusan yang berkesan dapat dikeluarkan dari jawatankuasa ini bagaimana tenaga manusia di luarbandar dapat diekonomi dan sosial mereka.

Beliau juga memberitahu di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia yang sekarang masuk tahun ke empat Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah berjaya memajukan lebih setengah juta ekar tanah dengan menempatkan 29,000 keluarga.

Terbatas

Tun Razak kemudian menyeru pihak berkenaan mengkaji peranan kaum wanita dengan menyediakan peluang-peluang yang lebih baik kepada mereka mendapatkan pekerjaan dan latihan yang sempurna.

Menurut beliau, kaum wanita telah diterima sebagai sebahagian dari sumber tenaga manusia dan dikebanyakan negara Asia hari ini semakin ramai dari mereka bekerja dalam semua sektor ekonomi.

Bagaimanapun peluang bagi mereka menjadi pekerja mahir masih terbatas kerana kekurangan tenaga latihan yang sempurna.

"Kerana itu penegasan hendaklah diberi kepada peranan wanita ini dengan menyediakan peluang-peluang yang lebih baik untuk mereka mendapatkan latihan," kata beliau.

Matlamat

Tun Razak juga memberitahu bahawa kadar pengangguran di Malaysia telah turun dan dala



Berita Harian
3 mei 74.

PTR. KD : 911 58/79



Tun rasmikan mesyuarat ILO

Tun Razak tiba untuk merasmikan sidang ke 16, Jawatankuasa Penasihat Kawasan Asia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) di Dewan Tunku Abdul Rahman, semalam.

Beliau diiringi oleh Encik Francis Blanchard, Ketua Pengarah Pejabat ILO. Kelihatan sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

Sidang lapan hari itu dihadiri oleh wakil-wakil ILO seluruh Asia.

Beberapa buah kertas kerja akan dibincangkan antaranya, peranan dan kejayaan Kementerian-kementerian Buruh di Asia. — Gambar Berita Harian. (Berita dimuka 1).

RABU, 15 MEI, 1974 — 22 RABIULAKHIR, 1394

PTR. KD: 912 59/79

'Kita mahu kaum minoriti Islam tidak diganggu'

Sidang Islam: Tohamy runding dengan Hussein

KUALA LUMPUR, Selasa. — Setiausaha Agung Sekreteriat Islam, Encik Hassan El Tohamy, hari ini berunding dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, mengenai Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam yang akan diadakan pada 21 Jun depan.

Ajenda

Beliau, yang tiba di sini Sabtu lalu untuk mengatur persiapan persidangan itu, mengunjungi Datuk Hussein di pejabatnya.

Menurut Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Wahab Majid, mereka membincangkan ajenda serta peraturan persidangan itu, termasuk keadaan di Asia Barat dan kedudukan umat Arab dalam dunia Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Persidangan itu, Encik Jamaluddin Abu Bakar turut dalam rundingan tersebut.

KUALA LUMPUR, Selasa. — Sekreteriat Islam hanya akan meminta negara-negara yang mempunyai penduduk golongan minoriti Islam supaya jangan mengganggu ketenteraman golongan itu.

"Kita tidak bertujuan mengganggu pentadbiran dalam negara-negara itu," demikian Setiausaha Agung Sekretariat Islam, Encik Hassan El Tohamy, memberitahu para pemberita di Lapanganterbang Antarabangsa di sini, sebelum berlepas ke Bangkok pagi ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan negara-negara Islam, supaya menubuhkan pertubuhan golongan minoriti Islam tahun depan.

Butir2

Menurutnya, butir-butir lanjut mengenai pertubuhan itu akan diputuskan selepas Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara Islam di sini, bulan depan.

Encik Tohamy yang melawat Malaysia selama tiga hari untuk merundingkan persiapan persidangan itu berkata, sebanyak 22 perkara akan dibincangkan dalam persidangan tersebut.

Antaranya, membincangkan mengenai penyerahan kembali Baitul Makdis kepada Islam dan laporan mengenai umat Islam di Filipina.

Kerjasama

Persidangan itu juga, katanya, akan membincangkan kerjasama antara negara Islam di bidang ekonomi, berdasarkan kerja jawatankuasa pakar ketika Sidang Kemuncak di Lahore, pada Februari lalu.

"Kita akan mencari jalan mengurangkan masaalah negara-negara Islam yang tidak mengeluarkan minyak, memandangkan krisis tenaga yang sedang berlaku," tambah beliau.

Menurutnya, langkah-langkah juga akan diambil untuk memberi keutamaan kepada negara-negara Islam, mendapatkan bekalan minyak.

Persidangan itu juga akan mencari peluang melaburkan modal dalam negara-negara Islam, disamping membincangkan mengenai Tabung Perpaduan Islam.

Perkara penting yang akan juga dibincangkan dalam persidangan itu ialah mengenai penubuhan Bank Kemajuan Islam.

Persidangan itu dijangka akan diadakan selama lima hari, mulai 21 Jun ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, akan mengetuai wakil-wakil Malaysia ke persidangan itu.



● Setiausaha Agung Sekreteriat Islam, Encik Hassan El Tohamy berjabat tangan dengan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak ketika mengunjungi Tun di pejabatnya, Kuala Lumpur, kelmarin.

PTR-UA: 913 G0179.

KHAMIS, 16 MEI, 1974



Tun seru guru2 eratkan k-sama dengan ibubapa

KUALA LUMPUR, Rabu

PERDANA Menteri menyeru kaum guru menanamkan semangat perpaduan berasaskan prinsip-prinsip Rukunegara untuk mengekalkan keutuhan Malaysia sebagai sebuah negara makmur, maju dan bersatupadu.

Beliau menegaskan, masyarakat seluruhnya atas jasa dan khidmat amat terhutang budi mereka dalam memberi pelajaran secukupnya kepada jenerasi muda.

Tun Abdul Razak berkata demikian dalam Perutusan Hari Guru yang berlangsung esok.

Beliau berharap, setiap anggota masyarakat dapat bersama-sama kaum guru merayakan hari yang paling bermakna dan berkesan itu.

Perdana Menteri selanjutnya menyeru agar kerjasama lebih erat antara ibubapa dan para guru dapat dijalinkan.

"Dengan ini saya percaya cita-cita kita hendak mengeratkan ikatan muhibbah dan persefahaman antara kaum di negara ini mencapai kejayaan," katanya.

Peranan

Beliau menambah, tema Hari Guru — "Peranan Guru Dalam Zaman Sains dan Teknoloji" — adalah tepat dan selaras dengan kehendak gerakan pembaharuan berasaskan pendidikan.

Beliau berharap, guru-guru akan bertindak tegas dalam memupuk minat anak-anak muda, terutama mereka dari luar-bandar mengikuti bidang sains dan teknoloji.

Perdana Menteri, akan merasmikan Seminar Hari Guru di Dewan Tunku Abdul Rahman jam 8 pagi esok.

Sementara itu, dalam kata-kata aluan Menteri Pelajaran, Haji Mohamed Yaacob berkata, perhubungan rapat antara guru-guru dan Kementerian Pelajaran dapat menjamin kepentingan anak-anak di masa depan.

"Sebagai kaum pendidik, guru-guru tidak terlepas dari tanggungjawab terhadap masyarakat," katanya.

Beliau menyeru kaum guru membaharui azam agar tanggungjawab mereka sejajar dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Haji Mohamed Yaacob dijangka merasmikan penutupan Seminar Hari Guru di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 18 Mei ini.

Seminar yang bermula jam 2.30 petang esok akan membincangkan empat kertas kerja.

Kira-kira 250 wakil pertubuhan guru-guru dan badan-badan berkanun, institusi-institusi pelajaran tinggi dan orang-orang perseorangan dijangka mengikuti seminar tersebut.

Pemangku Naib-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Mohd. Ghazali Abdul Rahman akan membentangkan kertas-kerja bertajuk "Keadaan Sistem Pengajaran di Sekolah dan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi."

Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Dr. Awang Had Salleh — "Peranan Guru dalam Negara yang Bersendikan Sains dan Teknoloji."

Ketua Pengarah DBP, Haji Sujak Rahiman akan memperkatakan "Peranan Guru dalam Penerbitan Buku-buku Teks Sains dan Teknoloji."

Sementara Encik Tan Teik Beng dari Pejabat Pelajaran Selangor akan membentangkan kertas-kerja bertajuk "Matlamat Pelajaran Sains dan Teknoloji di Sekolah-sekolah di Malaysia."

Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari Guru, Encik Kum Boo berkata, Hari Guru bertujuan menyatukan guru-guru dari berbagai peringkat agar martabat profesyen dapat dipertinggikan.

Berita Minggu, Ahad, 19 Mei, 1974

PTR. HS-94 61/79

Tengku Razaleigh: 43 orang peniaga telahpun dilantik

Bumiputera akan diberi peluang jadi ejen tayar



TENGKU RAZALEIGH

K. Lumpur, Sabtu.

GOODYEAR Malaysia Berhad sedang berusaha mewujudkan satu sistem pengedaran untuk Bumiputera menjadi ejen tayar dan barang-barang keluaran getah kilangnya di seluruh Malaysia, kata Tengku Razaleigh Hamzah.

Setakat ini, 43 orang peniaga Bumiputera telahpun dilantik untuk mengedarkan barang-barang keluaran kilang tayar usahasama PERNAS dengan Syarikat Goodyear Tyre and Rubber dari Amerika Syarikat.

Tengku Razaleigh, yang menjadi Pengerusi Bersama Syarikat Goodyear Malaysia Berhad, memberi jaminan bahawa perlantikan Bumiputera sebagai ejen tidak akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang tidak ada pengedar lain ingin menerima.

Sebaliknya, tegas beliau, Goodyear Malaysia akan melantik pengedar-pengedar Bumiputera di kawasan-kawasan di mana pasarannya telah maju.

Tujuan ini, tambah beliau, ialah supaya satu sistem pengedaran tayar dan barang-barang keluaran getah untuk Bumiputera akan wujud dan dapat bersaing secara adil dengan yang lain.

Tengku Razaleigh yang juga Pengerusi Kumpulan PERNAS berkata demikian ketika berucap di upacara pembukaan rasmi Kilang Goodyear Malaysia di Shah Alam di sini hari ini.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak yang diiringi oleh isterinya, Toh Puan Hajjah Rahah, telah merasmikan kilang itu dengan dihadiri oleh lebih 500 orang tetemu, termasuk para Menteri Kabinet dan para diplomat asing.

Beliau memberitahu penyertaan PERNAS dalam kilang tayar itu adalah hasil Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Encik Khir Johari semasa menjadi Menteri Perdagangan dan Perindastrian dulu.

Katanya, walaupun PERNAS memegang 30 peratus dari projek $55 juta itu — berlainan sedikit dari dasar Kumpulan PERNAS untuk memegang saham terbesar dalam sebarang usahasam — namun PERNAS akan mengutamakan objektif sosial yang akan membawa faedah kepada masyarakat berbilang kaum di negara ini.


Libat

Tengku Razaleigh memberitahu Goodyear Malaysia setakat ini telah menghantar 15 orang anak Malaysia — termasuk 4 Bumiputera ke Kilang Indoknya di Amerika untuk menjalani latihan lanjutan.

Beliau juga memberitahu PERNAS bagaimanapun, selaras dengan dasarnya, akan mengadakan penglibatan Bumiputera dalam semua peringkat di kilang tersebut.

Selain dari beliau, Penolong Pengarah Kerja Kumpulan PERNAS, Wan Hamid bin Mohd. Salleh juga dilantik sebagai Pengarah Syarikat itu.

Turut berucap di upacara tersebut termasuk Pengerusi Goodyear Amerika, Encik C.J. Pilliod Jr. dan Pengarah Urusan Kilang itu, Encik M.T. Laughlin.



● Tun Abdul Razak (No. 4 dari kiri) dan Toh Puan Hajjah Rahah (No. 2 dari kiri) sedang menyaksikan pekerja-pekerja di kilang tayer Goodyear Malaysia menjalankan kerja masing-masing dalam lawatannya selepas merasmikan pembukaan kilang itu semalam.

Lain-lain yang mengiringi Tun Razak ialah Isteri Duta Besar Amerika di sini (kanan sekali), Pengerusi Goodyear, Encik C.J. Pilliod Jr. dan Pengarah Urusan kilang itu, Encik M.T. Laughlin.—Gambar Berita Minggu.

Berita Harian 19 mei 74.

PTR-LA: 915 62/79.

Swasta mesti jujur pada eksekutif2 B-putra—Tun

KUALA LUMPUR, Sabtu.—Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini kumpulan pertama eksekutif Bumiputera yang Kerajaan latihkan bagi mengimbangkan kedudukan pegawai-pegawai eksekutif di semua peringkat perindastrian akan menyumbangkan perkhidmatan mereka pada bulan Jun ini.

Tun Razak mahu supaya sektor swasta memberi kerjasama yang jujur kepada eksekutif-eksekutif Bumiputera yang kesemuanya terdiri dari siswazah untuk mencapai cita-cita Kerajaan.

Tanpa kejujuran dan kerjasama itu, nescaya akan gagal cita-cita Kerajaan dan mungkin akan menimbulkan reaksi yang tidak diingini, tegas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan pembukaan kilang Syarikat Goodyear Malaysia Berhad — satu usahasama antara Goodyear Tyre and Rubber Company dengan PERNAS — di Shah Alam di sini.

Tun Razak berkata, langkah Kerajaan melatih eksekutif Bumiputera demi memandangkan kemajuan dan perkembangan perindastrian dalam negeri dan kedudukan yang tidak seimbang di peringkat pegawai-pegawai eksekutif di bidang tersebut.

Perdana Menteri menegaskan bahawa matlamat hendak menyusun masyarakat serta memodenkan masyarakat terletak kepada kejayaan dalam bidang perindastrian.

Nyata

"Meskipun untuk beberapa lama kita harus bergantung kepada sektor pertanian tetapi adalah terang dan nyata bahawa masa depan negara ini hanyalah dengan menukarkan corak ekonominya dari pertanian kepada perindastrian," kata beliau.

Lebih 500 orang tetamu, termasuk Menteri-menteri Kabinet, para diplomat asing dan pengusaha - pengusaha Bumiputera telah menghadiri upacara pembukaan rasmi kilang Goodyear Malaysia itu.

Dalam ucapannya, Tun Razak juga menyentuh tentang betapa pentingnya Kerajaan Negeri memberi keputusan segera kepada pelabur-pelabur asing yang hendak menjalankan projek-projek perindastrian di negeri masing-masing.

Katanya, langkah Kerajaan menggalakkan setiap negeri berlumba-lumba menarik seberapa ramai pelabur tempatan dan asing diharap akan mempercepatkan proses perindastrian.

"Namun amatlah mustahak diperhatikan bahawa selain dari mengadakan kemudahan-kemudahan yang lengkap, pihak yang berkenaan mestilah dapat memberi keputusan yang segera mengenai sebarang permohonan terutama dari pengusaha - pengusaha luar negeri.

Ingatkan

Beliau mengingatkan bahawa proses perindastrian sedang dijalankan di mana-mana juga dan "kalau kita terlambat memberi keputusan, pelabur-pelabur luar negeri tidak akan menunggu tetapi akan mencari tempat lain dan peluang yang baik ini akan terlepas dengan percuma sanaja."

Kata Tun Razak, tugas itu terpulang kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat hanya boleh membantu pada perkara-perkara tertentu sahaja.

Sambil memuji langkah PERNAS menyertai projek tersebut sebagai langkah memperbanyakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perindastrian, Perdana Menteri berkata:

Semenjak Kerajaan melancarkan rancangan perindastrian, kejayaan-kejayaan menarik pelabur-pelabur asing amat memuaskan.

Kata beliau, Kerajaan selain dari akan terus menganjurkan persidangan-persidangan mengenai suasana pelaburan di Malaysia di luar

★ Muka 14 ruang 3

Perkembangan perindastrian

★ DARI MUKA 1

negeri, juga akan menubuhkan lebih banyak pusat-pusat pelaburan di Eropah dan lain-lain kawasan.

"Kerajaan berancang menubuhkan lagi pusat-pusat itu di Eropah Barat, seperti di London, Paris dan Sydney," katanya.

Katanya, sejak persidangan seperti itu diadakan, lebih 25 buah syarikat internasional dari Jepun, Jerman, Italy, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat melaburkan modal di sini.

Kerajaan, katanya juga memberi perhatian berat untuk mewujudkan perhubungan perdagangan dengan negara-negara Asia Barat.

Di samping itu, usaha-usaha untuk menarik pelaburan dari Arab Saudi, Kuwait dan negara-negara di Telok Gulf serta Pakistan juga sedang dijalankan.

Tun Razak yakin dengan perindastrian minyak yang akan dijalankan di negara ini, kemajuan-kemajuan teknoloji dari negara-negara pengeluar Arab akan dapat memainkan peranan penting di Malaysia.

Menurut beliau, krisis tenaga baru-baru ini telah menarik ramai syarikat minyak menjalankan carigali minyak di Pantai Malaysia dan beberapa pertemuan minyak telahpun diperolehi.

Tun Razak juga menyebut tentang usaha Kerajaan hendak menyeimbangkan perkembangan perindastrian dalam negeri, terutama di negara-negara yang kurang maju dengan menjalankan konsep pembangunan kawasan.

Dengan perlaksanaan konsep ini, Kerajaan berharap lebih ramai lagi eksekutif Bumiputera dapat dilatih dan memasuki bidang perindastrian yang lebih rumit.

Sambil mensifatkan Goodyear Malaysia yang ditubuhkan sesuai dengan dasar kerajaan untuk menggunakan bahan tempatan dan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, Tun Abdul Razak memberi penghargaan tinggi kepada kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Pusat Penyelidikan Getah Asli Malaysia atau RRI.

PTR ud: 916 63/79

Barisan Nasional akan gunakan manifesto tunggal

NIBONG TEBAL, Ahad. — Gambar Tun Abdul Razak akan diletakkan bersama dengan simbol Neraca yang akan digunakan oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya akan datang, demikian dinyatakan oleh Menteri Pertahanan, Datuk Hamzah bin Abu Samah, hari ini.

Menurut beliau lagi, parti-parti dalam Barisan Nasional sudahpun menyetujui simbol Neraca itu dan cogankata yang akan digunakan ialah "Sokonglah Tun Razak dan Barisan Nasional."

Katanya lagi, Barisan Nasional juga akan menggunakan manifesto pilihanraya tunggal yang sama-sama dirangka oleh parti-parti dalam barisan itu.

Datuk Hamzah memberitahu demikian ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Seberang Perai Selatan, di Sungai Kecil, hari ini.

Bertujuan

Katanya, rakyat sepatutnya menyokong Barisan Nasional yang semata-mata bertujuan memberikan penghidupan yang lebih baik kepada mereka.

Mengenai pembahagian kerusi di antara parti-parti dalam barisan itu, Datuk Hamzah berkata, beberapa masalah tentu timbul tetapi ini akan dapat diselesaikan dengan baik berkat semangat kerjasama dan ikhlas.

Datuk Hamzah juga mensifatkan konsep Barisan Nasional di Malaysia sebagai lain dari yang lain kerana ia ditubuhkan dalam usaha memupuk perpaduan negara, manakala di negeri-negeri lain kerajaan campuran diadakan kerana adanya krisis kebangsaan.

Datuk Hamzah menegaskan lagi, walaupun Barisan Kebangsaan ditubuhkan, UMNO akan terus memperjuangkan apa yang termaktub dalam Perlembagaannya.

Katanya: "UMNO akan memperjuangkan untuk menolong rakyat khasnya orang-orang Melayu maju terus dalam semua bidang."

Katanya lagi, baki-baki pengganas komunis di negara ini telah mendapat arahan dari markas di kawasan sempadan untuk mengadakan gerakan mereka yang jahat di Semenanjung Malaysia.

Membunuh

Tetapi beliau gembira kerana pasukan keselamatan telah berjaya membunuh seramai 28 orang pengganas di Perak dan Pahang beberapa minggu lalu.

Kejayaan itu katanya akan mengurangkan lagi jumlah saki baki pengganas komunis yang sekarang dianggarkan 300 orang.

Beliau menyeru parti-parti dalam Barisan Kebangsaan supaya memberi penerangan yang jelas kepada rakyat tentang kegiatan anasir pengganas komunis yang bertujuan untuk merosakkan perpaduan rakyat.

Datuk Hamzah telah juga menyampaikan hadiah perisai pusingan untuk ahli UMNO terbanyak kepada Ketua UMNO cawangan Nibung Tebal, Cik Aminah Husein.

BERITA HARIAN, ISNIN, 20 MEI, 1974

PTR. ud: 917 64/79

Bukti rakyat sokong Barisan Nasional

TUN Abdul Razak hari ini mensifatkan kemenangan Perikatan dalam pilihanraya kecil negeri Melaka kawasan Sungai Baru sebagai sokongan rakyat bukan saja kepada UMNO malah kepada konsep Barisan Nasional.

"Kita gembira atas kemenangan calun Perikatan, Encik Johari Yusof, dalam pilihanraya kecil itu," katanya dalam kenyataan mengulas kemenangan tersebut.

Perdana Menteri mengucapkan terimakasih kepada penduduk kawasan Sungai Baru dan Perikatan Negeri atas keazaman dan dedikasi mereka menjalankan jentera pilihanraya yang menghadiahkan kemenangan cemerlang itu.

Dalam pilihanraya kecil semalam Encik Johari telah mengalahkan calun Pekemas, Encik Ghani Long, dengan kelebihan 3,222 undi.

Encik Johari mendapat 4,568 undi sementara lawannya mendapat 1,346 undi. Sebanyak 71.4 peratus dari jumlah 8,434 orang pengundi keluar membuang undi.

Kelebihan

Dalam pilihanraya 1969, Perikatan memenangi pilihanraya tersebut dengan kelebihan 2,053 undi.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, Encik Abdul Ghafar Baba, pula menyatakan kemenangan itu terbukti dan nyata sekali parti pembangkang gagal menggunakan inflasi sebagai modal besarnya.

Katanya, rakyat cukup faham, inflasi dadatang dari luar dan rakyat menyedari tentang langkah-langkah tegas Kerajaan yang bersungguh - sungguh untuk mengatasinya.

Encik Ghafar yang juga Pengerusi UMNO Negeri Melaka, kerjasama rapat antara Perikatan dengan PAS menjadi satu faktor yang membawa kemenangan lebih besar kepada calun Perikatan.

K. LUMPUR, Ahad

20 mei 74

Beliau gembira walaupun kemiskinan masih ada di kalangan rakyat, mereka sedar tentang kegiatan dan kejujuran Kerajaan Perikatan selama ini dalam usahanya hendak meninggikan lagi taraf hidup mereka.

Katanya: "Keputusan pilihanraya itu juga menunjukkan rakyat menaruh kepercayaan dan meletakkan harapan besar kepada dasar ekonomi baru yang membawa perubahan baik kepada mereka."

★ Muka 12 Ruang 9

Encik Ghafar mengucapkan terimakasih kepada para pengundi, ketua-ketua dan pekerja-pekerja parti Perikatan dan PAS yang telah bekerja kuat dalam pilihanraya tersebut.

Ini terutamanya Ketua Menteri, Haji Abdul Ghani Ali, yang telah ditugaskan mengarah kempen pilihanraya tersebut.

Katanya: "Kemenangan besar yang dicapai di Melaka ini memberi perangsang kepada Kerajaan untuk meneruskan usaha bersungguh-sungguh berkhidmat kepada rakyat."

Kami tak putus asa, kata ketua Pekemas

★ DARI MUKA 1

Pemimpin Pekemas, Dr. Tan Chee Khoon, berkata walaupun kalah, partinya tidak putus asa.

"Sebaliknya keputusan pilihanraya tersebut menunjukkan bahawa kami telah mendapat sokongan daripada beberapa ratus orang lagi.

"Kami akan kembali ke kawasan pilihanraya ini dalam pilihanraya umum akan datang," jelasnya.

Di **MELAKA**, Haji Abdul Ghani juga mensifatkan kemenangan pilihanraya kecil tersebut menunjukkan rakyat telah menerima konsep Barisan Nasional.

Katanya, kemenangan kali ini lebih baik dari kemenangan dalam pilihanraya umum 1969.

Gembira

"Kita gembira dengan keputusan tersebut kerana mendapat lebih 500 undi dari tahun 1969 manakala pihak pembangkang kehilangan lebih 600 undi," katanya.

Menyentuh tentang kemerosotan pengundi yang membuang undi dari 83 peratus tahun 1969 kepada 71.4 peratus semalam, Haji Ghani berkata peratusan itu akan lebih baik lagi jika pengundi mendaftarkan nama dengan hati-hati.

Menurut beliau, ramai orang tidak dapat mengundi bila tiba di pusat pembuangan undi kerana nama mereka tidak tercatit dalam daftar pengundi.

HARIAN, SELASA, 28 MEI, 1974

PTR.KD:918 65/79,

Razak: Letupan buldozer perbuatan khianat komunis

KUALA LUMPUR, Isnin. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, mensifatkan perbuatan meletupkan 68 buldozer dan traktor dalam kawasan pembinaan Lebuhraya Timur-Barat dekat Grik pada hari Khamis lalu sebagai "perbuatan khianat pengganas-pengganas komunis."

Beliau juga menyangkal dakwaan kononnya perbuatan itu sebagai tindak balas segera terhadap pengumuman Kerajaan hendak menubuhkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina.

Beliau percaya perbuatan khianat itu telah dirancang lama oleh pengganas itu.

"Pengkhianatan itu dengan sendirinya jelas menunjukkan mereka akan melakukan apa saja untuk memusnahkan rancangan bagi kemajuan rakyat.

Pembantu

"Pembinaan jalan itu sebenarnya untuk kepentingan dan faedah rakyat yang tinggal di bahagian utara Semenanjung Malaysia.

"Jika mereka benar-benar progresif seperti yang mereka laung-laung dan dakwaan, mereka sepatutnya menyambut baik pembinaan itu.

"Sebaliknya mereka memusnahkan jentera yang digunakan di situ.

"Ini jelas juga menunjukkan mereka tidak mempunyai tujuan baik dan akan merosakkan serta mengkhianati apa saja usaha baik Kerajaan untuk negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar pagi tadi mengenai lawatannya ke Republik Rakyat Cina.

Tun Razak dan rombongannya seramai 59 orang akan berlepas ke Peking jam 9 pagi esok dengan kapalterbang khas MAS Boeing 707.

BERITA HARIAN, SELASA, 28 MEI, 1974

PTR.KD:919 66/79

Selamat jalan kepada Ne Win



PRESIDEN Ne Win telah berbisik-bisik dengan Tun Razak di lapanganterbang antarabangsa Subang tengahari semalam sebelum berlepas ke Australia.

Ketua Negara Burma itu telah mengadakan lawatan tidak rasmi empat hari ke Malaysia kerana berunding dengan Perdana Menteri.

Yang Dipertuan Agung telah mengetuai menteri-menteri kabinet dan para perwakilan asing mengucapkan selamat jalan di lapanganterbang.


Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Menteri Perhubungan, Tan Sri Sardon. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, SELASA, 28 MEI, 1974

PTR. (D: 920 67/74.

LAWATAN MUHIBBAH DAN PERSAHABATAN

Tun Razak berlepas ke Peking



TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Isnin

TUN Razak berangkat ke Peking pagi esok untuk lawatan muhibbah dan persahabatan bagi menyemaikan benih sefahaman dan kepercayaan di antara Malaysia dan Repablik Rakyat Cina, dengan harapan rakyat Malaysia akan bertenang dan berkeyakinan kepada diri sendiri mengenai kunjungannya ke Negeri Cina itu.

"Walaupun lawatan saya itu jelas untuk penajaan hubungan diplomat dengan RRC, saya berharap rakyat kita menganggapnya sebagai perkembangan biasa dalam sejarah kita," katanya.


Perdana Menteri berkata demikian dalam satu sidang akhbar pagi tadi mengenai lawatannya itu untuk memenuhi undangan Perdana Menteri RRC, Encik Chou En-lai

BERITA HARIAN, SELASA, 28 MEI, 1974

PTR. ED: 920 67/74.

LAWATAN MUHIBBAH DAN PERSAHABATAN

Tun Razak berlepas ke Peking



TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, Isnin

TUN Razak berangkat ke Peking pagi esok untuk lawatan muhibbah dan persahabatan bagi menyemaikan benih sefahaman dan kepercayaan di antara Malaysia dan Repablik Rakyat Cina, dengan harapan rakyat Malaysia akan bertenang dan berkeyakinan kepada diri sendiri mengenai kunjungannya ke Negeri Cina itu.

"Walaupun lawatan saya itu jelas untuk penajaan hubungan diplomat dengan RRC, saya berharap rakyat kita menganggapnya sebagai perkembangan biasa dalam sejarah kita," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam satu sidang akhbar pagi tadi mengenai lawatannya itu untuk memenuhi undangan Perdana Menteri RRC, Encik Chou En-lai.

Menyemai benih

Beliau juga berharap lawatan itu akan menjadi asas perhubungan persahabatan antara kedua negara yang sejak dua dekad saling berlainan dan mempunyai keraguan.

Tun Razak mensifatkan pemergiannya itu sebagai "lawatan muhibbah dan titik permulaan satu corak baru dalam perhubungan antarabangsa di Asia Tenggara.'

"Saya akan pergi membuat lawatan muhibbah dan persahabatan untuk menyemaikan benih saling persefahaman dan percaya mempercayai antara Malaysia dan RRC.

"Saya berharap ianya akan menjadi asas persahabatan yang kukuh antara kedua negara dan akan memberi sumbangan kepada keamanan yang berkekalan di dunia sebelah sini," tegasnya.

Menurut beliau pemergiannya juga mencerminkan perubahan dasar luar negara ini yang diusahakan oleh Kerajaan pimpinannya sejak September 1970.

Dalam sidang akhbar yang dihadiri oleh ramai para wartawan termasuk dari luar negeri, Perdana Menteri berkata: "Saya akan berlepas esok untuk membuat lawatan rasmi ke RRC atas undangan Perdana Menteri Chou En-lai.

"Inilah lawatan rasmi pertama yang diadakan antara Malaysia dan RRC yang hakikatnya sahaja mempunyai pengertian."

Beliau menjelaskan, sebenarnya telah ada pertukaran lawatan tidak rasmi antara perwakilan-perwakilan dagang dan sukan sejak tiga tahun yang lalu antara kedua negara.

Rundingan

Menurutnya, di samping itu telah juga diadakan rundingan-rundingan di New York tahun lalu yang berakhir dengan persetujuan pada asasnya bagi Malaysia dan Cina membuat perhubungan diplomatik.

"Dengan persetujuan yang dicapai itu, terbuka juga jalan untuk saya membuat lawatan rasmi ke Cina.

"Dengan demikian saya gembira untuk menerima undangan Perdana Menteri Chou bagi membuat lawatan itu, yang akan merasmikan penubuhan hubungan diplomatik antara kedua negara," katanya.

Mengenai dasar luar Malaysia dan lawatannya ke RRC, Perdana Menteri menjelaskan: "Lawatan saya ini mencerminkan kemuncak perubahan dasar luar dan dayausaha yang diambil oleh Kerajaan se-

★ MUKA 12 Ruang 8

Tun: Kita sedia berkawan dengan mana2 negara

★ DARI MUKA 1

jak bulan September 1970.

"Kita adalah salah sebuah negara yang menyokong kemasukan RRC ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 1971.

"Dalam dasar luar kita, kita mengamalkan dasar berkecuali dan kerjasama serantau dan menghulurkan tangan persahabatan kepada semua negara yang ingin bersahabat dengan kita tanpa mengira fahaman politik atau sistem sosial mereka, berdasarkan saling hormat menghormati dan tidak campurtangan serta hidup rukun damai."

Tun Razak percaya dasar Malaysia terhadap Cina mendapat sokongan semua rakyat negara ini.

Sokongan

"Sokongan ini lebih jelas lagi seperti yang ditunjukkan oleh parti-parti politik dalam Barisan Nasional yang, disamping memberi sokongan penuh kepada dasar Kerajaan, juga menunjukkan penerimaan mereka terhadap perkembangan - perkembangan keadaan dan memberi kekuatan kepada Kerajaan mencapai matlamat kita.

"Oleh itu perwakilan saya ke RRC akan juga mengandungi para wakil dari setiap parti dalam Barisan Nasional untuk menunjukkan perpaduan Kerajaan dan rakyat bersabit dengan dasar Cina kita," jelasnya.

Dalam sidang akhbar itu Tun Razak mengulas tentang perkara-perkara yang melibatkan hubungan Malaysia dan RRC termasuk soal Taiwan, bermastautin di Malaysia, dan Parti Komunis Malaya yang menjadi perbincangan hangat sekarang.

Bagaimanapun beliau berjanji akan memberi banyak butir-butir lagi sekembalinya dari lawatannya itu.

Tun Razak juga tidak dapat memberi butir-butir acara lanjut mengenai lawatannya ke RRC itu.

"Saya pun tidak dapat menyatakan berapa rundingan yang akan saya adakan dengan Perdana Menteri Chou, kerana memang menjadi kebiasaan butir-butir mengenainya tidak diberitahu lebih dahulu.

"Mereka biasanya melakukan sesuatu dengan betul dan kita tidak perlu ragu.

"Tetapi saya akan mempunyai kesempatan mengadakan rundingan-rundingan rasmi disamping melawat dua bandar besar RRC — Peking dan Shanghai.

"Saya bersedia menghadiri berapa banyak rundingan pun dengan Perdana Menteri Chou, tetapi saya percaya tidak ada banyak masaalah yang akan timbul kerana kesemuanya telah selesai dalam rundingan-rundingan peringkat pegawai."

Tun Razak juga tidak dapat mempastikan samaada beliau akan menemui Pengerusi RRC Mao Tze Tung.

"Mungkin juga pertemuan itu akan diatur," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata beliau akan berada di Peking selama tiga hari dan Shanghai dua hari.

Lawatan

Mengenai lawatannya itu, beliau menjelaskan: "Lawatan saya merupakan lembaran baru dalam hubungan antara kedua-dua negara.

"Sungguhpun kepentingan lawatan saya dan penubuhan hubungan diplomatik dengan RRC diketahui ramai, saya harap rakyat kita sebagai rakyat yang penuh keyakinan dan berdikari akan menyambut baik peristiwa-peristiwa ini dan mensifatkannya sebagai satu perkembangan yang biasa dalam sejarah kita."

Dari PEKING, wakil Berita Harian Encik Lee Siew Yee melaporkan:

Tun Abdul Razak akan sampai pada sebelah petang esok (Selasa) dan akan disambut hangat dan mesra.

Sambutan di lapangan-terbang adalah padan dengan taraf seorang Perdana Menteri walaupun tidak diketahui adakah Perdana Menteri Chou En-Lai akan mengetuai rombongan sambutan.

Encik Chou telah berumur 78 tahun dan akhir-akhir ini jarang-jarang muncul di hadapan khalayak ramai.

Jika Encik Chou tidak hadir, barangkali Timbalan Perdana Menteri Teng Hsiao Ping akan menggantinya menyambut ketibaan Perdana Menteri Malaysia.

Beribu-ribu rakyat Cina sudah tentu akan bertumpu ke lapangan-terbang. Ramai pegawai tinggi Kerajaan dan diplomat-diplomat asing juga akan hadir.

Tun Razak akan benar-benar merasa sambutan hangat Peking. Ibunegara Cina ini sedang dalam musim panas dan sukatan suhu ialah kira-kira 86 digri. Pada sebelah malam langsir-langsir di bilik hotel saya tidak bergerak menandakan tidak ada angin bertiup.

Jika diizinkan oleh protokol, Tun Razak tentulah lebih sesuai memakai kemeja batik.

Jalan besar Chang-An Boulevard di tengah-tengah Peking — tiga kali lebih lebar dari Federal Highway kita — sekarang ini dihiaskan dengan anika corak dan macam bendera.

Begitulah juga lapangan luas Tien-An-Men Square — pusat segala perarakan besar — begitu besar sehingga dapat menampung kesemua penduduk Petaling Jaya.

Hari ini bendera-bendera itu ialah untuk Encik Edward Heath. Esok ialah untuk Tun Razak dan Malaysia.

Tidaklah ragu - ragu lagi betapa pentingnya lawatan Tun Razak itu kepada Cina — lawatan Perdana Menteri negara ASEAN yang pertama untuk merasmikan hubungan diplomat dengan Peking.

Pegawai - pegawai di sini bercakap dengan penuh hormat mengenai dasar luar Malaysia yang sesuai dengan zaman. Mereka menyebut tentang keinginan Cina hendak merapatkan hubungan dengan kita. Inilah thema yang kita akan mendengar minggu ini.

Jamuan

Rancangan - rancangan telah diatur bagi lawatan Tun Razak itu.

Tun Razak akan berunding dengan Encik Chou pada hari Rabu sebelah petang.

Satu majlis jamuan negara dan pertunjukan kebudayaan juga telah di atur.

Tun Razak akan di bawa melihat kilang-kilang perusahaan, Tembok Besar yang didirikan untuk menolak langgaran musuh berzaman-zaman dahulu, dan melawat kubur - kubur Ming.

Perdana Menteri Malaysia itu akan melawat bandar larangan yang sekarang bergelar Muzeum Istana.

Jika tidak ada apa-apa halangan, kenyataan bersama menjalin hubungan diplomat itu harus ditandatangani pada hari Jumaat, sebelum Tun Razak berangkat ke Shanghai.

PTR MB: 721 C81/74. xerox.

SELASA, 28 MEI, 1974

Lawatan muhibbah ke Negeri Cina

TUN Abdul Razak dan rombongannya berangkat ke Peking hari ini, untuk, katanya, satu lawatan muhibbah dan persahabatan bagi menyemaikan benih sefahaman dan kepercayaan di antara Malaysia dengan Repablik Rakyat Cina. Dalam sidang akhbar yang pendek semalam, Perdana Menteri telah menyuarakan harapannya bahawa lawatan itu akan menjadi asas persahabatan yang teguh di antara Malaysia dan Cina dan akan menolong memelihara keamanan yang berkekalan dalam dunia sebelah sini.

Tun Razak pergi bersama rombongan yang termasuk wakil-wakil dari setiap parti politik dalam Barisan Kebangsaan untuk menunjukkan perpaduan Kerajaan dan Rakyat dalam hubungan dasar kita mengenai Repablik Rakyat Cina. Ini akan menunjukkan kepada Peking betapa rakyat Malaysia menyokong hubungan diplomat yang akan dirasmikan dalam masa lawatan Tun Razak itu.

Lawatan rasmi Tun Razak ke Negeri Cina itu memanglah besar artinya kerana itulah lawatan rasmi yang pertama sekali di antara kedua negara itu. Lawatan-lawatan tidak rasmi telah dibuat oleh badan-badan perdagangan dan sukan sebelum ini dan ini telah banyak menolong mendekatkan Peking dengan Kuala Lumpur.

Tun Razak akan berunding dengan Perdana Menteri Cina Encik Chou En-Lai, yang, 17 tahun lalu, menjelang hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, telah mengutuskan kawat tahniah kepada Malaysia sambil menyuarakan harapan agar hubungan persahabatan di antara Malaya dan Repablik Rakyat Cina akan diperkukuh dan dimajukan setiap masa.

Kepentingan lawatan dan hubungan diplomat ini ialah ia menandakan lenyapnya keraguan dan perselisihan faham antara kedua buah negara ini selama hampir 20 tahun. Tetapi akhir-akhir ini Malaysia tidak pernah menyoal kedudukan Cina dalam masyarakat antarabangsa, malah, bersama-sama dengan beberapa buah negara lain, telah menyokong keanggotaan Cina dalam Bangsa-Bangsa Bersatu semenjak tahun 1971.

Malaysia sebelum itu telah mula membuat beberapa perubahan dasar luarnya yang dijalankan sehingga sekarang untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan yang telah berlaku dalam dunia. Dan lawatan Tun Razak ke Peking hari ini bolehlah dikatakan hasil dari penyesuaian diri dengan keadaan masa.

Berita Harian 28 mei 74

PTR. UA: 9122 69/77.

Deligasi Tun mengandungi 44 anggota

28. mei

KUALA LUMPUR, Isnin. — Seramai 44 orang akan menyertai rombongan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, ke Peking esok untuk rundingan rasmi mewujudkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina.

Sementara 15 orang lagi, yang terdiri dari para wartawan akhbar dan pegawai sibaran am Kerajaan, telahpun bertolak Jumaat lalu.

Lain - lain anggota perwakilan yang akan berlepas sama dengan Tun Razak esok ialah tiga anggota rasmi utama, 12 wakil parti-parti politik dalam Barisan Nasional, empat pegawai kanan, lapan orang kakitangan peribadi dan 17 orang kakitangan pembantu.

Senarai penuh dan nama para anggota perwakilan itu seperti berikut:

Rombongan rasmi utama: Tan Sri Datuk Amar Jugah anak Barieng, Menteri Persekutuan Hal Ehwal Sarawak dan anggota Majlis Tertinggi Barisan Nasional; Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dan Tan Sri Zaiton Ibrahim bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri.

Wakil-wakil parti politik dalam Barisan Nasional: Encik Michael Chen Wing Sum, Menteri Tugas-tugas Khas mengenai Tenaga Nukler dan Alam Sekitar, yang juga Setiausaha

★ MUKA 12 Ruang 2

Rombongan Tun Razak ke Peking

★ DARI MUKA 1

Agung Barisan Nasional;

Ahli Majlis Kerja Pemuda UMNO Malaysia, Dato Mohamed Rahmat, wakil UMNO, yang juga Timbalan Menteri Kewangan;

Timbalan Menteri Perhubungan, Senator Wong Seng Chow, wakil MCA;

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa, Dato Mustaffa Jabar, sebagai wakil UMNO;

Dato Phang Tet Tshung anggota Majlis Tertinggi Barisan Nasional sebagai wakil Perikatan Sabah;

Encik Sim Kheng Hong, wakil Parti Rakyat Bersatu Sarawak;

Encik Ong Boon Siong, Wakil Parti Gerakan;

Encik Khong Kok Yat, Wakil Parti Progresif Rakyat;

Senator Haji Zulkifli bin Dato Haji Abdul Hamid, wakil Perikatan Sabah;

Senator Dato Athi Nahappan, wakil Kongres India Malaysia (MIC);

Wakil PAS

Wan Ismail bin Haji Ibrahim, wakil Partai Islam Malaysia (PAS) dan Encik Noor Tahir wakil Perikatan Sarawak.

Pegawai - pegawai kanan pula terdiri dari Ketua Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Dato Thong Yaw Hong;

Ketua Pengarah Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Tengku Dato Shahriman bin Tengku Suleiman;

Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu yang juga Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada; dan

Timbalan Ketua Polis Negara, Encik Mohd. Haniff bin Omar.

Kakitangan peribadi seramai lapan orang terdiri dari: Encik Zain Azraai Ketua Setiausaha Sulit (khas) kepada Perdana Menteri;

Dato Abdullah bin Ahmad, Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri;

Setiausaha politik kepada Menteri Luar Negeri, Encik Mohd. Annuar Jusoh;

Dato Dr. S.C. McPherson, Doktor peribadi kepada Perdana Menteri;

Encik Abdullah Majid, Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri;

Encik Shafie bin Yahya, Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, dan

Edikong

Encik Nordin bin Idris, Edikong kepada Perdana Menteri.

Kakitangan pembantu yang terdiri seramai 17 orang — Setiausaha Rendah Kementerian Luar Negeri, Encik Khor Eng Hee;

Setiausaha Rendah Jabatan Perdana Menteri, Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh;

Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Luar, Encik M. Ben Haron;

Pengarah Perancangan Kementerian Penerangan, Encik John Nettleton;

Pengarah Berita RTM, Encik Majid Othman, selaku jurubahasa;

Pegawai Keselamatan Kementerian Dalam Negeri, Encik Yahya bin Yeop Ishak dan Encik Wong Kie Kiong;

Setiausaha kedua Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Hong Kong, Encik Abdul Rahman bin Abdul Rahim;

Pengawal

Pengawal Berita Radio Malaysia, Encik Tamimuddin bin Abdul Karim;

Encik Musa Giri, Setiausaha Sulit kepada Menteri Hal Ehwal Sarawak;

Encik Chan Hong Keong dari Kementerian Luar Negeri;

Encik Ubaidellah Dato Haji Mohamed, jurubahasa;

Encik Abdul Muluf bin Haji Ali, jurukamera Perdana Menteri;

Shaikh Mohamed bin Mohd. Zain, penolong peripadi kepada Perdana Menteri;

Encik Idris bin Mohd. Aris, Pegawai Keselamatan Kementerian Dalam Negeri dan Encik Asmawi bin Hashim, jurutaip Kementerian Luar Negeri.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 31 MEI, 1974

PTR 60: 923 70/79



Pengerusi Mao Tse-tung (kiri) mengalu-alukan Tun Razak di bilik matlaah Mao di Peking petang Rabu kelmarin — Gambar UPI dari Hsinhua.

Harian Rakyat utama berita lawatan Razak

PEKING, Khamis.— Muka hadapan akhbar Harian Rakyat hari ini diisi semata-mata dengan berita lawatan Tun Razak dengan membesarkan pertemuannya dengan Pengerusi Mao Tse-tung.

Gambar-gambar menunjukkn Tun Razak berjabat tangan dengan Pengerusi Mao dan duduk bersamanya dan lain-lain pemimpin Cina di perpustakaan Mao.

Satu gambar lagi memunjukkan sidang peringkat tinggi yang diadakan malam tadi di Dewan Besar Rakyat.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Chou En-lai, Naib Pengerusi Wang Hung Wen, Naib Perdana Menteri Li Hsien-Nien, Naib Menteri luar Han Nien-Lung dan ketua perwakilan Cina ke Bangsa-Bangsa Bersatu Huang Hua.

Bertuah

Pemerhati - pemerhati menunjukkan bahawa akhbar rasmi China itu sehingga ini telah tidak menyiarkan berita-berita petikan dari radio "Suara Revolusi Malaya," iaitu pengganas-pengganas komunis di Malaysia.

Beberapa laporan petikan dari radio itu telah disiarkan dalam akhbar-akhbar China tahun ini, tetapi siaran-siaran seperti itu tidak kelihatan semasa lawatan Tun Razak.

Syarikat Berita Rasmi Hsin-Hua berkata Tun Razak dan Pengerusi Mao telah berunding berterusterang seperti sahabat.

Hsin-Hua memetik Tun Razak sebagai berkata ia sangat merasa megah dan bertuah dapat menemui pemimpin China berumur 80 tahun itu.

Pengerusi Mao telah tidak hadir di hadapan khalayak ramai selama lebih tiga tahun tetapi sekali sekala menerima kedatangan ketua-ketua kerajaan asing.

Pertemuan itu dianggap besar artinya dan pemerhati-pemerhati berkata ia menunjukkan keinginan China hendak mengadakan hubungan diplomat penuh dengan Malaysia.—Reuter, Bernama.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 31 MEI, 1974

PPR 60 924 74/39.

Kenyataan bersama dikeluar hari ini

Rundingan penuh ikhlas dan mesra



PM CHOU EN-LAI

Dari LEE SIEW YEE

PEKING, Khamis. — Rundingan di antara Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-lai yang tamat malam tadi, telah disifatkan pagi ini sebagai "berterusterang, ramah-mesra dan tulus ikhlas."

Sungguhpun perbincangan pada peringkat tertinggi telah selesai, tetapi pegawai-pegawai terus berunding hari ini, menyusun kenyataan rasmi bersama yang diduga akan ditandatangani esok oleh kedua-dua Perdana Menteri itu.

Rundingan di antara pegawai-pegawai telah berjalan selama setengah jam. Semua rundingan pada semua peringkat telah selesai.

Ada kemungkinan bahawa kenyataan bersama itu akan menyebut pertemuan Tun Razak dengan Pengerusi Mao.

Pagi ini Tun Razak dan rombongan Malaysia telah dibawa melawat Perkampungan Persahabatan Rakyat China-Korea, jauh setengah jam perjalanan dengan kereta dari pusat bandar.

Perkampungan ini ditubuhkan 16 tahun dahulu terdiri dari 17,000 rumah dan 80,000 penduduk.

Kira-kira separuh dari lima ribu ekar yang digunakan untuk bercucuk tanam telah ditanam dengan biji-bijian, bakinya ditanam dengan sayur-sayuran, kapas dan pokok-pokok berminyak.

Selain dari itu, ada juga sebuah ladang lembu susu, ladang itek dan babi dan tempat penternakan kuda.

Sekurang-kurangnya 1,000 orang perkampungan itu telah berbaris di tepi jalan untuk mengalu-alukan pelawat-pelawat dari Malaysia.

Disambut

Di pintu masuk perkampungan itu, Tun Razak telah disambut seperti la disambut dilapangan terbang ketika sampai.

Satu pancaragam telah bersiap sedia dengan seorang wanita ketua Pengawal Merah sebagai ketuanya. Selain dari tambur dan deram serta gendang terdengar juga nyanyian alu-aluan oleh beratus-ratus orang belia.

Di mana-mana kita pergi akan terlihat pakaian yang berwarna warni, bendera-bendera China dan Malaysia berkibaran, kain-kain pemidang dan kertas-kertas gulung berambu serta bunga-bunga, pemandangan yang sungguh menyegar dan menggembirakan.

Terlihat

Dalam satu majlis keraian Pengerusi Jawatankuasa Perkampungan Lu Chun Lin, telah menceritakan kepada Tun Razak dengan megahnya bagaimana perkampungan itu telah bertukar corak daripada tanah gersang kepada tanah subur, bagaimana pekerja-pekerja perkampungan telah menggali telaga dan membuat parit sendiri serta tali air, dan membanyakkan hasil.

Perdana Menteri Ma-

★ Muka 12 Ruang 9

Petani2 China turut mengalu2

★ DARI MUKA 1

laysia itu telah memberi tahniah atas kejayaan itu dan berkata ia meninggalkan Malaysia datang ke Peking untuk melihat seberapa banyak yang boleh kehidupan dan pekerjaan rakyat Cina.

Ia sangat tertarik dengan rajin dan usaha mereka.

Malaysia, kata Tun Razak, secara kecil-kecilannya sendiri, sedang berusaha membanyakkan pengeluaran.

Tun Razak kemudiannya dibawa melihat beberapa projek perkampungan, termasuk ladang tenusu, tempat penternakan kuda, hospital perkampungan di mana ia telah melihat orang-orang sakit dirawat dengan acupuncture.

Dalam sebuah padang, Tun Razak kelihatan berdiri ditengah-tengah pokok gandum muda yang setinggi pinggang.

Lawatan itu berakhir dengan rombongan Malaysia itu dipelawa ke rumah ahli-ahli perkampungan.

Bernama melapurkan, Malaysia dan Repablik Rakyat Cina (RRC), telah mencapai persetujuan mengenai beberapa perkara kepentingan bersama dan antarabangsa.

Ini adalah berikutan dari rundingan selama dua jam malam tadi antara Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dengan Perdana Menteri RRC, Encik Chou En-Lai, di Dewan Besar Rakyat di sini.

Menurut sumber-sumber yang mengetahui, kedua-dua pemimpin itu telah mengadakan perbincangan yang berterus-terang, ikhlas dan penuh dengan suasana persahabatan.

Pertemuan malam tadi mengakhiri rundingan peringkat tinggi.

Hari ini, pegawai-pegawai dari kedua belah pihak sebok menyusun butir-butir kenyataan bersama yang dijadualkan akan dikeluarkan serentak esok di Peking dan di Kuala Lumpur iaitu sehari sebelum Tun Razak memulakan lawatan tidak rasmi selama dua hari ke Shanghai, bandar perusahaan di Timur China.

Tun Razak dijadual mengadakan sidang akhbar esok sebaik saja menandatangani perjanjian dengan Encik Chou En-Lai.

Dengan perjanjian itu Malaysia adalah negara yang ke 94 mengadakan hubungan diplomat dengan RRC dan negara yang ke 18 membuka pejabat Kedutaan di Peking.

Tun Razak kelihatan gembira pagi ini bila melawat Perkampungan (coomune) Persahabatan Rakyat China—Korea di sebelah selatan dipinggir kota ini. Beliau diiringi oleh anggota politburo Parti Komunis China, Encik Hua Kuo Feng.

Semasa masuk ke pintu besar perkampungan, Tun Razak telah disambut dengan pekekan "Huan ying, huan ying, Je Lie Huang Ying" yang bererti: "Selamat datang, selamat datang, selamat datang mesra" oleh petani-petani dan anak-anak mereka.

Petani-petani dan kanak-kanak itu juga telah mengibar-ngibarkan bendera Malaysia dan bendera RRC sementara pasukan pencaragam terdiri dari pemain trumpet, tambur dan gendang memainkan lagu "Perbarisan Pengawal Merah."

Pemidang - pemidang merah bertulis dalam bahasa Cina bererti "selamat datang mesra kepada tetamu kenamaan Malaysia" dan Lanjutlah usia rakyat Malaysia dan Cina" terpasang di sepanjang jalan menuju ke perkampungan.

Tun Razak bersama rombongan Malaysia petang ini telah melawat Bandar Larangan — nama gelaran bagi sekumpulan istana diraja dinasti Ming dan Ching.

Istana - istana itu mempunyai sejarah lebih lima abad dan menduduki kawasan kira-kira 700,000 ela persegi dan mempunyai 9,000 bilik.

Inilah angka - angka rasmi kumpulan bangunan-bangunan tertua yang paling lengkap dipelihara oleh China.

Disambut

Buku panduan rasminya berkata keindahan dan kebesaran istana-istana itu menunjukkan sepenuhnya kebijaksanaan, kecekapan, dan kepandaian teknik bangunan rakyat China Tua."

Tiap-tiap istana, tiap-tiap dewan, bilik, mempunyai sejarahnya sendiri, bahkan batu-batunya pun mempunyai sejarah juga.

Kelihatan sebuah jam air yang direkakan 2,500 tahun dahulu yang mencatatkan masa dengan air yang menitik; sebatang camti batu hijau sebagai simbol kuasa maharaja.

Di salah sebuah bilik Maharani Tzu Hsi menjalankan urusan negara "di sebalik satu tabir."

Dalam bilik itu juga Henry Puyi menandatangani surat turun dari takhta selepas revolusi tahun 1911.

Bandar larangan itu hari ini menyimpan khazanah - khazanah yang baru di jumpai semenjak beberapa tahun lalu, seperti satu sut batu hijau untuk permakaman Putera Liu Sheng yang mati dua ribu tahun lalu

Tun Razak sangat tertarik hati melihat barang-barang itu.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 31 MEI, 1974

PTR. KA : 2935 7 3/79

Beribu2 rakyat akan sambut Tun pulang

SEREMBAN, Khamis. — UMNO Negeri Sembilan akan menyediakan 25 bas untuk seribu ahli bagi menyambut kepulangan Tun Razak dari Peking di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 2 Jun ini.

Selepas itu ahli-ahli UMNO itu akan menyertai rapat raksasa Front Nasional yang diadakan di Padang Sulaiman Club pada sebelah malamnya.

Demikian Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Negeri Sembilan, Haji Ali bin Ludin, menyatakan kepada Berita Harian petang ini.

Haji Ali berharap lebih ramai ahli-ahli UMNO menghadiri rapat raksasa Front Nasional yang akan diadakan di Kuala Lumpur itu.

Perjumpaan

Dari Ipoh, Bernama melaporkan kira-kira 1,000 orang ahli Barisan Nasional di Perak dijangka akan menyambut kepulangan Tun Abdul Razak dari Peking dan serentak dengan itu menyertai rapat raksasa Barisan Nasional di Kuala Lumpur Ahad ini.

Menteri Besar Perak, Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Mohamed Isa, memberitahu demikian selepas satu perjumpaan dengan Pengerusi Gerakan Rakyat Malaysia Bahagian Ulu Kinta, Dr. Lim Keng Yaik, di pejabatnya di sini hari ini.

Dato Sri Kamaruddin berkata, persiapan sedang dibuat bagi menyediakan pengangkutan — bas dan kereta — untuk membawa mereka.

Perdana Menteri dijangka akan bercakap mengenai penubuhan hubungan diplomatik dengan Repablik Rakyat China di rapat tersebut.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 31 MEI, 1974

PTR. KA. 926 73/79.

Tahniah dari Razak

KUALA LUMPUR, Khamis. — Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak telah menghantar kawat perutusan ucapan taniah kepada Encik Dzemal Bijedic atas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri Republik Sosialis Persekutuan Yugoslavia.

Dalam perutusan tersebut, Tun Razak menyatakan hasrat dan doa semoga persahabatan yang sedia terjalin diantara kedua negara akan bertambah kukuh lagi.

Beliau juga berdoa semoga Encik Bijedic sentiasa beroleh kejayaan dalam segala usaha dan rancangan yang dijalankan.

BERITA HARIAN, SABTU, 1 JUN, 1974

PTR. 48: 927 74/79

Gambar2 lawatan Tun ke Peking





● Yanseng untuk persahabatan rakyat Malaysia dan China oleh Perdana Menteri, Tun Razak dan pegawai-pegawai China di majlis jamunan malam Selasa lalu. Jamuan itu diberikan oleh Encik Chou En-lai kepada Tun Razak dan turut hadir ialah para diplomat asing di Peking.

● Tun Razak diiringi oleh pegawai-pegawai Republik Rakyat China sedang melawat ke sebuah kilang besiwaja di Peking Rabu lalu.

● Perdana Menteri China, Encik Chou En-lai sedang tekun membaca ucapan Tun Razak yang telah diterjemah ke Bahasa China semasa Tun Perdana Menteri berucap di majlis jamuan malam Selasa lalu. Duduk di sebelah Encik Chou ialah Tan Sri Temenggong Jugah, gambar bawah.





● Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah mengadakan rundingan berterusterang dan ramah mesra dengan Perdana Menteri China, Encik Chou En-lai mengenai butir-butir lengkap penubuhan hubungan diplomatik kedua negara.

☆

Gambar atas diambil ketika rundingan kali pertama diadakan pada petang 29 Mei selepas Tun Abdul Razak menemui Pengerusi Parti Komunis China, Encik Mao Tse-tung.

☆

Tun Razak dan pegawai-pegawai Malaysia duduk di sebelah kanan manakala Encik Chou dan perwakilan China di sebelah kiri.



● PERDANA MENTERI, Tun Haji Abdul Razak, yang sedang mengadakan lawatan rasmi ke RRC melawat Universiti Tsinghua di Peking baru-baru ini. Tun Razak sedang bermain pingpong dengan seorang mahasiswa dengan disaksikan oleh pegawai - pegawai China dan Malaysia.

Berita Harian 1 jun 74.

PTR.ko: 928/75/79

Tun panjat Tembok Besar dengan gagah

Mengatasi Presiden Nixon dan PM Tanaka

PEKING, Jumaat. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak hari ini memanjat Tembok Besar China yang termasyhor itu setinggi 15 kaki lebih dari yang pernah dibuat oleh Presiden Nixon dan Perdana Menteri Jepun, Encik Kakuei Tanaka.

Dalam lawatan ke negara ini tahun 1972 dulu, Presiden Nixon memanjat tembok itu sehingga kepangkalan nombor dua.

Encik Tanaka pula, semasa melawat sini dulu, juga memanjat tembok itu sehingga kepangkalan nombor tiga.

Tetapi, Tun Razak hari ini memanjat sehingga lebih 15 kaki dari pangkalan nombor tiga, iaitu bahagian kawasan Pataling tembok besar itu yang dibina semula.

Dua orang pelancung dari Eropah, yang berbetulan berada semasa Tun Razak memanjat tembok itu, kedengaran berkata "hebat betul" dalam bahasa Peranchis.

Tetapi, Tan Sri Temenggong Jugah, Menteri Hal Ehwal Sarawak, yang berusia 73 tahun, telah mengalahkan Tun Razak, Presiden Nixon dan Encik Tanaka.

Tan Sri Temenggung Jugah berjaya sampai separuh jalan menuju ke pengkalan nombor empat iaitu tempat paling tinggi terletak kira-kira 780 kilometer dari paras laut.

Nasihatkan

Seorang wartawan Malaysia berusia hanya 40 tahun, yang turut serta, hanya sampai ke pengkalan nombor dua saja walau pun ia membawa bersama-sama sepasang kasut getah yang dibeli dengan harga tujuh ringgit Malaysia selepas seorang pemandu wanita China menasihatkan supaya memakai kasut getah kerana ia sesuai untuk memanjat tembok itu.

Di kiri-kanan tembok itu kelihatan berbagai tulisan dalam bahasa China dan hurup Rumi. Tetapi tulisan Rumi itu bukanlah berarti pelawat-pelawat luar pernah mengunjungi tempat itu dizaman silam dulu.

Kawasan Pataling di Tembok Besar China itu telah dibina semula dalam zaman pemerintahan Ming kira-kira dalam kurun yang ke 14.

Sejak itu kawasan tembok itu telah runtuh sehinggalah dalam tahun 1957 apabila dibina semula.

Lawatan ke Tembok Pataling, kira-kira 1,000 meter panjang dan mengambil masa selama setahun untuk memperbaikinya, merupakan idaman dari sejak kecil bagi kira-kira 40 orang rakyat Malaysia. Merekalah rakyat Malaysia yang pertama dalam sejarah melawat Tembok Besar yang berusia 2,000 tahun itu projek yang tertua dan paling besar yang panjangnya kira-kira 6,000 kilometer.

Tun Razak juga hari ini melawat Lembah Raja yang indah itu dan berjalan di bawah tanah ke pusara salah seorang maharaja di zaman pemerintahan Ming, kira-kira 50 kilometer ke utara barat laut Peking.

Digali

Di pusara itulah Maharaja Yi-Chun dan dua orang maharaninya disemadikan dalam kurun ke 16.

Istana di bawah tanah itu telah digali dalam tahun 1956 dan 1957. Inilah pembinaan bawah tanah yang pertama digali iaitu diantara 13 buah kubur maharaja zaman pemerintahan Ming yang terletak di kawasan Shihsan Ling.

Tun Razak, diiringi oleh Naib Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kongres Kebangsaan Rakyat, Encik Ngapo Ngawang Jugme, telah berjalan melalui Dewan Ling En di bawah tanah itu di mana lebih 2,000 jenis alat perhiasan seperti barang - barang emas, batu permata dan pakaian dipamirkan.

Di kiri kanan jalan dari Kota Maharaja menuju ke pusara maharaja - maharaja itu kelihatan patong-patong unta, singa, kuda, gajah dan askar yang besar-besar belaka.

Tun Razak, yang kelihatan tersenyam telah bergurau dengan Tan Sri Temenggung Jugah dan sambil menunjukan kepadanya patong-patong itu berkata: "Mereka juga menjaga orang-orang yang telah mati."

Begaimanapun Tun Razak tidak sempat melawat Pusara Chang Ling di mana Maharaja Yang Lo disemadikan. Dalam zaman pemerintahan Maharaja Yung Lo, Negeri China mula mengadakan hubungan dengan Semenanjung Tanah Melayu. — Bernama.

Berita2 bergambar



Tun Abdul Razak dan Encik Chou En-lai sedang berbincang sesuatu dengan mesra di majlis jamuan untuk meraikan Perdana Menteri di Dewan Besar Rakyat China pada malam Selasa lalu.



Satu lagi pandangan dalam majlis jamunan makan malam di Dewan Besar Rakyat Selasa lalu.

Duduk di meja besar ini dari kanan ialah Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim, Tan Sri Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman (no. 3) dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mohamad Rahmat (No. 3 dari kiri).

Jamuan diberikan oleh Perdana Menteri China, Encik Chou En-lai untuk meraikan lawatan Tun Abdul Razak ke Peking.




Satu pandangan majlis jamuan yang diberikan oleh Perdana Menteri China, Encik Chou En-lai kepada Tun Abdul Razak di malam Selasa lalu.

PTRL: 929 76/79.

Berita Harian 1 jun 74.

Malaysia, China tidak akui dua kerakyatan

Hubungan diplomat dirasmikan



TUN ABDUL RAZAK dan Encik Chou En-lai minum bersama untuk persahabatan berkekalan kerajaan dan rakyat kedua negara.

KUALA LUMPUR, Jumaat

MALAYSIA dan Republik Rakyat China malam ini rasmi mempunyai hubungan diplomat dan kedua-dua kerajaan mengistiharkan mereka tidak mengiktiraf dua kewarganegaraan.

"Berlanjutan dengan prinsip ini, Kerajaan RRC berpendapat iaitu sesiapajua keturunan China yang telah mengambil dengan kerelaannya sendiri atau mendapat kewarganegaraan Malaysia maka dengan secara otomatik hilanglah kewarganegaraan China bagi dirinya.

Patuhi undang2

"Untuk mereka yang bermastautin di Malaysia dan yang dengan kerelaannya sendiri terus memegang kewarganegaraan China, Kerajaan RRC, selaras dengan dasarnya yang tidak berubah, akan mewajibkan mereka itu mematuhi undang-undang Kerajaan Malaysia," demikian menurut kenyataan bersama Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC.

Kenyataan itu dikeluarkan serentak di sini dan Peking hari ini serta ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak, dan Perdana Menteri RRC Encik Chou En-lai.

Kedua kerajaan Malaysia dan RRC bersetuju antara lain:

- Kedua kerajaan berpendapat semua pencerobohan campurtangan penaklukan serta kegiatan subversif oleh kuasa asing adalah diharamkan.
- Kerajaan Malaysia mengiktiraf Kerajaan Republik Rakyat China sebagai Kerajaan yang tunggal dan sah bagi Negeri China;
- Kerajaan Malaysia mengakui pendirian Kerajaan RCC bahawa

★ Muka 12 Ruang 4

Patuhi undang2

PTR:KD:930 77179

BERITA HARIAN, SABTU, 1 JUN. 1974

Mari pupuk pohon yang baru tumbuh —Tun

PEKING, Jumaat.— Tun Abdul Razak malam ini mengajak Kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China bersama dengan Kerajaan dan rakyat Malaysia untuk meletakkan batu asas, sekeping demi sekeping, supaya ia menjadi tapak landasan persahabatan yang berkekalan.

Perdana Menteri menyatakan, perhubungan yang baru terjalin itu adalah seperti pohon yang baru sahaja tumbuh dan kedua pihak hendaklah sama-sama memupuknya.

Tun Razak berkata demikian ketika berucap dalam jamuan makan malam balas yang diberikannya untuk meraikan Perdana Menteri, Encik Chou En-lai di Dewan Besar Rakyat, di sini.

Bertuah

Perdana Menteri Chou tidak hadir dalam jamuan itu atas sebab-sebab kesihatan, dan beliau diwakili oleh naib Perdana Menteri Encik Li Hsien-nien.

Tun Razak menegaskan, beliau merasa bertuah sekali kerana dapat bertemu dan berbincang dengan Pengerusi Mao Tse-tung.

Katanya lagi, perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin China terutama sekali Perdana Menteri Chou dan Pengerusi Mao berjalan dalam suasana penuh keikhlasan dan berterusterang.

Tun Razak juga menyebut, lawatannya itu telah berjaya merobohkan segala halangan yang telah memisahkan kedua pihak selama ini.

Berikut ialah ucapan penuh Tun Razak:

"Tiga malam yang lalu, dalam dewan yang berbahagia ini, saya antara lain telah menyebut tentang rintangan perasaan dan fikiran yang mesti dilalui, walau bagaimana hebat sekalipun, agar rakyat kedua-dua negara kita dapat menjalin semula perhubungan sejarah yang lama itu.

Sejak ketibaan kami di Peking saya telah menghadiri perbincangan-perbincangan dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan, khasnya Pengerusi Mao Tze-tung dan Perdana Menteri Chou En-lai, dalam suasana penuh keikhlasan dan dengan berterusterang dan kami telah dialu-alukan dengan hangat dan meriahnya di mana-mana kami pergi semasa lawatan kami di sini.

Dirobohkan

Saya yakin dan percaya selama berada di Kotaraya Peking ini, kita telah berjaya merobohkan halangan-halangan yang telah memisahkan kita sekian lama itu.

Apa yang berlaku tidak dapat dikatakan lagi, namun kita berazam menghadapi masa kini dan masa depan dengan perasaan bebas dari curiga dan syak wasangka.

Proses mengenal dan memahami satu sama lain dengan baik akan mengambil masa.

"Ini tidaklah' menghairankan ataupun patut dikesalkan. Apa yang lebih penting dan mustahak ialah kita harus mara ke hadapan.

"Marilah kita meletakkan batu asas, sekeping demi sekeping, supaya menjadi tapak landasan persahabatan yang kekal abadi untuk rakyat kedua negara kita.

Lawatan saya sejak sampai kemari amatlah menggembirakan. Saya merasa bertuah dapat bertemu dan berbincang dengan Pengerusi Mao Tse-tung yang meliputi bidang rangka yang luas dan menyentuh cabaran-cabaran serta peluang-peluang terbuka dihadapan mengenai negara kita dan juga dunia.

Saya sangat tertarik hati dan berterima kasih kerana perbincangan telah diadakan dalam suasana yang jujur dan

★ Muka 12 Ruang 2

Razak: Tembok pemisah roboh

★ DARI MUKA 1

dengan berterusterang, meskipun kedua-dua negara mempunyai sistem politik dan sosial yang berlainan, tetapi sebenarnya mempunyai kepentingan bersama dan tujuan yang sama pula.

Dalam perbincangan saya dengan Perdana Menteri Chou, saya merasa amat puashati dengan hasil-hasil yang dicapai.

Saya sangat berterimakasih kepada Perdana Menteri Chou atas penjelasan-penjelasan yang begitu terang dan nyata mengenai sikap dan pandangan negara ini atas perkara-perkara yang penting kepada kita bersama.

Begitu juga dipihak saya, seberapa yang boleh telah dapat menerangkan pendapat dan pandangan kami mengenai perkembangan-perkembangan di Asia Tenggara ini.

Pengertian dan persafahaman yang dihasilkan oleh pertemuan ini, saya yakin akan memupuk serta mempererat hubungan antara negara kita.

Perhubungan yang terjalin hari ini boleh diibaratkan sebagai pohon yang baru saja tumbuh dan tentulah menjadi tugas kita bersama menjamin pohon itu dipupuk supaya segar dan kuat demi kebajikan rakyat kita bersama dan juga sahabat-sahabat lain yang mempunyai hubungan dengan kita.

Hakikat

Malaysia dan Republik Rakyat China mempunyai hubungan dagang yang makin meluas. Begitu juga di lapangan sukan dan dilapangan-lapangan lain.

Oleh yang demikan, ikatan muhibbah ini hendaklah dijaga sebaik-baiknya agar benar-benar membawa menafaat kepada kita bersama.

Perasaan bimbang dan curiga tidak seharusnya memisahkan kita seperti di masa lampau.

Menyedari hakikat inilah dan juga keyakinan kita akan perkembangan tali persahabatan di masa hadapan, maka malam ini kita merayakan keputusan kedua-dua kerajaan mengadakan hubungan diplomatik antara kedua negara.

Inilah kemuncak daripada perbincangan-perbincangan kita dalam beberapa hari sejak ketibaan saya di sini, yang mencerminkan hasrat dan harapan tinggi kita menjalin tali persahabatan yang berkekalan.

Meskipun lawatan saya singkat menurut ukuran masa, namun hasilnya dalam memupuk persefahaman dan ikatan muhibbah akan kekal untuk zaman berzaman.

Bagi diri saya sendiri, lawatan ini mempunyai makna yang besar dan saya percaya ahli-ahli rombongan saya juga tidak akan melupakan lawatan bersejarah ini.

Layanan

Kami telah dapat bertemu dengan rakyat negara ini dari berbagai golongan; kami telah juga melihat unsur-unsur sejarah yang penting serta menikmati layanan yang begitu ramah mesra, yangmana akan kekal dalam ingatan untuk selama-lamanya.

Adalah harapan saya semuga tali persahabatan yang baru terjalin ini akan menjadi lebih teguh dan erat di masa akan datang.

Dengan semangat itulah pula saya menjemput tuan-tuan sekelian bangun untuk minum ucap selamat:

— kepada Pengerusi Mao Tse-tung.

— kepada Pemangku Pengerusi Repablik Rakyat China, Tung Pi-wu,

— kepada Perdana Menteri Chou En-lai,

— kepada naib-perdana menteri Li Hsien-nien,

— kepada semua tetamu-tetamu terhormat yang hadir,

— kepada kemakmuran negara dan rakyat China,

— kepada persahabatan antara rakyat Republik Rakyat China dan rakyat Malaysia semuga hubungan ini terus berkekalan.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 6 JUN, 1974

PTR · KD : 931 78/79 ·



● *Tun Razak sedang menyembahkan ucapan tahniah kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung di Majlis Istiadat mengadap di Istana Negara serentak dengan upaca ra menyambut Ulangtahun Keputeraan ke 46 Seri Pa duka Baginda semalam.*

Tun Razak sembah tahniah...

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Abdul Razak yakin perpaduan dan muhibbah antara rakyat Malaysia keturunan China dapat diperkukuhkan dengan terjalinnya hubungan diplomatik antara Repablik Rakyat China dengan Malaysia.

Katanya, ini adalah hasil dari tercapainya persetujuan hormat menghormati antara satu sama lain dan tidak campurtangan dalam hal ehwal negeri masing - masing antara kedua - dua negara.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyembahkan ucapan tahniah kebawah Duli Yang Dipertuan Agung di Majlis Istiadat mengadap di Istana Negara di sini hari ini sempena Ulangtahun Keputeraan ke 46 Seri Paduka Baginda.

Tun Razak juga berkata, perpaduan negara semakin hampir menjadi kenyataan sekarang dengan terbentuknya Barisan Nasional yang menggabungkan parti - parti politik yang mendukung Kerajaan.

Sokongan

Kerajaan akan terus mendapatkan sokongan dan kerjasama rakyat dalam usaha meningkatkan pembangunan serta mengawal keadaan keselamatan dalam negeri agar ekonomi negara terus berkembang maju dalam semua bidang, tambahnya.

Katanya, kejayaan pasukan keselamatan di Sarawak dan di Semenanjung Malaysia menunjukkan harapan yang cerah bagi memulihkan keamanan dalam tempoh tidak beberapa lama lagi.

Tegas beliau, Kerajaan dan rakyat akan menentang sebarang ancaman dari luar dan dalam negeri "kerana sekarang nyata rakyat dari semua golongan masyarakat mahukan keamanan dan kestabilan.

Tambah Perdana Menteri, perjuangan pengganas - pengganas dan penyokong - penyokong mereka menjalankan kekerasan terhadap Kerajaan Malaysia nyata sia - sia kerana mereka adalah menentang hasrat rakyat.

Mereka bukan berjuang untuk keamanan bahkan menentang kemerdekaan negara yang diakui oleh semua kuasa-kuasa besar, termasuk Repablik Rakyat China, kata Tun Razak.

Mengenai dasar luar negeri, beliau berkata, dasar luar Malaysia yang pragmatik, berlandaskan konsep berkecuali dan ingin bersahabat dengan semua negara tanpa mengira sistem sosio - politik mereka telah meletakkan nama Malaysia ditempat yang tinggi di mata dunia antarabangsa.

Penyertaan Malaysia dalam persidangan Ketua-ketua Negara berkecuali di Aljiers dan persidangan di Lahore telah mengeratkan lagi hubungan mesra Kerajaan Malaysia dengan sahabat-sahabat lama, khasnya dikalangan negara-negara Islam, disamping menjalinkan ikatan muhibbah dengan sahabat-sahabat baru.

Lawatan


Tun Razak menambah, tali persaudaraan yang teguh antara Malaysia dengan Indonesia dan Burma telah menjadi semakin erat dengan pertukaran lawatan tidak rasmi antara beliau dengan Presiden Suharto dan dengan Presiden Ne Win tempoh hari.

Beliau juga menyebut tentang lawatannya ke Singapura, penubuhan Sekretariat Tetap ASEAN di Jakarta, peranan penting Malaysia dalam penubuhan Bank Pembangunan Islam dan perlantikan Tengku Abdul Rahman Putera sebagai Pengerusi Bank itu.

Beliau berkata, kemajuan yang dicapai dalam bidang ekonomi dan sosial di negara ini sangat memuaskan. Setiap negeri sedang meluaskan bidang perindastrian sesuai dengan dasar Kerajaan beransur-ansur mengubah corak ekonomi pertanian kepada ekonomi perindastrian.

Di samping itu sejajar dengan keperluan ekonomi perindastrian, pendidikan dan latihan tenaga manusia pada semua peringkat sedang diperkembangkan menerusi pusat-pusat pengajian tinggi, pusat-pusat latihan kemahiran dan sekolah-sekolah.


PR-KA: 932 79/79.



Rakyat kelihatan penuh minat mendengar ucapan 'Bapa Keamanan', Tun Razak.

PENDUDUK PULAU PINANG TERIMA KONSEP BARISAN NASIONAL

Jambatan sudah terentang



KONSEP Barisan Nasional kini jelas tumbuh seteras yang menggembeling perpaduan seluruh rakyat di Negara ini.

Matlamatnya ialah untuk mencipta satu bangsa Malaysia yang bersatupadu serta mempunyai identiti kebangsaan yang tersendiri.

Ia juga untuk menggembling tenaga siasah kebangsaan dalam mewujudkan negara yang makmur dan saksama sejajar dengan lambang (Neraca) Barisan Nasional.

Dengan lain-lain perkataan, Barisan Nasional menampung cita-cita rakyat dalam usahanya mencari jalan untuk menjamin kesejahteraan jenerasi akan datang.

Malaysia, di bawah pimpinan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, maju lagi selangkah dalam pergolakan politik yang progresif di rantau Asia.

Diterima

Konsep Barisan Nasional yang pada mulanya menjadi tandatanya orangramai di sini (Pulau Pinang) sekarang menyeluruh dan diterima oleh sebahagian besar rakyat di negara ini.

Sokongan terhadap konsep yang diilhamkan oleh Perdana Menteri dapat disaksikan bila kira-kira 50,000 orang penduduk dari segenap lapisan masyarakat menghadiri rapat raksaksa Barisan Nasional disini baru-baru ini.

Mereka datang beramai-ramai membanjiri Padang Kota Lama yang saban hari menjadi tumpuan pelawat juga pelancung kerana unsur-unsur sejarahnya untuk menunjukkan sokongannya.

Tepukan gemuruh telah diberikan kepada Tun Abdul Razak sebaik saja beliau naik ke pentas pidato.

Tepukan itu diikuti pula oleh paluan kompang dan gendang tarian singa yang dituruti dengan pekikan "Malaysia seng kong", yang bererti: Berjaya Malaysia.

Teriakan yang berkali-kali itu diselangi pula dengan gema laungan, "Tun Razak wan sui", yang bermakna: Panjangkan usia Tun Razak.

Rapat itu menggambarkan penghargaan rakyat kepada Perdana Menteri kerana kejayaan membimbing rakyat dan negara ke lembaran baru dalam sejarah Malaysia.

Teguh

Seluruh rakyat, khasnya yang berdiri teguh di bawah panji-panji Barisan Nasional mengalu-alukan kejayaan Tun Abdul Razak kerana misi cermerlang ke Peking bulan lalu.

"Malam ini ialah satu malam yang bersejarah bagi kita semua dan juga seluruh rakyat Malaysia," kata Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu.

"Di samping berkumpul untuk menghadiri rapat raksaksa Barisan Nasional yang julung kali di sini, kita juga berada bersama-sama untuk menyambut kedatangan pemimpin agung kita, Tun Razak, Bapa Pembangunan Malaysia," tegas Dr. Lim dalam ucapan alu-aluannya.

Katanya, hubungan diplomatik Repablik Rakyat China dengan Malaysia bukan saja satu kejayaan Tun Razak, tetapi juga kejayaan besar luar Malaysia.

Pidato

Rapat raksaksa di Padang Kota pada malam Jumaat lalu itu memang menarik sekali.

Orangramai masing-masing mengambil tempat samaada dengan duduk bersila di padang, duduk bertinggung, berdiri dan tidak ketinggalan pula ada yang bergayut di atas pokok rendang di hujung padang untuk mendengar pidato Tun Razak.

Elok saja Perdana Menteri memulakan ucapannya, bulan pun menyinari ruangan rapat raksaksa.

Bintang-bintang berkerlipan di angkasaraya menjadikan gadis-gadis jelita yang datang memakai pakaian fesyen "bare backs" lebih menarik.

Tenang

Ibu-ibu yang datang dari jauh ada yang membawa bekalan sirih. Susu yang dibotolkan untuk anak-anak kecilnya pun dibawa bersama.

Mereka kelihatan tenang dan bersopan memasang telinga untuk mendengar ucapan pemimpin agungnya.

Kepulan-kepulan asap yang dihembuskan oleh penghisap rokok daun, curut dan bidi berlalu dengan mudahnya kerana tiupan angin dari laut di tepi padang tersebut.

"Ayoo! jangan pijak sarung," jerit seorang tua yang melucukan juga kerana kainnya terpijak oleh seorang lain ketika mencari tempat pandangan yang lebih sesuai.

Setuju

Di samping menerangkan tentang lawatannya ke China, Perdana Menteri mengumumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menubuhkan satu sindiket untuk melaksanakan pembinaan jambatan yang menghubungi Pulau Pinang dengan tanah besar semenanjung Malaysia.

Sindiket tersebut akan ...sertai bersama oleh ...erajaan-kerajaan Ne... dan Pusat serta penduduk tempatan, kata Tun Razak.

"Jambatan ini penting dalam perkembangan pembinaan Negeri Pulau Pinang memandangkan kemudahan yang akan wujud dengan terlaksananya Lebuhraya Timur-Barat.

"Wang saudara-saudara adalah selamat kerana Kerajaan sendiri menyertainya," kata Perdana Menteri ketika menyatakan perlunya orangramai, terutama yang berada, melaburkan wang mereka dalam sindiket itu.

Mengenai projek Pusat Bandarraya Georgetown yang akan menelan berjuta-juta Ringgit, Tun Razak berkata, adalah penting bagi penduduk yang terlibat berkorban untuk kesenangan buat masadepan.

"Pulau Pinang tidak akan menjadi bandar mati," ujar beliau sambil ketawa bila mengatakan yang penduduk Tanjung kerapkali mengadu kepada beliau kerana kuatir bandarnya akan menjadi "pekan mati".

Dasar

Rapat raksaksa tersebut mencerminkan yang penduduk negeri ini menerima konsep Barisan Nasional yang boleh juga diumpamakan sebagai sebuah jambatan untuk menitikan mereka ke dasar cita-cita negara.

Pemerhati - pemerhati politik di sini meramalkan yang rakyat akan membuktikan sokongan yang tidak berbelah-bagi di pilihanraya akan datang.

Seorang ahli Dewan Undangan Negeri dari sebuah parti pembangkang mengakui rapat tersebut mencerahkan lagi imej Barisan Nasional.

Parti-parti pembangkan di sini telahpun mengadakan rapat-rapat umum sejak awal tahun ini untuk menerangkan hujah-hujah mereka tentang pembangunan negara, inflasi dan dasar luar parti yang memerintah.

Issue

Dengan adanya hubungan diplomatik Malaysia-RRC, dasar pelajaran kebangsaan, pelaksanaan dasar ekonomi baru dan berbagai lagi rancangan pembangunan negara yang dijalankan Kerajaan, parti-parti lawan akan menghalakan jentera propagandanya kepada issue-issue yang timbul dari "temporary social dislocations" akibat proses pembangunan.

Bagaimanapun, pengaruh konsep Barisan Nasional sudah bergerak di sini sebagai satu perkembangan politik yang tidak dapat dinafikan.

Berita Harian 16 jun 74

PPR-RA :933 80/79 ,

Jangan libatkan Tun: Samad

KUALA LUMPUR, Rabu. – Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Abdul Samad Idris, dukacita kerana nama Tun Razak telah dilibatkan dalam pencalunan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Beliau menyatakan demikian ketika mengulas kenyataan Datuk Senu semalam bahawa Tun Razak, selaku Presiden UMNO Malaysia, tidak terlibat dalam pencalunan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia akan datang.

Amat kesal

Datuk Samad, dalam satu sidang akhbar hari ini, berkata beliau telah menemui Tun Razak tengahari tadi.

Menurutnya, Tun Razak "bukan saja tidak marah, sebaliknya ketawa".

Dalam sidang akhbar itu, Datuk Samad juga mengeluarkan kenyataan seperti berikut.

"Saya amat dukacita, kesal, sedih dan sayu bila membaca kenyataan akhbar Datuk Senu yang dikeluarkan semalam.

"Saya tidak mendapat kepastian sama ada kenyataan itu dikeluarkan oleh Datuk Senu atau pun oleh Setiausaha Agung UMNO Malaysia.

"Keraguan saya ini timbul setelah memikirkan dengan matang dan mendalam yang membawa saya kepada kesimpulan sekiranya kenyataan akhbar tersebut tidak dibuat, tentulah nama baik Tun Razak selaku Presiden UMNO Malaysia yang juga Perdana Menteri kita tidak terlibat dalam pemilihan Ketua Pemuda UMNO.

Guru dan bapa

"Sebagai seorang ahli UMNO yang menganggotai UMNO sejak umur saya masih dalam belasan tahun lagi, istilah derhaka kepada pucuk pimpinan parti memang tidak pernah timbul dalam hidup saya.

"Pada saya Tun Razak bukan saja seorang pemimpin tetapi adalah juga guru dan bapa yang sentiasa menunjukkan contoh dan tauladan yang baik untuk saya ikuti terutama di atas keikhlasan dan kejujuran beliau di dalam arena politik sejak beliau muda remaja hinggalah sekarang.

"Saya ingin menegaskan bagi saya dan kepada saya tidak ada tawar menawar dan tidak ada perundingan untuk mengguncang kesetiaan saya kepada pucuk pimpinan parti, istimewa kepada Tun Presiden.

"Dengan ini saya menyoal Datuk Senu bin Abdul Rahman sama ada atas nama peribadi ataupun atas nama beliau selaku Setiausaha Agung UMNO Malaysia:-

★ MUKA 12 ruang 1

KETUA PEMUDA: KENYATAAN SAMAD IDRIS

★ DARI MUKA 1

● Siapakah yang di dakwa Datuk Senu telah mengaitkan perebutan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia itu dengan nama Tun?

● Bilakah tarikhnya Datuk Senu dapat tahu cerita tersebut?

● Mengapakan Datuk Senu memilih tarikh 25 Jun untuk mengeluarkan kenyataan akhbar beliau mengenai perkara tersebut dan

● Mengapa Datuk Senu tidak memilih tarikh yang lebih awal?

"Menurut tanggapan saya kenyataan Datuk Senu ini dengan sendirinya menimbulkan dua pihak iaitu:- pihak yang menggunakan nama Tun untuk memenangi jawatan Ketua Pemuda UMNO ini dan pihak yang tidak menggunakan nama Tun untuk merebutkan jawatan tersebut.

"Berdasarkan faktor ini saya menyoal Datuk Senu supaya menerangkan sepenuhnya kedua-dua pihak ini.

"Jika sekiranya begitulah keadaannya, tidak dapat tidak Tun ada memihak kemanamana.

"Saya juga ingin tahu siapa yang disokong Tun dan siapa pula yang tidak mendapat sokongan Tun.

Dukacita

"Sebaik saja saya membaca kenyataan akhbar Datuk Senu itu, saya telah menyatakan rasa kesal dan dukacita saya yang tidak terhingga kerana nama beliau dibabitkan dalam soal ini.

"Berdasarkan peristiwa ini ada dua perkara yang dapat dijadikan renungan dan pertimbangan seluruh anggota UMNO istimewa sekali Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia seluruhnya iaitu:

● Ada suatu pembohongan yang menjadi dalang hingga membawa kepada keluarnya kenyataan itu.

● Seperti yang pernah saya katakan beberapa kali bahawa politik dan UMNO itu tetap bersih tetapi janganlah kita lupa ada segelintir ahli politik dan ahli UMNO sendiri yang menjadikan politik kotor ini sebagai amal ibadat mereka.

"Saya menyerahkan seluruh jiwa dan raga saya kepada Allah dan kepada seluruh ahli UMNO terutama sekali Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

"Saya yakin mereka semua mempunyai akal fikiran yang tenang, tajam dan sempurna untuk menentukan pilihan mereka.

"Kesetiaan anggota parti kepada pucuk pimpinan inilah yang menjadikan UMNO sebagai teras politik dan payung negara tempat semua rakyat tumpang bernaung.

"Dari pertemuan saya tadi dengan Tun Razak, dapatlah saya memberi satu kesimpulan bahawa Datuk Senu sendiri telah memandai-mandai melibatkan nama Tun dengan mereka-reka sesuatu yang tidak benar mungkin kerana sesuatu muslihat.

"Mungkin ada udang sebalik batu, kalau tidak ada berada, masakan tempua bersarang rendah."

"Sama ada disedari atau tidak, sama ada disengaja atau tidak, Datuk Senu telah masuk perangkap dan telah diperangkap atau telah terperangkap," kata Datuk Samad.

BERITA HARIAN, SELASA, 18 JUN, 1974

PTR. No: 934 81/79.

Bagi menyesuaikan hasrat negara

Badan untuk awasi akhbar2



● Tun Razak sedang berucap merasmikan Seminar Para Pengarang dan Penerbit Akhbar di Dewan Tengku Abdul Rahman pagi semalam duduk di pentas Encik Osman Cassim, Tengku Ahmad Rithaudden (terlindung sedikit) dan Encik Ahmad Nordin Zain. — Gambar Berita Harian.

KUALA LUMPUR, Isnin. – Malaysia perlu mempunyai sebuah badan pengawas akhbar bagi menentukan perjalanan akhbar yang sesuai dengan hasrat dan kepentingan negara.

"Badan ini bukanlah bermaksud untuk mengkongkong kebebasan akhbar di negara ini tetapi semata-mata untuk menentukan akhbar-akhbar berjalan dengan teratur dan sempurna," kata Tun Razak.

Tun Razak berkata demikian ketika merasmikan pembukaan Seminar Para Pengarang dan Penerbit Akhbar Malaysia di Dewan Tengku Abdul Rahman di sini pagi tadi.

Beliau menyerahkan kepada seminar menentukan nama badan pengawas itu.

Perdana Menteri berpendapat badan itu juga boleh menjamin kebebasan akhbar dan juga kepentingan para pembaca.

Dalam ucapannya itu Tun Razak juga mengingatkan para pengarang tentang tanggungjawab mereka yang bertambah penting dan berat dalam Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum.

"Semua pihak hendaklah sentiasa berhati-hati dan menentukan segala apa yang bakal disiarkan untuk umum tidak menimbulkan salah faham ataupun menyinggung perasaan sesuatu golongan.

"Akhbar-akhbar mestilah bersikap objektif dan tidak menyebelahi mana-mana pihak serta menjauhkan sebarang pemberitaan yang menimbulkan ketegangan antara satu pihak dengan yang lain," katanya.

(Ucapan penuh Perdana Menteri disiarkan di muka 5 akhbar ini)

Mengenai susunan keanggotaan Badan Pengawas yang dicadangkan itu, Tun Razak berkata: "Tanya mungkin dianggotai oleh wakil-wakil akhbar dan penerbit, wakil-wakil pihak pembaca, ahli-ahli akademik, wakil profession yang lain dan wakil-wakil Kerajaan.

Pengetua

"Badan ini akan diketuai oleh seorang warganegara yang terkemuka yang bersama-sama bertanggungjawab bagi menentukan perjalanan akhbar yang sesuai dengan hasrat dan kepentingan negara kita."

Dalam ucapannya itu, Perdana Menteri juga mahu akhbar-akhbar di Semenanjung Malaysia menambah siaran mengenai berita-berita dari Sabah dan Sarawak.

Menurut beliau akhbar-akhbar di Sabah dan Sarawak juga patut menambah siaran mengenai segala perkembangan di Semenanjung Malaysia, terutama mengenai pembangunan.

Pertukaran

Sambil itu beliau mengesyorkan supaya diadakan rancangan pertukaran para pemberita antara akhbar-akhbar di Semenanjung Malaysia dengan akhbar-akhbar di Sabah dan Sarawak.

"Tentu sekali kita tidak patut bergantung kepada syarikat berita asing mengenai peristiwa yang berlaku dalam negara kita," katanya.

Perdana Menteri juga mahu supaya akhbar-akhbar Malaysia dikendalikan oleh warganegara sendiri "agar benar-benar mencermikan kepentingan rakyat dan negara, bukan sahaja dari segi pengambilan pekerja bahkan juga dalam hak milik dan penguasaan syarikat akhbar itu sendiri.

Seminar itu akan tamat esok dan disertai

★ Muka 12 Ruang 2

4 Kertaskerja dibincang dalam seminar

★ DARI MUKA 1

oleh semua akhbar di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak.

Empat kertas kerja dibentangkan:

- Peranan Suratkhabar Dalam Pembangunan Negara;
- Masaalah-masaalah Yang Dihadapi oleh Surat-suratkhabar kecil di negeri ini;
- Perhubungan Kerajaan dengan akhbar; dan
- Latihan Untuk Para Wartawan.

Upacara perasmian seminar itu dihadiri juga oelh beberapa menteri dan ketua-ketua perwakilan asing.

BERITA HARIAN, SABTU, 22 JUN, 1974

935/ 82/79

PAMERAN MENUNJUKKAN KEJAYAAN RANCANGAN-RANCANGAN KERAJAAN

Pesta Pembangunan bertujuan sedarkan rakyat

Oleh ALI MANSOR RAHMAN

Ke arah Masyarakat Islam Se Dunia dan Pembangunan

DALAM minggu ini sahaja dua peristiwa penting berlangsung di Kuala Lumpur — Persidangan ke 5 Para Menteri Luar Islam dan Pesta Pembangunan Kebangsaan.

Pesta Pembangunan Kebangsaan ini diatur serentak dengan Persidangan Para Menteri Luar Islam untuk memberi peluang kepada ketua-ketua negara Islam melihat dari dekat kemajuan pesat negara dalam bidang ekonomi sejak kemerdekaan.

Tetapi tujuan utama pesta ini ialah untuk menimbulkan semangat kesedaran di kalangan rakyat tempatan, terutama penduduk luarbandar mengenai perlunya penglibatan mereka dalam pembangunan negara.

Kerajaan pusat telah menyumbangkan $1.5 juta untuk persiapan pesta di samping sumbangan beratus-ratus ribu ringgit dari kerajaan-kerajaan negeri.

Pesta Pembangunan Kebangsaan ini adalah kemuncak pesta pembangunan peringkat negeri dan daerah yang diadakan sejak tahun 1972 lalu berikutan pelancaran Gerakan Pembaharuan.

Pelancaran rasmi pesta Khamis kelmarin setelah lebih lima bulan persiapan, oleh Perdana Menteri Tun Abdul Razak, disambut dengan meriah lagi berwarnawarni di tapaknya di Stadium Negara.

Menurut pengerusi jawatankuasa kerja dan penyelarasan pesta, Encik Sulaiman bin Osman: "Pesta ini adalah pesta rakyat bukan pesta perdagangan."

"Kita bukan hendak meninggikan imej ajensi-ajensi kerajaan atau swasta melalui pameran yang diadakan.

"Apa yang ditekankan ialah menerangkan kepada rakyat apakah usaha-usaha pembangunan yang dijalankan selama ini dan peluang-peluang di bidang perdagangan dan perindastrian yang dibuka kepada mereka" terangnya.

"Kita juga menunjukkan contoh-contoh mereka yang telah maju di satu-satu bidang.

"Sekiranya seseorang itu mengambil langkah yang betul ia juga boleh berjaya," tambahnya.

Menerusi pameran-pameran pesta dititikberatkan peluang dan kemudahan terbuka luas dalam berbagai bidang termasuk sektor perdagangan dan perindastrian sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat.

Juga ditekankan matlamat penyusunan semula masyarakat dilaksanakan dengan adil dan saksama bukan secara merampas hak atau peluang sesuatu kaum.

Kira-kira 65 syarikat swasta mengambil bahagian di pesta tersebut.

Pameran di Stadium Negara diatur kepada tiga bahagian — kawasan arena stadium, tengah dan penyertaan negeri-negeri.

Pameran di bahagian arena menerangkan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan secara am, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dengan kerjasama pihak swasta dan peranan yang mesti dimainkan oleh rakyat untuk sama-sama menjayakan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Juga dititikberatkan usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan juga tentang penyatuan tenaga antara semua pihak selaras dengan matlamat penyusunan semula masyarakat.

Kemuncak pameran di peringkat ini ialah peranan rakyat sendiri dalam menyambut seruan kerajaan untuk melibatkan diri dalam rancangan - rancangan pembangunan.

Pameran di Kawasan Tengah dibahagikan kepada tujuh gerai: pertanian, perdagangan, perusahaan, kewangan, latihan pemasaran dan pertanyaan.

Cara persembahan pameran di kawasan ini secara 'integrated approach' dengan usaha-usaha ajensi-ajensi Kerajaan digabungkan dalam satu gerai menurut aktiviti sesuatu ajensi. Ini agak berbeza dari pameran di pesta-pesta tempoh hari.

Umpamanya jika seseorang peniaga Bumiputera ingin mengetahui cara-cara mendapatkan sumber kewangan untuk perniagaan ia boleh pergi ke Gerai Kewangan.

Pameran di Peringkat Negeri — peringkat ini menunjukkan kegiatan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri di Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak.

Ini termasuklah rancangan-rancangan fisikal yang terdapat di negeri-negeri berkenaan serta projek-projek pertanian, perdagangan dan perindastrian yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri menerusi perbadanan-perbadanan kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing dan rakyat setempat.

Berkesan

Di samping itu barang-barang pertukangan tangan yang diusahakan oleh rakyat sesebuah negeri berkenaan juga dipamerkan.

Tidak ketinggalan pesta turut menyertakan aspek pameran secara fisikal dalam bentuk gambar, carta-carta. Bahagian ini memenuhi kawasan luar sekeliling Stadium Negara dan juga bekas tapak Exposisi Perancis.

Tujuan Bahagian Penyertaan Terus ini ialah untuk memberi gambaran tentang kegiatan badan-badan dan pertubuhan awam dan swasta yang telah menyumbangkan kepada keutuhan ekonomi negara.

Badan-badan yang mengambil bahagian di pameran penyertaan terus ini dibahagikan kepada: Pertanian, Perusahaan, Perdagangan dan Infrastruktur dan Perkhidmatan.

Untuk kemudahan pengunjung-pengunjung pesta pegawai-pegawai penerangan di tempatkan di bahagian-bahagian gerai-gerai pameran untuk membantu orang-ramai yang ingin mendapatkan penerangan lebih lanjut.

Percuma

Buku-buku penerangan juga diberi percuma kepada para pengunjung.

Kalau diukur dari wang beribu ringgit yang telah dicurahkan, pesta pembangunan ini adalah pesta yang terbesar diadakan sejak kemerdekaan.

Dari persiapan dan pameran-pameran yang dipertunjukkan ianya adalah satu kejayaan besar.


Tetapi dalam kontek pesta pembangunan ini kejayaannya yang sebenar hanya apabila timbul semangat atau azam baru kalangan para pengunjungnya untuk lebih bergiat melibatkan diri dalam rancangan pembangunan negara dan merebut peluang-peluang yang disediakan kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru.



● **PERDANA MENTERI, Tun Razak, sedang menerima penerangan dari seorang peserta Pesta Pembangunan yang dirasmikannya kelmarin di Stadium Negara.**

BERITA HARIAN, SABTU, 22 JUN. 1974

PTR . KL : 936 83/79



● Dari kiri, Datuk Hussein Onn, Tun Razak, Encik Abdel Aziz Kamil (Mesir) Tun Adam Malik dan beberapa perwakilan Islam ketika menunaikan Fardhu Jumaat di Masjid Negara. — Gambar Berita Harian.

Gema Allahu Akbar sambut wakil2 di Masjid Negara

KUALA LUMPUR, Jumaat. — "Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar ..." bergema di sekitar perkarangan Masjid Negara tengahari tadi dilaungkan oleh para hadirin ketika perwakilan ke Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam, tiba untuk menunaikan Fardu Jumaat bersama-sama 10,000 umat Islam di situ.

Kira-kira 3,000 umat Islam terdiri dari Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Belia Pelopor Negara, persatuan-persatuan dakwah yang berdiri di kiri-kanan jalan menuju ke masjid melaungkan takbir sambil mengibarkan bendera-bendera kecil negara peserta.

Tiga menteri kabinet — Tengku Ahmad Rithauddeen, Datuk Wan Kadir Ismail dan Haji Yusuf Abdullah, menyambut ketibaan mereka.

Sebelum perwakilan tersebut tiba jam 12.05 tengahari, ribuan rakyat berbagai kaum berdiri di luar kawasan masjid untuk melihat wajah pemimpin - pemimpin Islam.

Semua perwakilan dari Afrika dan negara-negara Teluk Parsi memakai pakaian kebangsaan, kecuali perwakilan dari Asia Barat.

Sembahyang

Disamping itu, pemerhati-pemerhati dari bukan negara peserta juga menghadiri sembahyang Jumaat.

Mufti Wilayah Persekutuan, Sheikh Abdul Mokhsein Haji Salleh mengimamkan sembahyang tersebut.

Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri - menteri Kabinet beragama Islam dan lain-lain pegawai kanan Malaysia, juga Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah diantara rakyat Malaysia yang hadir.

Oleh kerana kebanyakan mereka tidak boleh berbahasa Melayu, Sheikh Mokhsein terpaksa menggunakan dua bahasa, Melayu dan Arab.

Ramai umat Islam terpaksa berhimpit-hempit bersembahyang kerana ruang sembahyang sudah dipenuhi.

Setelah selesai menunaikan fardu Jumaat, perwakilan tersebut bersalaman dan berdakap-mesra "menunjukkan keluhuran budi" meskipun dari warna kulit berlainan.

Orangramai di luar kawasan masjid masih ramai kerana hendak melihat tokoh-tokoh Islam.

Polis Simpanan terpaksa bekerja keras mengawal orangramai yang hendak melihat para perwakilan tersebut.

Berita Harian 22 jun 74.

PTR.KD:937 8/75

Hidupkan semula keilmuan Islam-Tun

22 Jun 74

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Negara-negara Islam yang berkumpul di sini hari ini digesa supaya menggerakkan suatu usaha pengajian dan penyelidikan bersama mengenai tafsiran Al-Quran untuk menghidupkan semula semangat keilmuan Islam.

Mereka juga hendaklah menggembelingkan setiap sumber bagi memberhentikan tindakan zalim Israel menakloki kota suci Baitul - Muqadis, penganiayaan terhadap rakyat Palestin dan menimbulkan pergolakan di Asia Barat.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak berkata, persidangan negara-negara Islam yang sedang berlangsung di negara ini dapat mengambil kesimpulan mengenai kedua-dua perkara utama tersebut.

Buktikan

Beliau telah merasmikan persidangan kelima Menteri - menteri Luar Negara Islam di sini petang ini.

Tun Razak berkata: "Islam selalu dituduh sebagai penghalang kemajuan.

"Marilah kita samasama menyangkal tuduhan ini dengan membuktikan bahawa Islam sebaliknya ialah ugama bagi kemajuan di samping memberikan nilai-nilai rohaniah dalam kehidupan baik keduniaan mahupun akhirat.

"Persidangan ini boleh memulakan sesuatu tindakan dengan mengadakan satu rancangan tertentu untuk melaksanakan pengajian dan penyilidikan mengenai tafsiran Al-Quran."

Beliau percaya perkara tersebut penting kerana "apa yang menjadi persoalan ialah sikap umat Islam di seluruh dunia."

Kejahilan

"Kejahilan masih berleluasan terhadap nilai Islam dan ajaran Quran yang kadang kala disalah tafsirkan malah oleh orang Islam sendiri ialah disebabkan salahfaham dan sikap cuai," katanya.

Tun Razak mengingatkan di zaman kegemilangan Islam dahulu terdapat kejayaan yang cemerlang di bidang sains, teknoloji, fikiran dan falsafah.

Katanya, Islam ialah ugama sejagat sementara Al-Quran kitab suci secocok sepanjang masa.

"Kita mestilah tahu membezakan rukun dan ajaran Islam yang tidak boleh diubahsuai daripada corak hidup semata-mata yang semestinya sesuai dan selari dengan keadaan masa.

"Kita mesti sanggup mengubahsuai cara hi-

★ Muka 9 Ruang 8

Tun Razak gembira kehadiran wakil PLO

★ DARI MUKA 1

dup kita sejajar dengan keperluan dan tuntutan masa serentak dengan mematuhi rukun dan ajaran Islam," tambah beliau.

Menyentuh soal - soal Baitul-Muqadis, rakyat Palestin dan masaalah Asia Barat, beliau berkata pendudukan Israel ke atas kota suci tersebut sangat menyayat hati umat Islam dan rakyat yang cintakan keamanan di seluruh dunia.

"Tindakan menjadikan kota suci itu kawasan Judias mengancam Masjid Al-Aqsa dan juga nasib rakyat Palestin yang sejak penaklokan Israel tahun 1945-46 menjadikan mereka rakyat pelarian," katanya.

Kota suci ialah tapak kepada tiga ugama utama di dunia dan "penduduk Yahudi tidak dapat dimaafkan oleh sesiapa juga yang menghormati ugama dan sejarah."

Tun Razak mensifatkan sebagai satu langkah yang sengaja dibuat oleh Israel untuk menyingkirkan penduduk Arab, baik berugama Islam atau Kristian dan juga merampas hak kebebasan mereka yang turun temurun.

Beliau juga menyebut masaalah rakyat Palestin yang menurutnya "dunia hendaklah faham bahawa selagi hak sah rakyat Palestin tidak dipulihkan, pertikaian di Asia Barat akan berlarutan dan keamanan yang berkekalan tidak mungkin tercapai."

Kekal

Katanya, keangkohan Israel menjadi pokok persoalannya dan menjadi tanggungjawab kita semua untuk mendesak pencapaian suatu penyelesaian saksama yang segera.

Beliau gembira dengan kehadiran wakil PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin) yang menjadi wakil mutlak rakyat Palestin dalam membincangkan bersama masaalah mereka.

Tun Razak memberikan sokongan penuh Malaysia terhadap umat Arab samada masa perang atau aman.

Katanya, Malaysia bersedia menghulurkan apa juga rupa bantuan yang terdaya untuk menolong saudara - saudara Arab mendapat kembali hak sah mereka.

"Perpaduan yang terdapat di persidangan Kuala Lumpur ini dan selanjutnya mungkin dapat menolong memulihkan hak Arab dan Islam.

"Marilah kita bersatu suara dan tenaga menyokong perjuangan umat Arab dan Islam di Asia Barat," tegas beliau.

Berita Harian 23 jun 74.


DTR. KA: 938 85/79.



● Perdana Menteri dengan diapit oleh Pemangku Menteri Luar Libya, Encik Abdel Ati-Obeedi (kiri) dan Setiausaha Agung Sekretariat Islam, Encik Hassan Ali Tohamy (kanan), sedang merasmikan Sidang Ke 5 Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam di Bangunan Parlimen kelmarin.



● Perdana Menteri dan isterinya, Toh Puan Rahah, sedang berbual mesera dengan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Haji Omar Ong Yoke Lin (bersongkok) dan Tun Sharifah Rodziah, isteri Presiden Perkim, Tengku Abdul Rahman Putra Alhaj, dan isteri Tan Sri Omar (membelakang kamera) selepas upacara merasmikan permulaan Sidang Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam di Bangunan Parlimen.



● Orang ramai mengibar-ngibarkan bendera negara-negara peserta Sidang Islam mengalu-alukan ketibaan seorang dari peserta Asia Barat menunaikan Fardu Jumaat di Masjid Negara.

PERSAUDARAAN, PERSEFAHAMAN TERJALIN RAPAT

SEKITAR SIDANG KELIMA MENTERI2 LUAR ISLAM



● Sebahagian dari para perwakilan negara-negara Islam yang menyertai Sidang Menteri-menteri Iuar Islam, sedang mendengar ucapan Tun Abdul Razak merasmikan sidang itu di Dewan Rakyat.

Perwakilan Malaysia diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, sementara anggota-anggotanya adalah Tengku Ahmad Rithauddeen, Datuk Abdul Rahman Ya'kub, Datuk Wan Kadir Ismail, Tan Sri Zaiton Ibrahim dan Senator Dzulkifli Hamid.

Oleh SAAD HASHIM
KETUA PEMBERITA BERITA HARIAN

DI SAAT ini bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, Menteri-menteri Luar dari 37 negara Islam sedang tekun memerah otak bagi mencari titik-titik persefahaman dan merangka segala bidang kerjasama yang boleh dilaksanakan untuk faedah bersama.

Turut sama dalam persidangan itu ialah wakil dari Pertubuhan Pembebasan Palestin atau PLO dan juga perwakilan sebuah pertubuhan Islam dari Iraq.

Hari ini ialah hari ketiga Menteri - menteri Luar itu bersidang. Semalam mereka bertincang dua kali. Pagi dan petang. Sidang tersebut akan berjalan hingga pagi Selasa ini.

Di akhir persidangan itu, beberapa ketetapan termasuk beberapa perkara baru akan diumumkan samaada untuk dilaksanakan atau untuk dibincangkan lebih lanjut dalam sidang akan datang.

Dalam keadaan-keadaan begini, tentu sekali ada pihak-pihak yang akan berkata dengan penuh sinis: "Apakah yang telah dibuat oleh Sidang Menteri - menteri Luar, selain bertikam lidah tak habis-habis?"

"Kosong. Tak ada apa yang konkrit."

Pihak-pihak ini selalunya tidak suka melihat perpaduan Islam, ataupun tidak menyedari langsung kepada hakikat bahawa kejayaan dan kemajuan memang sudah banyak dibuat.

Sekali imbas benar bahawa kejayaan-kejayaan fizikal tidak seberapa buat masa ini. Umpamanya, Bank Pembangunan Islam masih menjadi impian.

Penting

Begitu juga projek-projek lain seperti Syarikat Berita Islam Antarabangsa belum lagi sampai ke mana-mana menyebabkan publisiti tentang negara-negara Islam dan umat Islam terpaksa bergantung terus kepada belas kasihan syarikat-syarikat berita kepunyaan bukan Islam.

Sehingga ini, tidak kurang 30 keputusan telah dibuat dalam persidangan Menteri-menteri Luar Islam yang lepas serta juga sidang kemuncak Ketua Negara-negara Islam yang telah diadakan.

Sebenarnya, perhimpun-perhimpunan negara Islam seperti ini sudah banyak membuat kejayaan di bidang yang tak dapat dilihat atau "the intangibles."

Pertama, rasa persaudaraan dan muhibah yang sudah mula terjalin rapat di kalangan negara-negara Islam tanpa mengira bangsa dan warna kulit.

Ini adalah satu detik penting dalam perkembangan politik dunia Islam seluruhnya kerana di masa lalu, negara-negara Islam menjalani hidup secara sendirian.

Terpaksa

Ada yang terpaksa memihak kepada sesuatu blok kuasa besar semata-mata atas dasar hidup-mati atau survival, ataupun kerana mewarisi sesuatu yang ditinggalkan oleh kuasa yang menjajahnya dahulu.

Sebelum Sekretariat Islam ditubuhkan kira-kira lima tahun lalu, hubungan Malaysia dengan negara - negara Islam yang terpencil seperti Chad, Cameroon, Gabon, atau Gambia di Benua Afrika, boleh dikatakan tidak wujud langsung.

Malah hingga ke saat ini, sebilangan besar rakyat Malaysia masih samar-samar bahawa negeri - negeri tersebut adalah saudara Islam mereka juga.

Siapakah yang terfikir bahawa hampir 40 buah negara Islam sekarang tidak ada apa-apa halangan lagi untuk duduk sama semeja membincangkan masaalah-masaalah bersama. Ini sudah sepertiga dari perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu.

Semua ini sudah menjadi lumrah. Negara-negara jutawan dari Teluk Parsi dan di Asia Barat sudah tidak segan lagi duduk bersama dengan negara - negara Islam miskin seperti Bangladesh, Mali, Senegal, Guinea dan lain-lain.

Memang benar, dalam persidangan - persidangan seperti yang berjalan sekarang, pertikaman lidah akan berlaku, tetapi hendaklah disedari juga bahawa semua ini berjalan dalam penuh suasana semangat musyawarah dan persaudaraan Islam.

Lancar

Fakta-fakta inilah yang patut disedari dan dihargai benar-benar.

Sebabnya ialah, kejayaan-kejayaan di bidang fizikal atau "the tangibles" tidak akan tercapai kalau ia tidak didahulu dengan semangat muhibah dan persefahaman.

Apabila rasa persaudaraan dan persefahaman di kalangan negara-negara Islam sudah menjadi "fait accompli," maka mau tak mau segala-segalanya akan berjalan lancar.

Dan untuk mencapai suasana sedemikian tentulah memakan masa sedikit, seperti juga yang dialami oleh pertubuhan - pertubuhan lain — Asean, Persatuan Ekonomi Eropah atau EEC, Pertubuhan Negara-negara Afrika atau OAU ataupun Pertubuhan Negara-negara Latin Amerika.

Dalam persidangan kali ini, Menteri-menteri Luar Islam mungkin juga menyentuh soal rakyat Islam di Filipina, secara langsung atau tidak langsung.

Bagaimanapun, Menteri-menteri Luar itu pasti akan menyentuh soal ini kerana sebuah jawatankuasa telah dibentuk di sidang di Benghazi, Libya untuk melawat dan melihat sendiri keadaan penghidupan orang-orang Islam di selatan Filipina itu.

Jawatankuasa itu terdiri dari Libya, Arab Saudi, Senegal dan Somalia dan ia akan mengemukakan laporannya di dalam sidang yang berjalan sekarang.

Ulasan

Persidangan tersebut mungkin juga membuat satu-satu keputusan ataupun memberikan ulasan mengenai perkara tersebut.

Ini adalah satu lagi bidang yang nyata yang telah dihasilkan oleh perhimpunan negara-negara Islam.

Sebelum ini, soal-soal seperti ini akan terbiar begitu saja ditelan zaman kerana tidak ada sebarang pertubuhan negara - negara Islam untuk sekurang-kurangnya mengangkat suara sekiranya golongan minoriti Islam di sesuatu negara ditekan atau menjadi mangsa penganiayaan.

Tetapi dengan adanya perhimpunan negara Islam, golongan minoriti Islam itu sekurang-kurangnya ada saluran atau platform bagi menyuarakan untung nasib mereka.

Begitu juga, tak siapa yang boleh menafikan bahawa perhimpunan negara - negara Islam ini sudah banyak mempengaruhi politik antarabangsa.

Sekatan bekalan minyak oleh negara-negara pengeluar minyak Islam telah mempengaruhi ataupun mengubah langsung cara pemikiran politik antarabangsa termasuk para gergasi seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

Kalau dulu, Amerika Syarikat begitu angkuh sekali dalam masaalah di Asia Barat, maka ia sekarang terpaksa menyesuaikan kedudukannya semula kepada sikap bertolakansur.

Adalah tidak menghairankan kalau krisis tenaga itu telah memaksa Amerika Syarikat "memulas tangan" anak emasnya, Israel, dalam beberapa perkara.

Jepun juga ikut bungkam dan mengalih haluan untuk memberikan sokongan penuh kepada perjuangan negara-negara mengembalikan hak mutlak rakyat Palestin.

Secara langsung, tindakan negara - negara Arab pengeluar minyak itu mungkin tidak ada sangkutan dengan perhimpunan negara - negara Islam, tetapi pertaliannya tetap ada.

Oleh itu Malaysia tentu sekali merasa megah kerana dapat menjadi tuanrumah perhimpunan negara-negara Islam (yang paling besar setakat ini).

Paling membanggakan ialah sebuah negara Islam sebegini kecil telah berjaya mendapatkan keyakinan dan penghormatan dari negara-negara Islam yang jauh lebih besar.



● Beginilah keadaannya dalam sebarang persidangan terpenting — setiap peserta mengikuti segala yang diperkatakan. Perwakilan Malaysia, Tengku Ahmad Rithauddeen (nungkat dagu) n lain-lain perkilan sedang ndengar ucapan tuk Hussein n.

lga menteri ne- ini — Datuk d u l Rahman ub, Haji Yusuf llah dan Da- Wan Kadir Is- — juga hadir n persidangan but. — gambar a Minggu.

Akan termasuk dalam kenyataan

HARI PIAGAM ISLAM DITERIMA

Sidang setuju ucapan Tun dijadi panduan

SIDANG MENTERI2 LUAR ISLAM HARI PERTAMA

Oleh SAAD HASHIM

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Usul Malaysia supaya diadakan satu Hari Piagam untuk dirayakan oleh negara-negara Islam telah diterima oleh jawatankuasa politik Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam, petang ini.

Persidangan penuh Menteri-Menteri Luar Islam dijangka menerima usul itu dengan rasminya sehari dua lagi yang kemudian akan dimasukkan dalam kenyataan bersama yang akan dikeluarkan di akhir sidang tersebut.

Keputusan jawatankuasa politik menerima usul Malaysia itu diumumkan oleh Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas, Tengku Ahmad Rithauddeen, dalam satu taklimat akhbar di akhir persidangan menteri-menteri Islam, lewat petang ini.

KUALA LUMPUR, Sabtu.

PARA menteri luar Islam hari ini secara umum menyetujui supaya ucapan Tun Abdul Razak ketika merasmikan persidangan mereka yang ke-5 ini, dijadikan panduan dalam perbincangan mereka.

Menurut Menteri Penerangan dan Tugas-Tugas Khas, Tengku Ahmad Rithaudden, para menteri itu berpendapat demikian kerana ucapan Tun Razak itu menyentuh semua perkara yang patut dititikberatkan oleh perhimpunan itu.

Sementara itu, di samping perkara-perkara lama yang ditetapkan oleh jawatankuasa pegawai-pegawai kanan menteri-menteri itu juga bersetuju memasukkan beberapa baru yang dicadangkan oleh setengah perwakilan.

Perkara-perkara lama yang penting ialah soal penubuhan Tabung Perpaduan Islam.

Perkara-perkara baru yang ditimbulkan hari ini termasuklah soal bantuan untuk Guine Bissau di segi moral dan material, dan kerjasama yang lebih erat antara negara anggota dalam menentang gejala-gejala sabersif yang mengancam kesucian Islam.

Satu lagi perkara baru yang menarik ialah penubuhan satu Yayasan Sains Islam untuk faedah negara-negara ahli sekretariat Islam.

Bertanya

Perwakilan Pakistan telah berjaya memasukkan soal jaminan yang lebih tegas untuk negara-negara bukan nuklear oleh Kelab Negara-Negara Nuklear.

Tengku Rithauddeen menyatakan, kebanyakan perkara baru telah diserahkan kepada jawatankuasa politik persidangan menteri-menteri tersebut.

Menurut beliau lagi, setakat ini belum ada cadangan untuk membahaskan cadangan setiausaha agung Sekretariat Islam, Encik Mohamed Hassan Al Tohamy supaya diadakan satu sidang khas mengenai golongan minoriti Islam di seluruh dunia.

Tengku Rithauddeen berkata, jawatankuasa politik itu juga telah bersetuju supaya negara - negara sekretariat Islam menyokong pencalunan menteri-menteri negara Islam untuk beberapa jawatan dalam ajendi antarabangsa.

Pencalunan itu ialah bekas Menteri Luar Lebanon Encik Edward Somar untuk jawatan ketua pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian Antarabangsa atau FAO.

Malaysia dipilih menjadi pengerusi

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Sidang Ke5 Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam hari ini sebulat suara memilih Ketua dan Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia menjadi Pengerusi dan Ketua Jurucakap mesyuaratnya.

Ketua perwakilan Arab Saudi, Encik Syed Omar Al Saqqaf, telah mencadangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, yang menjadi Ketua Perwakilan Malaysia dipilih menjadi Pengerusi mesyuarat.

Sementara wakil PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin) mencadangkan supaya Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas, Tengku Ahmad Rithauddeen, yang menjadi Timbalan Ketua Perwakilan Malaysia menjadi Ketua Jurucakap mesyuarat.

Kedua-dua cadangan itu mendapat sokongan dan diterima sebulat suara oleh masyuarat.

Pemilihan itu berlangsung selepas pengerusi yang lalu, Encik Abdul Ati Al Obeedi, Ketua Perwakilan dan Pemangku Menteri Luar Libya mengistiharkan mesyuarat bermula.

Untuk menyedarkan

Menurut cadangan Malaysia itu, setahun sekali negara-negara Islam anggota Sekretariat Islam hendaklah merayakan Hari Piagam itu yang bertujuan untuk menyedari mereka tentang kerjasama dan persaudaraan di kalangan mereka.

Cadangan itu mengesyurkan pada hari tersebut hendaklah diadakan pamiran, pesta filem dan foram dan seminar mengenai prinsip-prinsip piagam Seketariat Islam itu.

Tengku Rithauddeen menambah, persidangan petang ini dipecahkan juga kepada tiga jawatankuasa iaitu mengenai politik, ekonomi dan pentadbiran dan kewangan.

Di samping itu, sidang penuh atau pleno menteri-menteri luar Islam berjalan juga yang antara lain menetapkan supaya diadakan satu jawatankuasa khas untuk membantu ketiga-tiga jawatankuasa tadi.

Tengku Rithauddeen yang dilantik menjadi jurucakap persidangan tersebut memberitahu, kebanyakan perkara dalam ajenda yang disediakan oleh jawatankuasa pegawai kanan semalam, telah diserahkan kepada jawatankuasa politik untuk membuat syur-syurnya.

Pentadbiran

Perkara-perkara tersebut termasuklah soal pembebasan Palestin dan perjuangan orang-orang Arab untuk mendapatkan kembali wilayah mereka yang diduduki cara haram oleh Israel.

Jawatankuasa itu juga akan membahaskan soal pembakaran Masjid Al Aqsa dan tindakan Israel mencabul kesucian Baitul Makdis.

Perkara orang Islam di selatan Filipina juga akan dibincangkan oleh jawatankuasa tersebut berdasarkan kepada laporan jawatankuasa em-

■ Muka 14 Ruang 6



Apa yang membuat Tun Adam Malik (kiri) dari Indonesia begitu khusyuk, sementara beberapa perwakilan sedang mencatitkan sesuatu ketika mendengar ucapan Datuk Hussein Onn.



● Beberapa perwakilan Islam dan pegawai-pegawai kanan masing-masing khusuk mendengar ucapan Datuk Hussein Onn memulakan Sidang Pleno pertama di Hotel Hilton pagi ini.

Antara mereka — perwakilan dari Oman dan Niger.

Sekretariat Islam mungkin diberi nama baru

★ DARI MUKA 1

pat negara yang dilantik oleh sidang menteri-menteri luar Islam ke-4 di Benghazi, Libya tahun lalu.

Selain dari itu, jawatankuasa itu juga akan membuat syurnya mengenai gerakan-gerakan pembebasan di Afrika dan kerjasama Sekretariat Islam dengan Pertubuhan Perpaduan Afrika atau Organisation of African Unity.

Jawatankuasa itu juga diminta membahaskan perkara mengubah nama Sekretariat Islam kepada Pertubuhan Perpaduan Islam iaitu cadangan oleh setiausaha agung sekretariat itu, Encik Mohamed Hassan Al Tohamy.

Jawatankuasa politik itu diketuai oleh timbalan Perdana Menteri Republik Arab Mesir, Dr. Abdul Aziz Kamel.

Beliau berkata, jawatankuasa ekonomi akan menimbangkan soal-soal mengenai kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara Islam dan mengkaji laporan ekonomi yang disediakan oleh satu jawatankuasa pakar yang selesai menyiapkan laporan itu semalam.

Jawatankuasa pentadbiran dan kewangan juga tidak banyak perkara yang akan dibincangkan. Ini termasuklah soal pentadbiran Tabung Perpaduan Islam.

Tengku Rithauddeen memberitahu, apabila sidang penuh dimulakan petang ini, perwakilan Republik Arab Mesir telah meminta kebenaran pengerusi Datuk Hussein Onn untuk membacakan perutusan dari Presiden Anwar Sadat kepada persidangan itu.

Antara lain Presiden Sadat mengalu-alukan sidang itu dan menyeru semua negara anggota supaya menyokong perjuangan rakyat Arab untuk mendapatkan semula hak mutlak mereka.



● Beberapa perwakilan, antara mereka — Perikatan Islam Sedunia, Kongres Islam Sedunia dan Iraq — menghadiri persidangan pagi semalam. — Gambar-gambar Berita Minggu.

PTR.KA: 942 80/79.

PPR: Kami sanjung tinggi 2 kejayaan Tun Razak

IPOH, Sabtu. — Dato Sri S.P. Seenivasagam memuji kebijaksanaan Tun Abdul Razak mencapai dua kejayaan cemerlang — pembentukan Front Nasional dan penubuhan hubungan diplomatik dengan China.

"Kedua-dua kejayaan ini ialah hasil kegigihan, berani dan pandangan luas Perdana Menteri yang kita sanjungi hari ini," jelas beliau di rapat raksasa Front Nasional di Padang Bandaran malam ini di sini.

Dato Sri Seenivasagam ialah Presiden Parti Frogresif Rakyat (PPR), salah satu anggota dalam Front Nasional.

Tun Razak, Menteri Besar Perak, Dato Sri Haji Kamaruddin Isa, dan pemimpin-pemimpin lain dalam Front Nasional turut sama dalam rapat raksasa tersebut.

Dato Sri Seenivasagam mensifatkan kedua-dua peristiwa ini sebagai tanda sejarah baik dari dalam negeri mahupun peringkat antarabangsa.

Ketegasan

Katanya: "Ketegasan Tun Razak dalam membentuk satu asas yang teguh bagi masa hadapan belum pernah lagi berlaku dalam sejarah Malaysia.

"PPR sejak awal-awal lagi mengalu-alukan langkah Tun Razak untuk mengadakan hubungan dengan China."

Beliau menganggapkan Tun Razak sebagai pemimpin besar negara yang bertindak segera apa difikirkannya baik dan demi kepentingan Malaysia dan perdamaian rantau ini.

Katanya: "Belum ada lagi negara di Asia Tenggara yang mengambil tindakan sebegitu jauh, dan tindakan ini saja meletakkan taraf beliau begitu tinggi sekali yang sukar ditandingi."

Pembentukan Front Nasional telah dijayakan dari usaha sabar dan persafahaman ke arah mencapai cita-cita dan aspirasi rakyat yang

■ Muka 14 Ruang 5

Berita Minggu, Ahad, 23 Jun, 1974

Sebab2 PPR sertai Barisan Nasional

★ DARI MUKA 1

ada pada diri Tun Razak.

Tegasnya, persetujuan PPR menyertai front ini kerana kepercayaan kita terhadap kejujuran dan tujuan-tujuan murninya.

"Negara muda lagi kaya ini boleh dijadikan syurga dunia jika kita sama-sama mengusahakannya tanpa mementingkan diri sendiri.

"Selain Front Nasional tidak ada cara lain lagi bagi Malaysia untuk terus 'servive' sebagai negara berbilang kaum."

Dato Sri Seenivasagam mengingatkan jika semua pihak bertindak berasingan negara ini pasti akan berpecah-belah dan menuju kepada kehancuran perbalahan semua kaum.

PTR.KA: 943 90/79.

Bantuan bagi petani2 kita

K. LUMPUR, Sabtu

TUN Abdul Razak hari ini mengumumkan dua tindakan besar Kerajaan untuk mempastikan pengeluaran bahan makanan yang cukup di samping melipatgandakan hasil tenaga 1.2 juta kaum tani di negara ini.

PERTAMA memberikan subsidi baja uria dengan perbelanjaan lebih $60 juta tiap-tiap tahun, bermula musim menanam akan datang.

KEDUA menambah modal pusingan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang merupakan payung kepada kaum tani.

Perdana Menteri mengumumkan demikian ketika merasmikan persidangan dua hari Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tun Razak berkata, Kerajaan memperhebatkan usaha untuk mengadakan sektor pertanian yang teguh yang akan memberi kekuatan dan menjadi akar tunjang kepada sektor perindustrian negara.

"Ini untuk mempastikan kejayaan cita-cita kita hendak mengubah struktor ekonomi daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian.

"Di samping itu selaras dengan dasar mempelbagaikan pengeluaran pertanian, mengeluarkan bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara terutama beras dan memodenkan sektor pertanian," katanya.

Menurut beliau, langkah jangka panjang yang positif ini akan membawa perubahan besar kepada kehidupan rakyat khasnya di kampung-kampung dalam usaha kita membina masyarakat Malaysia yang moden, dinamis dan berkebudayaan.

Beliau juga menyatakan pentingnya diperkuatkan Pertubuhan Peladang Kawasan dalam usaha mengukuhkan landasan pertanian ini kerana "kaum tani yang berjumlah 1.2 juta orang merupakan tulang belakang bangsa dan negara."

Bersetuju

Kerajaan, katanya, bersetuju mengadakan semula Rancangan Subsidi Baja Uria yang akan diedarkan menerusi Pertubuhan Peladang bermula musim menanam depan.

Katanya: "Kerajaan akan membelanjakan lebih $60 juta tiap-tiap tahun untuk rancangan subsidi ini dan saya berharap petani - petani akan melipatgandakan hasil pengeluaran serta mutu padi yang tinggi."

Beliau menerangkan bantuan subsidi itu juga untuk mengekalkan harga beras yang saksama kepada pengguna-pengguna.

"Dengan adanya subsidi ini petani-petani dan pengguna-pengguna akan dapat sama-sama menikmati harga padi dan harga beras yang berpatutan," jelasnya.

Peruntukan

Perdana Menteri berkata beliau telahpun mengarahkan Perbendaharaan supaya mengkaji kemungkinan menambah peruntukan LPP.

Ini untuk membolehkan lembaga tersebut meningkatkan usaha-usaha Pertubuhan Peladang Kawasan termasuk membiayai keperluan kakitangan dan modal pusingan yang lebih besar bagi aktiviti ekonomi mereka.

Tun Razak mengulang pentingnya pertubuhan-pertubuhan rakyat khasnya persatuan peladang dan syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian mengambil bahagian lebih luas dan berkesan dalam bidang pertanian moden.

Katanya: "LPP telah ditubuhkan untuk menyusun semula dan me-

■ Muka 14 Ruang 7



Tun Abdul Razak melambaikan tangan kepada para perwakilan setibanya merasmikan persidangan Majlis Perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan di Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar Berita Minggu.

Kaum tani akan di beri segala kemudahan-Tun

★ DARI MUKA 1

nyesuaikan peranan kedua institusi rakyat ini serta menggabungkannya di bawah satu pertubuhan saja.

"Lembaga ini, selain menyelaraskan kegiatan bertindih kedua-dua badan tersebut juga sedang melaksanakan konsep pembangunan kawasan supaya petani-peni disesuatu kawasan mendapat sepenuh munafaat daripada perkhidmatan Kerajaan."

Beliau bangga dalamasa singkat LPP berjaya mewujudkan 77 Pertubuhan Peladang Kawasan yang menggabungkan 51 persatuan peladang dengan 411 syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian.

LPP akan mewujudkan 92 lagi Pertubuhan Peladang Kawasan untuk mencapai matlamat yang dijadualkan 169 keseluruhannya di akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Tun Razak menyeru semua persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama berkenaan yang belum lagi bergabung supaya segera berbuat demikian.

Usaha

Perdana Menteri juga mengumumkan usaha Kerajaan sedang memulihkan kawasan-kawasan yang boleh ditanam dengan padi di Rompin dan Seberang Perak.

Kawasan seluas 300,000 ekar lagi di Johor Barat akan diusahakan untuk rancangan mempelbagaikan hasil tanaman yang dibiayai oleh Bank Dunia.

Beliau berkata, negara-negara sedang membangun seperti Malaysia perlu menekan usaha-usaha lebih pesat lagi luaran barang-barang makanan yang cukup.

"Inilah satu-satunya jalan bagi mengatasi inflasi yang sedang melanda dunia hari ini," katanya.

"Rakyat negara ini perlulah bekerja sama dengan Kerajaan dalam usaha meningkatkan pengeluaran barang-barang makanannya," tambah beliau.

Gembira

Beliau gembira dengan kemajuan Persatuan Peladang Kebangsaan yang turut bergiat dalam lapangan memperdagangkan hasil-hasil pertanian termasuk membekalkan benih, baja dan jentera pertanian serta barang-barang keperluan, seperti gula, tepung dan beras.

Kata Tun Razak, angka nilai perniagaan berjumlah $1.3 juta persatuan ini sangatlah menggalakkan dan beliau yakin akan dapat ditingkatkan lagi.

Beliau juga sukacita mendengar Persatuan Peladang Kebangsaan mengambil bahagian aktif dalam beberapa rancangan usaha bersama termasuk kilang baja, ternakan ayam itik, kilang kacang tanah dan kilang bahan kimia.

Beliau mensifatkan langkah tersebut sebagai bijak kerana "Persatuan Peladang" Kebangsaan juga sebagai pengedar bahan-bahan ini kepada petani-petani."

Beliau juga menyatakan tertarik hatinya dengan cara perusahaan pertanian "commune" di China ketika melawat negara itu baru-baru ini yang menitikberatkan usaha-usaha mengeluarkan barang makanan yang cukup dan memperbagaikan tanaman.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, Encik Ghafar Baba, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mohamad Rahmat, Menteri - menteri Besar dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Berita Harian 23 jun 74

PJR·KA: 944 91/79.

Lebih 10,000 mengalu2kan Tun di lapanganterbang Ipoh

IPOH, Sabtu. — Lebih 10,000, termasuk murid-murid sekolah, menyambut ketibaan Tun Abdul Razak di lapanganterbang petang ini.

Kedatangan Tun ke sini untuk berucap dalam rapat umum Barisan Nasional di Padang Bandaran malam ini.

Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Pembangunan Desa, Encik Ghaffar Baba; Menteri Tugas-tugas Khas, Encik Michael Chen dan Setiausaha Nasional, Encik Khalil Akashah.

Menteri Pertanian dan Perikanan, Tan Sri Haji Ghazali Jawi yang juga Ketua Barisan Nasional Perak, menyambut ketibaan Tun Razak dan rombongan.

Turut menyambut — Menteri Besar, Datuk Sri Haji Kamaruddin dan ketua-ketua parti yang bergabung dalam Barisan Nasional.

Tun Perdana Menteri kemudian diperkenalkan kepada pemimpin - pemimpin dan wakil parti-parti dalam Barisan Nasional.


Bendera-bendera dan spanduk-spanduk parti-parti yang bergabung, kecuali Perikatan dikibarkan sekeliling padang.

Tun Razak kemudian melepaskan 100 merpati dan 100 belon ke udara, sebelum diiring oleh 150 pemuda Barisan Nasional yang bermotosikal ke Rumah Tetamu Kerajaan.

PJR·IA: 946 93/79.

Peserta2 sidang Negara Islam kunjungi tempat menarik





● **ATAS: Timbalan Perdana Menteri Republik Arab Mesir, Dr. Abdel Aziz Kamel (ditengah) menyampaikan cenderamata kepada Tun Abdul Razak, pagi semalam.**

Dr. Abdel Aziz adalah antara kira-kira 20 orang ketua perwakilan negara-negara Islam yang mengunjungi Tun Razak, di Bilik Diraja, Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

☆

DISEBELAH: Mufti Wilayah Persekutuan, Haji Sheikh Mokhsein-Haji Salleh (kiri) melihat Kadi Besar Uganda, Sheikh Abdul Razak Ahmad menandatangani buku pelawat di Masjid Negara, Kuala Lumpur, semalam.

Di kanan sekali, Pengerusi Majlis Tertinggi Islam Uganda, Encik Ahmad Suleiman. — Gambar Berita Harian.

KUALA LUMPUR, Isnin. — Ketua-ketua perwakilan negara-negara peserta Sidang Kelima Menteri-menteri Luar negara-negara Islam hari ini sibuk tidak sahaja bermesyuarat tetapi juga mengadakan beberapa lawatan ke tempat-tempat menarik.

Pagi tadi mereka menemui Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di Bilik Diraja hotel Hilton dan menyampaikan cenderamata serta berbual-bual mesra.

Selepas itu mereka bersidang semula dan beberapa perwakilan pula mengadakan lawatan ke beberapa tempat.

Serombongan empat orang wakil Uganda melawat Masjid Negara dan berbincang dengan pegawai-pegawai masjid tersebut.

Pelawat-pelawat itu - Kadi Besar Uganda Sheikh Abdul Razak Ahmad; Pengerusi Majlis Tertinggi Islam Uganda Encik Ahmad Suleiman; Setiausaha majlis itu, Encik Mohammad M. Bala Aliwo dan Ketua Pegawai Ugama am Tentera Uganda Encik Khamis Safi.

Berita2 bergambar

Sambil itu isteri mereka pula mengadakan lawatan ke beberapa tempat dengan para pegawai Masjid Negara dan Mufti Wilayah Persekutuan, Sheikh Mohsein bin Haji Salleh, mengenai beberapa perkara termasuk pelajaran ugama.

Mereka kemudian menziarah pusara Allahyarham Tun Dr. Ismail di situ.

Malam tadi kesemua para perwakilan ke Sidang Islam itu menghadiri jamuan di Istana Alam Shah, Kelang, yang diberikan oleh Sultan dan Tengku Ampuan Selangor.

Malam ini pula mereka mengadakan majlis jamuan bersama di Hotel Hilton.

Mereka berbincang menarik termasuk Kampus ITM di Shah Alam dan Pesta Pembangunan 1974 di Stadium Negara.

Isteri-isteri mereka juga akan menghadiri perbincangan dan jamuan dengan pegawai-pegawai Lembaga Kebajikan Wanita Islam dan Pertiwi di Lembah Pantai.



PUAN Mati Njie, isteri Menteri Pertanian dan Sumber Alam Gambia, kagum dan bangga melihat bagaimana motif Afrikan memberi ilham kepada penuntut senireka Institiut Teknoloji MARA menghasilkan berbagai perhiasan seperti alas meja dan tudung lampu.



PENTERJEMAH Quran di Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan, Sheikh Abdullah Basmeh, berjabat tangan dengan Setiausaha Perwakilan Majlis Tertinggi Islam Uganda, Encik Mohammad M. Bagala Aliwo (kanan) di Masjid Negara, Kuala Lumpur, semalam.

PTR-KA: 847. 94/79.

Cenderamata dari Palestin untuk Razak

TUN Abdul Razak menerima cenderamata contoh Masjid Al Aqsa di Baitul Mukaddis di sampaikan oleh ketua perwakilan Pertubuhan Pembebasan Palestin atau PLO, Encik Farouk Al Koudoomy, ketika beliau mengunjungi Tun Razak, semalam.

Pada 21 Ogos, 1969, umat Islam di seluruh dunia terperanjat dan merasa amat marah kerana kerosakan masjid itu disebabkan satu kejadian kebakaran.

Sejak hari itulah, negara-negara Islam makin rapat dan hasilnya ialah Persidangan Negara-Negara Islam, sekarang.

Di kiri ialah wakil PLO di Kuala Lumpur Encik Abu Yaakub.

Selain Encik Koudoomy, Tun Razak juga dikunjungi oleh kira-kira 20 ketua perwakilan lain yang menghadiri Sidang Menteri-Menteri Luar Islam.

Mereka termasuklah ketua perwakilan dari Republik Arab Mesir, Somalia, Tunisia, Qatar, Bangladesh, Turki, Afghanistan, Guinea, Lebanon, Negara-Negara Teluk Parsi, Mali, Niger, Chad, Libya dan Arab Saudi.

Semuanya berbual-bual antara 10 dan 15 minit dengan Tun Razak sambil bertukar-tukar cenderamata.



PTR. KA: 948 95/79.

RABU, 26 JUN, 1974

Calun Ketua Pemuda—

Tun Razak tidak terlibat

TUN Abdul Razak selaku Presiden UMNO tidak terlibat samasekali dalam pencalunan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang akan memilih pemimpin-pemimpin mereka dalam Perhimpunan Agung pada 28 Jun ini di sini.

"Malah beliau telah mengarahkan Ibupejabat UMNO supaya bersikap berkecuali dalam pemilihan itu," Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Senu Abdul Rahman, memberitahu sidang akhbar hari ini.

K. LUMPUR, Selasa

Katanya: "Tun Razak marah betul kerana namanya telah digunakan dalam pencalunan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO itu; kerana beliau tidak tahu samasekali mengenainya."

Datuk Senu menambah, berikutan dengan perkara tersebut Ibupejabat UMNO telah pun mengeluarkan surat pekeliling kepada semua Bahagian menerangkan kedudukan sebenarnya.

Perkara mengenai Tun Razak terlibat dalam pemilihan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia ini difahamkan telah berlaku sejak lebih sebulan lalu. Disebabkannya banyak Bahagian-bahagian pergerakan itu di seluruh negeri berasa gelisah samada mahu mempercayainya atau tidak.

Ini kerana mereka tidak ada menerima sebarang arahan dari pihak tertentu samada secara lisan atau bertulis.

Datuk Senu sendiri dalam sidang akhbar itu tidak menafikan berlakunya perkara tersebut.

Malah beliau mensifatkan perkara itu dilakukan oleh segolongan orang yang bertujuan memecabelahkan perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu serta Dasar Ekonomi Baru yang sedang dilaksanakan.

"Tun Razak marah betul kerana mereka telah menggunakan nama beliau. Ini kerana beliau sendiri tidak tahu menahu mengenainya," kata Datuk Senu.

Terdahulu dari itu, Datuk Senu memberitahu bahawa segala persiapan menghadapi perhimpunan agung tiga hari UMNO telah selesai.

Katanya, Pergerakan Pemuda dan Wanita akan mengadakan perhimpunan mereka pada 28 Jun di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ia akan dirasmikan oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn.

Katanya, Datuk Hussein akan memeriksa barisan Pemuda dan Wanita UMNO sebelum merasmikan perhimpunan itu.

Tanding

Katanya, dua orang akan bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda tahun ini, begitu juga dengan jawatan Naib Ketua.

Beliau bagaimanapun tidak menerangkan siapa yang akan bertanding itu, tetapi Berita Harian difahamkan Ketua sekarang, Dato' Harun Haji Idris akan ditentang oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Abdul Samad Idris.

Manakala untuk jawatan Naib Ketua pula oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Ahli EXCO Negeri Selangor, Haji Suhaimi Dato Kamaruddin.

Untuk jawatan Ketua [illegible]erakan Wanita pula,

KA 12 ruang 4

48 akan tandingi jawatan EXCO Pemuda

★ DARI MUKA 1

Ketua sekarang, Hajjah Aishah Ghani tidak akan ditentang oleh sesiapa, tetapi Naib Ketua, Puan Marina Yusuf Berita Hariau difaham kan akan ditentang oleh Ahli Parlimen Batu Pahat Dalam, Datin Hajjah Fatimah Majid.

Datuk Seni juga memberitahu seramai 48 orang akan bertanding merebut 10 jawatan EXCO Pemuda. Manakala untuk Pergerakan Wanita pula 30 orang.

Sebanyak 212 usul telah diterima dari Bahagian-bahagian Pemuda, tetapi dari jumlah itu cuma dua sahaja akan dibahaskan, katanya.

Yang lain samada ditolak atau dirujukkan kepada pihak-pihak berkenaan.

Dua usul yang diterima untuk dibahas mengenai Tanah dan Perumahan serta Banking dan Institusi Kewangan.

Manakala Pergerakan Wanita juga akan membahaskan dua usul dari 62 usul yang diterima. Usul-usul itu mengenai penyamaan buku-buku teks dan pengawasan terhadap keuntungan penanam modal asing yang dihantar ke luar negeri.

Setiausaha Agung itu menjelaskan cuma satu sahaja usul dari Pemuda dan Wanita itu akan diterima untuk dibincangkan dalam Perhimpunan Agung UMNO esoknya.

Semuanya, enam usul termasuk empat dari Bahagian-bahagian UMNO akan dibahaskan dalam perhimpunan agung itu yang akan dirasmikan oleh Tun Razak pada 29 Jun di Hotel Hilton.

Perhimpunan dua hari itu akan juga membahaskan ucapan dasar Tun Razak selaku Presiden UMNO dan juga pindaan kepada perlembagaan UMNO.

Tambah beliau, seramai 900 perwakilan dari seluruh negeri akan hadir dalam perhimpunan itu.

Datuk Senu juga memberitahu bahawa cara pengundian calun-calun Pemuda dan Wanita berubah dari tahun lalu.

Kali ini pengundian dilakukan secara individu dan 10 kotak pembuangan undi akan diadakan untuk perhimpunan Pemuda dan Wanita.

Berita Harian
27 jun 1974.

PTR·KA: 950 97/74

Dua menteri Arab puji ucapan Tun Razak

KUALA LUMPUR, Rabu. — Menteri Luar Kuwait, Shaikh Sabah Al-sabah berkata hari ini, negaranya akan berusaha melantik segera seorang duta di Kuala Lumpur.

Ini bukan sahaja kerana Malaysia telah menubuhkan Pejabat Kedutaannya di Kuwait tetapi mengikatkan hubungan kerjasama dalam semua bidang, khasnya dagang dan kebudayaan dengan Malaysia.

Shaikh Sabah, yang juga menjadi Pemangku Menteri Penerangan, menyatakan demikian kepada para pemberita sebelum berlepas pulang setelah menghadiri Sidang Menteri-Menteri Luar Negara Islam di sini.

Kuwait, katanya, akan terus menyokong semua usaha mengembangkan syiar Islam.

Contoh

Selain dari sumbangan kepada berbagai tabung ekonomi, Kerajaan Kuwait telahpun menubuhkan sebuah tabung khas membantu negara-negara membangun dan mundur.

Sebanyak lebih $7,000 juta akan digunakan dalam berbagai kegiatan menolong negara-negara Islam membangun.

Shaikh Sabah berkata, kejayaan Sidang Menteri-Menteri Luar Islam itu kerana peranan Malaysia sebagai tuanrumah.

Katanya, ucapan pembukaan oleh Tun Abdul Razak merupakan garis panduan kepada kejayaan sidang lima hari itu.

Malaysia boleh dijadikan contoh kepada lain-lain negara Islam kerana kemajuannya yang pesat, kata Ketua Perwakilan Oman ke Sidang Kelima Menteri-Menteri Luar Islam, Encik Salim Ismail Suwaid, hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebelum berlepas ke Pulau Pinang untuk lawatan sengkat ke sana.

Mengenai hasil persidangan tersebut yang menyentuh soal kerjasama ekonomi dan teknik beliau berkata, Kerajaan Oman akan mengkaji dengan teliti supaya usaha tersebut dapat dijalankan seperti yang dikehendaki.

Beliau memuji persediaan yang dibuat untuk persidangan tersebut. Encik Salim juga memuji ucapan Perdana Menteri ketika merasmikan persidangan tersebut.

PTR·KA: 951 98/74

Kemaskan lagi jentera Umno: Tun

TUN Razak berkata UMNO mustahaklah memperkemaskan lagi jenteranya terutama setelah wujudnya Barisan Nasional.

"UMNO tetap menjadi tulang belakang Barisan Nasional. Sekiranya UMNO lemah, maka lemahlah Barisan Nasional," tegas Perdana Menteri.

Presiden UMNO itu menyentuh hal ini dalam kajiannya mengenai kedudukan politik negara menjelang Perhimpunan Agung UMNO yang ke 29 mulai Jumaat ini.

(Kandungan penuh kajian beliau disiarkan di muka 4).

Tun Razak berkata,

K. LUMPUR, Rabu

persiapan itu perlu bukan sahaja bagi menghadapi Pilihanraya akan datang, lebih-lebih lagi setelah wujudnya Barisan Nasional.

"Semua ahli dan pemimpin parti hendaklah bersiap sedia untuk menghadapi sebarang cabaran buat masa ini.

"Cabaran yang penting buat masa ini ialah Pilihanraya Umum akan datang.

Pilihanraya

"Saya belum dapat menentukan tarikh pilihanraya itu, namun eloklah jika kita dapat bergerak mulai dari sekarang untuk memperkemaskan lagi kedudukan parti kita.

"Keputusan pilihanraya akan datang akan menentukan pula perhubungan kita dan rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional," tegas Tun Razak.

Dalam laporan 32 muka (petikan dari penyata UMNO 1973/74), Tun Razak juga meyentuh mengenai masaalah ekonomi, sosial dan ugama serta perkara-perkara yang bersangkutan dengan kegiatan parti.

Antaranya Tun Razak menyentuh perkara-perkara berikut:


● Pembentukan Barisan Nasional tidak bermakna kelemahan UMNO atau kekurangan upayanya untuk menyelesaikan masaalah-masaalah yang dihadapi.

● Kerajaan memandang berat masaalah inflasi yang menjejaskan kehidupan rakyat berpendapatan rendah dan usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan lagi taraf hidup rakyat luar bandar.

PTR. KA: 953 100/79.

Berita Minggu, Ahad, 30 Jun, 1974

Tokoh2 UMNO gembira di Perhimpunan Agung



● Tun Razak begitu gembira dalam Perhimpunan Agung UMNO Malaysia pagi semalam yang disertai oleh Setiausaha Agung, Datuk Senu Abdul Rahman dan Bendahari Agung UMNO Malaysia Tengku Razaleigh Hamzah.

Sementara berdiri di belakang dari kiri Datuk Nik Hassan (Menteri Besar Trengganu), Encik Khir Johari (Duta Malaysia ke Amerika Syarikat) dan Datuk Samad Idris (Timbalan Menteri Dalam Negeri). — Gambar Berita Minggu.

PTR. KA: 954 101/79.

AHAD, 30 JUN, 1974

Kejayaan dalam berbagai bidang

TIADA siapapun yang dapat menyangkal kebenaran kata-kata Tun Abdul Razak pagi semalam mengenai kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia dalam bidang ekonomi, politik dan sosial pada semua peringkat.

Kecuali, barangkali, beberapa orang tokoh pembangkang yang seperti biasa senghaja mencari salah Kerajaan, membesarkan kesilapan yang sedikit dan memperkecil hasil-hasil besar yang dicapai.

Sebaliknya kalangan perusahaan tentulah mengetahui bahawa dengan usaha-usaha Kerajaan, pengeluaran dan harga getah dan kelapa sawit telah bertambah tinggi. Begitu juga halnya dalam membalak.

Walaupun inflasi telah menimpa negara kita, sebagaimana ia telah menimpa negara-negara lain terlebih dahulu, tetapi haruslah diakui bahawa kesannya tidak begitu berat, sungguhpun ada juga pihak-pihak tertentu yang benar-benar merasa sakit dari tekanannya. Tetapi perkara seperti ini berlaku di mana-mana juga.

Sementara itu Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah untuk meringankan beban inflasi dengan mengadakan peraturan bantuan buku teks, bantuan harga barang-barang keperluan, mengecualikan cukai dari baja urea dan menolong menahan kenaikan harganya secara keterlaluan.

Menurut Perdana Menteri, bantuan-bantuan Kerajaan ini memakan belanja kira-kira $500 juta setahun. Wang ini adalah wang rakyat dan sudah sepatutnya digunakan bagi meringankan beban rakyat dalam menghadapi inflasi.

Dan kerana inflasi telah datang dan akan ada di antara kita beberapa lama lagi, maka tidaklah ada lain jalan melainkan bagi kita cuba menyesuaikan diri kita dan kehidupan kita dengannya.

Dalam bidang politik dan hubungan antarabangsa, tidaklah ragu-ragu lagi bahawa imej Malaysia di luar negeri tidaklah pernah lebih tinggi daripada masa ini. Menurut Tun Razak, kita telah sampai ke kemuncak kejayaan yang kita boleh berbangga mengenai hubungan kita dengan dunia luar.

Baharu sahaja lepas kejayaan Malaysia mengadakan hubungan diplomat dengan Repablik Rakyat China, maka kita telah dapat mengadakan sidang Menteri-menteri Luar Islam dengan cukup teratur dan kemas di Kuala Lumpur.

Dalam bidang politik dalam negeri, parti-parti dalam Perikatan telah mencapai kejayaan besar dapat membentuk sebuah barisan kebangsaan yang bertujuan menyatukan semua kaum dalam negeri ini.

Pembentukan Barisan Nasional tersebut tidak berarti, negara ini cuba mengamalkan dasar satu parti politik sahaja kerana parti-parti yang ada boleh memilih samaada hendak menyertainya ataupun tidak. Tun Razak telah menjelaskan dasar perjuangan barisan tersebut sebagai berikut:

"Membentuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang kuat, bersatupadu dan harmonis, berusaha mencapai kemajuan kebendaan dan rohaniah, mendukung prinsip-prinsip Rukunegara untuk mengujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama untuk seluruh rakyat."

Tentulah sukar bagi sesiapa juga hendak menegur matalamat itu tetapi parti-parti lain adalah bebas mencari matalamat yang lebih baik dan menarik menurut pendapat masing-masing.

BERITA HARIAN, RABU, 3 JULAI, 1974

PTR. NO: 956 103/74.

Tun Razak akan berucap di sidang perwakilan MIC

KUALA LUMPUR, Selasa. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak akan berucap di hari kedua Persidangan Perwakilan Tahunan MIC pada 7 Julai di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Lebih 900 wakil dari kira-kira 400 cawangan MIC di Semenanjung Malaysia akan menghadiri persidangan dua hari itu yang akan dirasmikan oleh Presiden MIC, Tan Sri V. Manickavasagam pada 6 Julai.

Tan Sri Manickvasagam, yang juga Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu Bernama hari ini bahawa persidangan tersebut akan membincangkan masaalah-masaalah ekonomi, pelajaran dan sosial yang dihadapi oleh masyarakat India.

Rumusan

Ia juga akan membincangkan laporan hasil rumusan Seminar Ekonomi MIC yang dilangsungkan di sini baru-baru ini.

Persidangan juga akan membahaskan ucapan dasar presiden dan beberapa usul mengenai pelajaran, pengangguran dan masaalah-masaalah sosial yang lain.


Adalah dijangka Tan Sri Manickavasagam akan mengumumkan rancangan pembangunan parti untuk tempoh 20 tahun yang sejajar dengan dasar ekonomi baru bagi masyarakat India di negara ini.

Pemimpin - pemimpin parti juga dijangka akan menggariskan konsep Barisan Nasional kepada para wakil memandangkan hampirnya pilihanraya.

Tidak ada pemilihan pegawai-pegawai parti tahun ini oleh kerana perlembagaan parti yang dipinda tahun lalu menetapkan pemilihan dua tahun sekali.

BERITA HARIAN, SABTU, 6 JULAI, 1974

PTR. KD: 957 604/73



Tun Tan: Bank2 kita luaskan aktiviti

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Tan Siew Sin mengesyorkan bank-bank perdagangan Malaysia meluaskan aktiviti - aktivitinya ke peringkat antarabangsa bagi memberi sumbangan lebih besar kepada pembangunan negara.

Katanya, bank-bank perdagangan boleh memberi kemudahan pinjaman kepada pertubuhan-pertubuhan seperti Perbadanan Kewangan Antarabangsa dan Persatuan Pembangunan Antarabangsa yang menjadi badan bersekutu dengan Bank Dunia.

Tun Tan percaya langkah seperti ini harus dapat dilakukan memandangkan kedudukan matawang Malaysia telah mencapai taraf internasional.

Di samping itu pula, jumlah wang simpanan luar Malaysia bukan saja besar, bertambah banyak dan stabil.

"Memandangkan kedudukan sekarang, saya tidak fikir sebab-sebab kita tidak membenarkan Bank Dunia mendapatkan pinjaman dari bank-bank perdagangan di negara ini," katanya.

Bekas Menteri Kewangan ini berkata demikian dalam satu majlis jamuan makan malam yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia di sini malam tadi.

Turut hadir ialah Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan isterinya, Toh Puan Rahah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan isterinya; Gabnor Bank Negara, Tan Sri Ismail Mohamad Ali dan lain-lain pegawai kanan Perbendaharaan.

● Perdana Menteri, Tun Razak, Tun Tan Siew Sin dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail Ali dalam majlis jamuan yang diadakan oleh Bank Negara untuk Tun Tan di Kuala Lumpur kelmarin. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, SABTU, 6 JULAI, 1974

PTR. KA: 958 105/74.

Istiadat meriah selamat berangkat Seri Paduka

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Abdul Razak akan mengetuai pembesar-pembesar negara mengucapkan "selamat berangkat" kepada Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung yang akan berangkat dari Lapangan Terbang Antarabangsa esok untuk mengadakan lawatan rasmi ke Britain.

Baginda yang juga akan mengadakan lawatan tidak rasmi ke Sepanyol dan Switzerland akan pulang pada 27 Julai.

Yang Dipertuan Agung kemudian akan memeriksa barisan kehormatan 110 orang pegawai dan anggota Batalion Keempat Askar Melayu Diraja.

Doa selamat akan dibacakan sebelum Seri Paduka berdua menaiki kapalterbang khas Diraja. Sebaik saja Seri Paduka menaiki kapalterbang tembakan meriam 21 das akan dilepaskan.

Akan tiba

Seri Paduka akan diiringi oleh 22 orang pegawai rasmi dan tidak rasmi dengan Menteri Pengiring, Tan Sri Sardon Jubir dan isterinya, Puan Sri Saadiah.

Timbalan Yang Dipertuan Agung, Sultan Kelantan akan tiba di sini dari Kota Bharu esok untuk memangku jawatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung.

Sebaik tiba Baginda akan menandatangani surat perisytiharan melaksanakan tugas-tugas Yang Dipertuan Agung di Istana Negara.

Sementara itu, Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung akan mempunyai rancangan yang sibuk melawat beberapa tempat termasuk Kolej Oxford tempat Seri Paduka menuntut dahulu.

Rombongan diraja itu dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Gatwick, kira-kira 25 batu dari London pukul 11.20 waktu tempatan.

Antara yang menunggu ketibaan rombongan diraja itu ialah Puteri Margaret, adik Ratu Elizabeth.

Sambutan di lapangan-anterbang itu ringkas kerana pelawat-pelawat diraja akan berangkat dengan keretapi ke stesyen Victoria iaitu tempat Baginda Queen dan Duke of Edinburgh menunggu

Sambutan meriah untuk Seri Paduka

★ DARI MUKA 1

untuk mengalu-alukan Baginda berdua dengan penuh istiadat.

Setelah memeriksa pasukan penghormatan Yang Dipertuan Agung akan berangkat menaiki kereta kuda bersama Baginda Queen menuju ke Buckingham sementara Raja Permaisuri Agung bersama Putera Philip.

Setelah santapan tengahari Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung akan berangkat ke Westminster Abbey untuk meletakkan karangan bunga di Tugu Peringatan.

Mereka juga akan bertemu dengan Datuk Bandar London dan bonda Ratu Elizabeth sebelah petang sebelum menghadiri jamuan negara yang diberi oleh Baginda Queen dan Duke of Edinburgh.

Pada hari kedua, pelawat-pelawat diraja akan mengikuti rancangan lawatan berasingan disebelah pagi sebelum menghadiri jamuan makan tengahari sebagai tetamu Kerajaan British di Lancaster House.

Pada hari Khamis, Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung akan melawat Oxford. Seri Paduka akan dianugerahkan dengan Fellow of Wadham College di sini.

Berita Harian 8Julai 74.

PTR. KA: 959 106/74.

Lawatan saya ke Sweden, Perancis mencapai kejayaan besar: Tun

KUALA LUMPUR, Isnin.—Tun Abdul Razak memberitahu Dewan Rakyat petang ini lawatannya ke Sweden dan Perancis baru-baru ini telah mencapai kejayaan besar dalam bidang kerjasama ekonomi antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

Antara kejayaan-kejayaan yang dicapai, kata Tun Razak, ialah:

- Menandatangani dua perjanjian mengenai pengelakan cukai dua kali dan perjanjian jaminan pelaburan.
- Tawaran pinjaman mudah dari Perancis antara $100 hingga $150 juta matawang France untuk projek tertentu yang dipersetujui.
- "Grant" secara terus sebanyak 1 juta France untuk kajian permulaan terhadap Lapanganterbang Kuantan.

Perdana Menteri menyatakan ini ketika menjawab soalan yang dikekakan oleh Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar) yang ingin tahu hasil lawatan beliau ke Sweden dan Perancis baru-baru ini..

Tun Razak memberitahu bahawa beliau juga telah mencapai persetujuan dengan Perancis untuk mengkaji perkara-perkara seperti berikut:

- Pengambilan bahagian Perancis di dalam memodenkan Keretapi Tanah Melayu.
- Kemungkinan mengadakan perusahaan bersama dalam mengeluarkan dan mengekspot tayer-tayer Michelin dari Malaysia.

PTR. DA: 962 109/74.

Segala2 siap sambut Tun di NS

SEREMBAN, Selasa. — Segala-galanya telah siap untuk menyambut Tun Razak menghadhiri rapat raksaksa Barisan Nasional di padang Kelab Negeri Sembilan di sini jam 7.30 malam esok.

Perdana Menteri akan disambut dengan meriah olih angguta parti Barisan Nasional di peringkat negeri manakala sampai di sempadan Negeri Sembilan-Selangor di Beranang.

Tun Razak juga diberi sambutan meriah dengan pertunjukan tarian-tarian kebangsaan dan tarian Singa oleh kaum Cina manakala sampai di Seremban sebelum menghadhiri rapat raksaksa tersebut.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato Mansoor Osman sebagai pengurusi dan penyelaras Barisan Nasional peringkat negeri, akan memberi jamuan kecil kepada Perdana Menteri di tempat kediamannya di Taman Bunga.

Kira-kira 50,000 hingga 60,000 orang dijangka akan menghadhiri rapat raksaksa tersebut.

Inilah kali pertama simbol Barisan Nasional yang berbentuk Neraca berwarna emas dan berlatarbelakangkan warna biru akan diperkeramai di sini.

PTR. CA: 963 110/74

Tun akan rasmikan Sidang Agung Pesaka

KUCHING, Selasa. — Tun Abdul Razak akan merasmikan perhimpunan agung yang pertama Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB) Sarawak di Dewan Tun Abdul Razak di sini Sabtu ini.

Lebih 1,000 orang wakil dan pemerhati dari seluruh negeri ini akan menghadiri perhimpunan dua hari itu.

Perdana Menteri dijangka tiba di sini Sabtu ini juga untuk berucap di rapat umum Barisan Nasional di Padang Besar di sini.

Sember-sumber menyatakan hari ini, perhimpunan agung PBB itu antara lain akan membincangkan kedudukan Perikatan Sarawak kerana sekarang hanya PBB saja menjadi anggotanya. Sebuah lagi anggota, persatuan China Sarawak (SCA) telahpun dibubarkan.

PBB ialah gabungan dua parti iaitu Parti Pesaka Anak Sarawak dan Parti Bumiputera.

Sumber-sumber menambah, perhimpunan itu juga akan membincangkan persiapan bagi pilihanraya akan datang. PBB memegang 23 dari 48 kerusi dalam majlis negeri.

PBB dan rakannya dalam Kerajaan Campuran Sarawak, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) akan bertanding dibawah lambang Barisan Nasional, dalam pilihanraya akan datang.

Presiden PHB, Tan Sri Temenggong Jugah yang membayangkan kemungkinannya tidak akan bertanding dalam pilihanraya akan datang, juga dipercayai akan mengundurkan diri sebagai Ketua PBB untuk memberi peluang kepada "orang muda."

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Haji Abdul Rahman Yakob ialah Setiausaha Agung Parti sementara Menteri Perusahaan Utama, Datuk Haji Abdul Talib Mahmud, Timbalan Presiden.

Tan Sri Jugah yang juga Menteri Persekutuan Bagi Hal Ehwal Sarawak sekarang berusia 71 tahun dan telah berkecimpong dalam arena politik di Sarawak selama lebih 30 tahun. — Bernama.

RABU, 17 JULAI, 1974 —

PTR·KA: 964 111/75.

Tun seru syarikat2 peminjam sertai usaha2 kerajaan

KUALA LUMPUR, Selasa.


TUN Abdul Razak berkata malam ini, syarikat-syarikat peminjam tidak patut membantu syarikat-syarikat yang besar dan kukuh sahaja, tetapi hendaklah turut serta dalam usaha-usaha bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Katanya, syarikat-syarikat peminjam ini hendaklah mengubahsuaikan kegiatan tradisi mereka itu.

Kata Tun Razak, mereka hendaklah bersedia menyalurkan pinjaman jangka panjang atau pertengahan untuk usaha-usaha yang produktif, khasnya syarikat-syarikat kecil dan membangun.

Perdana Menteri menyebut demikian ketika berucap dalam majlis makan-malam Persatuan Syarikat - Syarikat Peminjam di Hotel Hilton, di sini.

Tun Razak berkata, sektor pekilangan dan pertanian perlu dimajukan dengan lebih pesat lagi, dan dalam hal ini syarikat peminjam boleh memainkan peranan penting.



TUN RAZAK

Dimaju

"Walaupun banyak kemajuan ke arah ini sudah dicapai, saya fikir peluang-peluang yang ada masih banyak bagi syarikat peminjam menyalurkan bantuan modalnya."

Tun Razak menggesa syarikat-syarikat peminjam supaya berusaha sedaya upaya untuk memenuhi cabaran ini, kerana mereka adalah sumber - sumber kewangan yang kedua besarnya.

Beliau mengulangi, usaha-usana untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru itu tak seharusnya diserahkan bulat-bulat kepada Kerajaan sahaja.

"Semua pihak kenalah memainkan peranan masing-masing," katanya lagi.

Matlamat

Tun Razak berkata, beliau gembira syarikat-syarikat peminjam sudahpun berusaha memberikan pinjaman kepada Bumiputera dan juga melatih kakitangan Bumiputera.

"Saya juga gembira kerana persatuan syarikat-syarikat peminjam ini sendiri masih kurang puashati terhadap usaha-usaha membantu Bumiputera ini.

BERITA HARIAN, RABU, 17 JULAI, 1974

PTR·KA: 965 112/75.

Tun akan hadir jamuan tahunan

KUALA LUMPUR, Selasa. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Timbalannya, Datuk Hussein Onn, akan menghadiri Jamuan Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di Hotel Hilton pada 26 Julai ini.

Berita Harian 26 julai 74.

PTR·KA: 966 113/79.



● TUN Abdul Razak (tiga dari kiri) dan Toh Puan Rahah (di kanannya) mengiringi Timbalan Yang Dipertuan Agung, Sultan Kelantan dan Raja Perempuan Kelantan ke kapalterbang yang membawa Baginda berdua ke Kelantan dari Pangkalan Terbang TUDM, Kuala Lumpur, pagi semalam. — Gambar Berita Harian.

TIMBALAN YANG DIPERTUAN AGUNG BERANGKAT PULANG

KUALA LUMPUR, Khamis. —. Timbalan Yang Dipertuan Agung, Sultan Kelantan, berangkat balik ke Kelantan hari ini bersama Raja Perempuan Kelantan, setelah menjalankan tugas-tugas Yang Dipertuan Agung di Istana Negara di sini, sejak 6 Julai lalu.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak serta Toh Puan Rahah mengiringi Baginda berdua ke kapalterbang "Merpati" di Pengkalan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di sini.

Baginda berdua juga diiringi dengan payung diraja warna kuning hingga ke tangga kapalterbang.

Turut hadir mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda berdua di pengkalan itu, menteri-menteri kabinet, termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Menteri Perpaduan Rakyat, Tun V. T. Sambanthan, Ketua Hakim Negara, Tan Sri Suffian dan Peguam Negara, Tan Sri Kadir Yusof.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 26 JULAI, 1974

Berita Harian
1 ogos 1974.

PTR. 40: 967 44/75.

Tun Razak akan diberi sambutan meriah

PARIT SULONG, Khamis. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, selaku penaung Gerakan Belia 4B Malaysia, akan diberi sambutan paling meriah bila beliau sampai di bandar Johor Baharu, untuk merasmikan sidang tahunan ke 7 gerakan itu pada 29 Julai ini.

Ketibaan Tun Razak dilapanganterbang Senai, kira-kira jam 9 pagi hari itu akan disambut oleh Menteri Besar Johor, Datuk Haji Othman bin Saat dan pemimpin-pemimpin gerakan itu.

Dari lapangan terbang, Senai, Tun akan diiringi oleh beberapa puluh kereta dan motorsikal hingga ke bandar Johor Baharu kira-kira 12 batu.

Sebaik Tun dan rombongan sampai di Jalan Ibrahim di simpang menghala ke Dewan Jublee Intan, Tun Razak akan disambut oleh Persiden 4B Malaysia, Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin dan Datuk Muhamad Rahmat, selaku Yang Di Pertua 4B Johor.

Diarak

Tun akan ditaburi beras kunyit oleh 40 orang beliawanis 4B dari daerah Batu Pahat dan Johor Baharu.

Serentak dengan itu juga pasukan pencak silat anggota-anggota 4B yang terdiri dari pasukan pencak silat 4B, Cawangan Sri Medan, Batu Pahat akan mempersembahkan pertunjukannya.

Tun Razak kemudiannya, akan diarak dengan kompang menuju ke Dewan Jublee untuk merasmikan sidang tersebut.

Selepas berucap dan merasmikan sidang, itu Tun juga akan dipersembahkan dengan pertunjukan pengantin di dewan tersebut satu tradisional orang-orang Melayu dan seterusnya merasmikan pesta kerja tangan Beliawanis 4B Malaysia yang terletak berhampiran dewan itu.

Sidang

Gerakan 4B, Johor, yang menjadi tuanrumah untuk persidangan itu, setakat ini sedang rancak menyiapkan persiapan-persiapan yang di tentukan.

Adalah di fahamkan, lebih kurang 1,000 para wakil dan pemerhati akan hadir dalam persidangan tersebut.

Bersempena dengan persidangan itu berbagai acara dan pertunjukan akan diadakan yang pada keseluruhannya akan dilangsungkan selama tiga hari.

Di antara peraduan-peraduan yang akan di jalankan ialah: pertandingan pencak silat, Ratu Belia 4B Malaysia, pertandingan membaca Quran dan tidak ketinggalan mengadakan Malam 4B.

PTR. 40: 968 115/75.



Toh Puan Rahah menyematkan pingat pandu

TOH Puan Rahah selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri semalam merasmikan mesyuarat agung persatuan tersebut di ibupejabatnya di Lembah Pantai, Kuala Lumpur, semalam.


Beliau juga telah menyampaikan sijil kepada dua orang pemimpin persatuan itu.

● Toh Puan Rahah sedang menyematkan pingat di baju Setiausaha Kelengkapan persatuan itu, Cik Celine Leo. — Gambar Berita Harian.

Berita Harian
15 ogos 74.

PTR. KA: 871 / 18/74.

TUN RAZAK TINJAU JENTERA P-RAYA



DISAMPING menghadiri beberapa rapat umum, Tun Razak telah meninjau berjalanan jentera pilihanraya Barisan Nasional dalam lawatan beliau ke Perlis dan Kedah sejak Isnin kelmarin.

Dalam lawatan itu, selain menemui ahli-ahli dan para penyokong Barisan Nasional, Tun Razak juga mengadakan rundingan singkat dengan pemimpin-pemimpin tempatan dan negeri Barisan Nasional.

☆

● Tun Razak berbincang sesuatu dengan Menteri Besar Kedah, Dato Sri Syed Ahmad Shahabuddin dan pemimpin-pemimpin tempatan Barisan di Kuala Sungei Baru Isnin lalu. — Gambar Berita Harian.

PTR ks: 872 119/73.

Jangan marah nyamok kelambu dibakar —Tun

16. 8 73 74.

TAIPING, Khamis. — Tun Abdul Razak hari ini menasihatkan anggota-anggota Barisan Nasional yang tidak berjaya menjadi calun supaya jangan "merajok" tapi sebaliknya merebut lain-lain peluang yang banyak terbuka luas.

Katanya: "Banyak peluang-peluang terbuka untuk mereka terutama di bidang perniagaan.

"Tanpa menjadi calun pun mereka berpeluang menjadi seorang yang ternama.

"Peluang-peluang kerja dengan gaji yang lebih besar dari menjadi wakil rakyat pun banyak sekarang ini."

Perdana Menteri telah mengadakan pertemuan dari hati ke hati dengan penduduk-penduduk Changkat Jering, lapan batu dari sini pagi ini.

"Katanya: "Apalah guna merajok dan mungkin sudah takdir mereka belum lagi berpeluang menjadi wakil rakyat.

"Kalau Tuhan belum mahu memberi peluang kepada seseorang menjadi wakil rakyat, cucuk di sana cucuk di sini pun tak ada guna."

Menyesali

Tun Razak seterusnya menyesali sikap anggota-anggota yang merajok kerana tindakan mereka boleh menyebabkan pecah-belah dalam parti.

"Janganlah marahkan nyamok bakar kelambu," katanya.

Tun Razak seterusnya mengingatkan jika mereka memikirkan dengan menjadi calun akan membolehkan meraka bertindak untuk kepentingan sendiri "mereka membuat perhitongan yang salah."

"Wakil-wakil rakyat yang berbuat demikian akhirnya akan ditendang keluar dari parti," tegasnya.

Berucap dalam rapat umum Barisan Nasional di Padang Bandaran di sini malam tadi, Perdana Menteri mengulangi kata-duanya kepada DAP supaya berhenti menggunakan issue-issue sensitif dan perkauman bagi maksud pilihan raya mereka atau menghadapi tindakan.

Petang ini Tun Razak telah menemui penduduk-penduduk Sungai Siput dan seperti biasa mengetuai kempen untuk Barisan Nasional.

Berita Harian
16 ogos 74.

JUMAAT, 16 OGOS, 1974 –

PTR ks: 873 120/73.

Tun, tokoh2 Barisan akan berucap di Machang

MACHANG, Khamis. — Tun Abdul Razak dan dua orang pemimpin Barisan Nasional yang lain, Datuk Haji Asri bin Muda dan Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah, akan berucap di satu rapat umum di padang Lembaga Bandaran di sini Isnin depan.

Turut sama berucap ialah empat orang calun Barisan Nasional di kawasan ini termasuk calun Parlimen kawasan Machang, Datuk Abdullah bin Ahmad, yang juga Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri.


Tun Razak akan memperkenalkan Datuk Abdullah secara lebih dekat lagi kepada para pengundi.

Datuk Haji Asri pula akan berbuat demikian bagi Setiausaha Politiknya, Wan Ismail bin Ibrahim yang bertanding sebagai calun Barisan Nasional di kawasan Sungai Rasau.

Dua orang lagi calun Barisan Nasional yang akan berucap ialah Encik Abdullah bin Haji Mohamad (Pulau Cundung) dan Encik Ibrahim bin Muhamad (Bandar Machang).

BERITA HARIAN, JUMAAT, 16 OGOS, 1974

PTR. KA: 874 121/79.



PTR. KA: 875 122/79.

'Calun Pekemas Hilir Perak tiada pedoman'

—TUN

PARIT BUNTAR, Khamis. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengingatkan orangramai supaya jangan mengundi adik beradik dan sahabat, tetapi mengundi dengan tujuan kepentingan negara dan rakyat.

"Adik beradik dan sahabat yang menjadi calun Bebas dan parti-parti lawan melakukan kesalahan, mereka tidak boleh disokong, tetapi undilah calun Barisan Nasional kerana dapat menjamin kepentingan negara dan rakyat," katanya.

"Orang-orang PAS dan parti lain menjadi calun Bebas tidak akan diberi pertolongan apa - apa selepas pilihan raya ini," kata Tun lagi.

"Mereka itu telah dipecat dari parti dan mereka tidak akan diterima masuk Barisan Nasional kalau mereka menang sekalipun," jelas Tun.

Tun Razak telah berucap kepada pekerja-pekerja pilihanraya Barisan Nasional di Dewan Merdeka di sini petang semalam.

Tun Razak menuduh calun Pekemas di Hilir Perak, Encik Ahmad Boestamam orang yang tidak berpedoman dan terumbang-ambing ke sana kemari.

Tun Razak memberi amaran kepada calun-calun lawan Barisan Nasional supaya jangan menggunakan issue yang boleh memecah-belahkan rakyat.

"Kalau ini diteruskan, saya akan mengambil tindakan tegas," kata Tun Razak.

Tun Razak berucap kepada penyokong Barisan

TUN ABDUL Razak berucap kepada penyokong - penyokong Barisan Nasional di Dewan Hokkien, Taiping, Perak.

Sehari dua lagi beliau akan ke Melaka dan Negeri Sembilan dan kemudian ke Kelantan dan Trengganu dan pada hari mengundi 24 Ogos di Pahang.

Di mana - mana beliau pergi, Tun Razak disambut meriah oleh penduduk berbagai kaum. — Gambar Berita Harian.

Tun: Tindakan akan diambil atas wakil2 rakyat yg cuai

KUANTAN, Khamis. — Tun Abdul Razak memberi jaminan calun-calun Barisan Nasional yang berjaya dalam pilihanraya ini akan berkhidmat dengan sepenuh tenaga tanpa mementingkan diri.

Beliau memberitahu lebih 10,000 orang di rapat umum Barisan Nasional di Padang Bandaran di sini semalam bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap wakil-wakil rakyat yang cuai menjalankan tugas setelah terpilih.

"Saya sendiri akan mempastikan bahawa mereka mendekati rakyat supaya orang ramai senang mengadu hal," tambah beliau.

Tun Razak berkata beliau tidak mahu wakil-wakil rakyat dari Barisan Nasional mementingkan diri sendiri sahaja serta mengabaikan nasib rakyat.

Menurutnya, mereka yang bersikap demikian tidak akan kekal memegang jawatan ataupun menjadi ahli parti.

Sebaliknya mereka akan dikeji dan dicaci oleh rakyat jelata serta menghadapi tindakan disiplin.

Peluang

Perdana Menteri menyeru rakyat memberikan Kerajaan yang ada sekarang peluang untuk meneruskan usaha-usaha pembangunannya.

Menurut beliau, sungguhpun banyak kejayaan yang telah dicapai sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tiga tahun setengah lalu, masih banyak lagi projek-projek yang harus dijalankan bagi meninggikan taraf hidup dan pendapatan rakyat.

Beliau menambah sejak tertubuhnya Kerajaan campuran beberapa buah negeri yang dulunya tertinggal di semua bidang telahpun mencapai kejayaan yang besar di segi ekonomi serta perusahaan dan perindastrian.

Rakyat di negeri-negeri ini termasuk Kelantan dan Trengganu sekarang menikmati faedah yang besar dari pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Pelabuhan

Katanya, PSRM dah tenat dan cuba hendak menjual rakyat Trengganu.

Terdahulu dari itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Haji Abdul Aziz Ahmad memberitahu, kira-kira 10,000 pekerjaan akan dapat diadakan bila projek pelabuhan di Tanjung Gelang dekat sini siap kelak.

Berita Harian
23 ogos 74
PTR. KA : 978 125/79.

Amaran Tun kepada ahli2 'belot'

PEKAN, Khamis. — Tun Razak hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan "belot kepada parti dan mempastikan bahawa tidak ada yang menyokong calun-calun bebas dalam pilihanraya Sabtu ini."

"Saya dah jemu dengan sikap dan tindakan ahli-ahli parti yang menyeleweng dan mereka mesti ingat bahawa saya tidak akan menolong mereka kalau kalah bertanding kelak," tegasnya.

Perdana Menteri berkata sebagai ahli parti, mereka mesti patuh kepada keputusan parti dan berdiri teguh untuk mempertahankan kedudukannya.

Tun Razak memberi amaran ini dalam pertemuannya dengan penyokong dan pekerja-pekerja Barisan Nasional di Rumah UMNO di sini pagi ini.

Menurutnya, ahli-ahli UMNO terutama orang-orang Melayu sendiri mesti memikirkan perpaduan mereka khususnya dalam pilihanraya ini.

Tercapai

"Saya sudah bertahun-tahun berusaha untuk menyatupadukan orang-orang Melayu dan sekarang usaha saya itu sudahpun tercapai menerusi Kerajaan Campuran UMNO-PAS dan Barisan Nasional sekarang.

"Apa nak jadi kalau kita sama kita bercakar terus kerana kekuatan kita sekarang terletak kepada politik semata-mata.

Ingatlah, inilah saja kekuatan yang ada pada kita dan untuk mengekalkan kekuatan itu, kita mesti berdiri teguh dan patuh kepada keputusan parti," tegas beliau.

Beliau mengulangi lagi pilihanraya bukan masaalah kawan atau saudara tetapi masaalah bangsa dan negara.

"Kita tidak boleh memandang atau memilih seseorang calun yang bertanding itu kerana saudara atau kawan kita, tetapi apa yang perlu kita pilih ialah parti yang diwakili, bukan peribadinya.

"Seseorang calun yang bertanding itu bukan mewakili dirinya sendiri, tetapi mewakili parti yang juga bukan hak pusakanya.

"Kalau kita memilihnya bererti kita memilih parti yang diwakilinya, bukan peribadinya.

"Inilah hakikat yang harus menjadi pedoman bagi tiap-tiap seorang rakyat dalam pilihanraya ini," kata beliau.

Tun Razak meminta ahli-ahli parti dalam Barisan Nasional, terutama UMNO supaya mempastikan bahawa tidak ada antara ahlinya yang menyokong calun bebas.

Menurut beliau, UMNO juga tidak mahu ahli-ahli yang berdiri atas pagar — di depan menyokong tetapi bila di belakang, mereka menentang.

★ Muka 12 Ruang 5

Pertama undi

★ DARI MUKA 1

"Kita jangan kira dia kawan atau saudara kita tetapi pilihlah orang yang mewakili parti untuk mewakili kita.

"Saya ingin menjelaskan ini kerana tiap seorang calun bebas kalaupun berjaya, mereka tidak akan dapat atau mat secara langsung kemampu untuk berkhidpada rakyat yang diwakilinya.

"Saya kata demikian kerana calun-calun bebas tidak mempunyai matlamat dan sandaran untuk memberi khidmat yang baik," kata beliau.

Sementara itu Tun Abdul Razak dan isterinya, Toh Puan Hajjah Rahah akan menjadi orang pertama mengundi dalam kawasan Negeri Bandar Pekan Sabtu ini.

Tun Razak dan Toh Puan Rahah akan mengundi di pusat mengundi Rumah Perhentian Orang Besar Pekan Lama kira-kira jam lapan pagi.

Berita Harian
23 ogos 74.

PPR.UA:979 026/74

HUSSEIN INGATKAN PEKERJA2 BARISAN:

Kekuatan parti lawan jangan diperkecilkan

BATU GAJAH, Khamis

PEKERJA dan penyokong Barisan Nasional hari ini diingatkan jangan memperkecilkan kekuatan parti lawan tetapi hendaklah berusaha lebih keras untuk menentukan kejayaan cemerlang Barisan.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn berkata, tiap-tiap satu undi perlu diambil berat.

Katanya, peluang mencapai kemenangan adalah lebih besar jika setiap ahli Barisan Nasional bekerjasama untuk menolong menjayakan calun-calun barisan.

Mesti berikhtiar

Berucap kepada pekerja dan penyokong Barisan Nasional di sini, Dato' Hussein menegaskan mereka hendaklah berikhtiar kerana "kalah menang adalah soal lain."

Ketika berucap kepada orangramai, beliau berkata, para pengundi hendaklah memilih calun-calun Barisan dan bukan berdasarkan peribadi atau bangsa calun-calun itu.

Asalkan mereka itu calun Barisan Nasional, mereka hendaklah memberi sokongan kerana parti itu mempunyai kekuatan jentera untuk memerentah negara.



Dato' Hussein Onn berkenalan dengan tokoh-tokoh wa
wat Batu Gajah, Perak sambil berkempen memban tu calu
Semalam Datuk Hussein menghadiri mesyuarat. Barisan N
par dan Teluk Anson. — Gambar Berita Ha...

Barisan Nasional juga akan dapat menjamin keadilan, kestabilan, perpaduan dan kemakmoran negara ini kerana ia mempunyai banyak parti-parti berbagai kaum didalamnya.

Kemudian, ketika berucap di Bruas, 30 batu dari sini, Dato Hussein berkata, walaupun DAP mendakwa ia mengamalkan demokrasi tetapi tokoh-tokoh parti tersebut mengamalkan sifat-sifat diktator.

Kekerasan

Pemimpin - pemimpin seperti Lim Kit Siang dan Fan Yew Teng menggunakan kekerasan dalam mentadbir parti tersebut.

Ini, katanya. telah menyebabkan perpecahan di kalangan anggota-anggota parti yang tidak bersetuju dengan pemimpin mereka.

Dato' Hussein tidak faham mengapa orang-orang Melayu menjadi calun DAP kerana parti itu terang-terang "chauvinistic".

Mereka ini merupakan alat perkakas dan tidak boleh mendatangkan faedah dan kebajikan kepada orang-orang Melayu kerana DAP terlalu kuat mempunyai sentimen perkauman.

Bergabung

Katanya, Barisan Nasional telah mengajak berbagai parti duduk didalamnya bekerja untuk kepentingan rakyat dan negara.

Jika sekiranya pentadbiran DAP m... jukkan ke... tah...

BERITA HARIAN, SELASA, 27 OGOS, 1974

'Bukti rakyat sokong pimpinan Tun'

KANGAR, Isnin.—Menteri Besar Perlis, Datuk Haji Jaafar Hassan berkata kemenangan 100 peratus Barisan Nasional di Perlis menunjukkan rakyat yakin penuh kepada kerajaan yang dipimpin oleh Tun Abdul Razak.

Kemenangan itu juga membuktikan kerjasama erat di kalangan parti-parti dalam Barisan Nasional terutama perpaduan ahli-ahli UMNO dengan PAS.

Datuk Haji Jaafar menyatakan demikian ketika diminta mengulas kemenangan calun-calun barisan yang memperolehi semua kerusi Parlimen dan Dewan Negeri Perlis Sabtu lalu.

Beliau bersyukur diatas kemenangan tersebut dan mengucapkan terima kasih kepada semua jawatankuasa pilihanraya di negeri Perlis yang telah bekerja dengan bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab.

PTR·KA:980 127/79

BERITA HARIAN, SABTU, 31 OGOS, 1974

PTR·KA·981 128/79

Ikrar di Hari Kebangsaan

Inflasi terus diawasi: Tun



KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Razak berkata kedudukan politik, ekonomi dan keamanan Malaysia kukuh, walaupun masih ada beberapa masaalah yang di luar kuasa manusia khususnya inflasi yang menyusahkan rakyat.

Oleh SHAFIE NOR

Dalam ucapan Hari Kebangsaan ke seluruh negara menerusi RTM malam ini, Perdana Menteri berikrar Kerajaan akan terus mengawasi keadaan itu terutama inflasi luar supaya tekanannya ke atas rakyat dapat diredakan.

(Ucapan penuh Tun Razak di muka 4).

Beliau berpendapat tahun depan dan beberapa tahun akan datang pasti membawa beberapa cabaran baru kepada Malaysia.

"Tetapi Kerajaan berazam menghandapi cabaran ini," tambah beliau dan yakin rakyat akan bersama-sama Kerajaan berusaha untuk menjamin masa hadapan yang cemerlang.

Tun Razak berharap:

- Bakal anggota Kebinet Kerajaan baru Barisan Nasional akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh minat dan kejujuran untuk kemajuan rakyat dan negara;

Dedikasi

- Wakil-wakil Rakyat yang menang dalam Pilihanraya Nasional mesti bersungguh-sungguh berkhidmat kepada rakyat dengan penuh dedikasi dan kejujuran; dan
- Rakyat hendaklah saling faham memahami dan hormat menghormati antara satu dengan lain untuk menjamin keharmonian dan ketenteraman dengan menjauhi perbuatan yang boleh menimbulkan pertelingkahan antara kaum serta perpecahan sesama sendiri.

Tun Razak mengulangi bahawa dalam usaha Kerajaan hendak membina masyarakat adil, faktor yang paling pen-

■ MUKA 16 ruang 1

Tun akan beri taklimat untuk Ahli Parlimen Barisan

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Semua Ahli Parlimen Barisan Nasional yang baru dipilih akan menghadiri satu perjumpaan di sini pada hari Isnin ini untuk mendengar taklimat dari Tun Abdul Razak.

Setiausaha Kerja Barisan Nasional, Encik Khalil Akasah memberitahu Bernama hari ini bahawa Tun Razak selaku Pengerusi Barisan akan memberikan arahan bagaimana mereka boleh memberi khidmat sebaik-baiknya di kawasan mereka.

Mereka juga dijangka akan diberitahu supaya bekerja rapat dengan pegawai-pegawai parti di kawasan masing-masing dan selalu membuat lawatan bagi mengetahui masaalah - masaalah yang dihadapi oleh rakyat.

Bernama diberitahu ada aduan bahawa setengah - setengah wakil rakyat di masa lalu tidak memberi khidmat yang sewajarnya kepada kawasan mereka.

Kesemua 126 orang Ahli Parlimen Barisan yang baru dipilih setakat ini termasuk dari Sabah dan Sarawak dijangka menghadiri perjumpaan itu.

Tun: Kekalkan perpaduan

★ DARI MUKA 1

ting ialah perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat.

Katanya, tanpa perpaduan, hasrat baik Kerajaan itu sukarlah hendak dicapai.

Beliau menyeru rakyat supaya terus mengekalkan perpaduan dan memberi pengakuan yang Kerajaan pimpinannya akan terus mengambil langkah-langkah yang wajar bagi menjamin ketenteraman dan keharmonian negara dalam segala usaha yang melibatkan kehidupun rakyat seluruhnya.

Tun Razak berkata, memandang pada hakikat itulah, Kerajaan sejak beberapa tahun ini telah menitikberatkan konsep perpaduan yang termaktub dalam Rukunegara sebagai tema Hari Kebangsaan tahun ini.

Menurutnya, memang kena pada masanya tema "sains dan teknoloji alat perpaduan" bagi perayaan Hari Kebangsaan ini dengan harapan semoga rakyat seluruhnya menyedari kakikat itu dan menerimanya sebagai satu faktor penting dalam kehidupan mereka.

Menyentuh tentang bidang luar negeri, Tun Razak berkata, Malaysia akan terus menjalankan dasar luar yang berkecuali, bebas dan aktif untuk menjalin perhubungan dengan negara besar dan kecil tanpa mengira fahaman ideoloji masing-masing.

"Kita akan memperkuatkan perhubungan dengan negara-negara Islam dan memperluaskan hubungan perdagangan dengan negara-negara tersebut.

"Kita juga akan terus berusaha untuk mendapatkan sokongan kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan Repablik Rakyat China supaya gagasan kita menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali akan berhasil menjadi kenyataan," ujar Tun Razak.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 5 SEPTEMBER, 1974

PTR. KL: 986 133/74.

Cenderamata bagi Tan Sri Sardon



Perdana Menteri, Tun Razak, menyampaikan cenderamata perpisahan kepada Tan Sri Sardon Jubir, yang akan berlepas ke New York jam 11 malam ini untuk memulakan jawatan barunya sebagai Wakil Tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu.

Tun Razak dan Toh Puan Rahah mengadakan jamuan perpisahan untuk Tan Sri Sardon dan Puan Sri Saadiah di Seri Taman semalam. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, KHAMIS, 5 SEPTEMBER, 1974

PTR. KL: 987 134/74.

Bantu terus golongan muda—Tun

KUALA LUMPUR, Rabu. — Tun Razak sekali lagi mengajak sektor swasta dan semua jabatan Kerajaan membantu terus golongan muda dengan menganjurkan berbagai latihan di Sekolah Latihan Semangat di Lumut.

Perdana Menteri Menegaskan, Sekolah tersebut akan mempunyai bangunan baru tidak lama lagi sebagai menampung bilangan peserta yang semakin bertambah.

"Ini akan memberi mereka peluang bagi memahami sepenuhnya tanggungjawab masing-masing kepada negara sambil menolong memupuk semangat muhibbah dan taat setia yang lebih kukuh," tegas Tun Razak bila merasmikan mesyuarat agung Lembaga Amanah Sekolah itu di sini petang ini.

Menurutnya, rundingan mengenai tapak baru Sekolah tersebut, yang tidak berapa jauh dari bangunan sekarang, sedang dijalankan antara Lembaga Amanahnya dan Kerajaan Perak.

Tempahan

Tun Razak berkata, bangunan baru Sekolah tersebut perlu setelah kawasannya sekarang telah dipilih untuk Pengkalan Tentera Laut Diraja sambil dapat menampung bilangan peserta yang lebih ramai.

Tempahan di Sekolah itu untuk tahun ini melebihi rekod silam dan telah meningkat 641 semuanya sekarang.

"Inilah pertama kali dalam sejarah Sekolah ini mendapat tempahan yang memecah rekod sebelumnya bagi berbagai latihan," tambah beliau.

Tun Razak berkata, selama ini, sejak 20 tahun lalu, seramai 60 peserta bagi tiap satu kursus atau 600 orang peserta sepanjang tahun.

Permohonan

Tetapi permohonan yang dibuat untuk tahun ini menunjukkan betapa perlunya Sekolah itu diperbesarkan lagi.

Satu lagi sejarah kejayaan Sekolah itu bila 553 orang peserta mengikuti berbagai kursus berbanding dengan 513 orang pelatih tahun sebelumnya.

Satu kursus untuk 56 orang peserta wanita akan dianjurkan dan Tun Razak mensifatkan tambahan bilangan peserta akan mengukuhkan lagi pendapatan sekolah tersebut.

Tun Razak juga menyebut bahawa memang menjadi dasar Kerajaan untuk memberi banyak peluang kepada golongan belia menerusi berbagai saluran dan ejen-

Berita Harian 1 oktober 74.

BTR 00 : 891 138/74.



Pemeriksaan barisan kehormatan juga diadakan. Kelihatan Tun Razak sedang memeriksa perbarisan tersebut. .

TUN MELAWAT ~~SERAWAK~~ SABAH .



Tun Mustapha mengucapkan selamat jalan dan Tun Razak mengucapkan selamat tinggal selepas perayaan tamat.



Toh Puan Hajjah Rahmah (isteri Tun Mustapha) menghantar Toh Puan Rahah ke lapangan terbang untuk pulang ke Kuala Lumpur.

BERITA HARIAN, SELASA, 1 OKTOBER, 1974.

PTR. KD: 993 140179.

Tun: Akhlak asas teguh membina perpaduan

KUALA LUMPUR, Isnin.

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak berkata, akhlak adalah asas paling teguh untuk membina perpaduan.

Untuk mencapai ketinggian akhlak, katanya, umat Islam wajiblah berpegang teguh kepada ajaran Quran yang menyuruh manusia berbakti dan beribadat kepada Allah.

Tun Razak menjelaskan, di Malaysia perpaduan rakyat amatlah penting dalam ertikata meredakan pergisiran politik.

"Dengan itu, seluruh tenaga dapat disalorkan untuk menjalankan usaha-usaha pembangunan bagi kemakmuran negara serta kebahgiaan rakyat," ujar beliau.

Tun Razak berkata demikian dalam perutusan buku cenderamata Pertandingan Membaca Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, yang akan berlangsung di Stadium Merdeka di sini, dari 2 hingga 7 Oktober ini.

Tema pertandingan itu tahun ini ialah "Akhlak asas Perpaduan."

Perdana Menteri akan merasmikan pertandingan peringkat kebangsaan.

Kepercayaan

Beliau menerangkan, sejarah membuktikan negara-negara mashur dan gagah seperti Yunani dan Romawi dan lain-lain Kerajaan, jatuh akibat keruntuhan akhlak.


Menurut beliau, Kerajaan meletakkan akhlak di taraf yang tinggi iaitu termaktub dalam Rukunegara yang menekankan kepercayaan kepada Tuhan dan bertatasusilaan.

Tun Razak juga memberitahu, keadaan dalam negara sangatlah cerah setelah rakyat memberikan mandat baru kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk melaksanakan cita-cita berlandaskan perpaduan negara.

Dalam dunia Islam juga, katanya, sejak Perang Ramadan 1393 Hijrah, terdapat perkembangan politik yang nyata menuju ke arah perpaduan umat Islam.

BERITA HARIAN, SELASA, 1 OKTOBER, 1974.

PTR. KD: 992 139175



● *Tun Razak mempengerusikan sidang pertama Majlis Keselamatan Negara sedang mendengar penerangan dari Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Halehwal Luarnegeri.*

Sebelah kiri Perdana Menteri ialah Datuk Haji Asri Muda, Menteri Tanah dan Galian; Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Perhubungan dan Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, Ketua Setiausaha Negara. — Gambar Berita Harian.

SIDANG PERTAMA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA.

BERITA HARIAN, RABU, 2 OKTOBER, 1974.

PTR.KA: 994 141/74.

Tun Razak padukan parti Barisan Nasional

BANGKOK, Selasa. — Ketua Marshal Udara Tun Dawee Chullasapya yang bersara sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera Thailand kelmarin, hari ini memuji Tun Abdul Razak kerana berpandangan jauh dan langkah beraninya menyatukan beberapa parti pembangkang untuk mendokong parti baru kerajaan, Barisan Nasional.

Tun Dawee berkata, konsep kerajaan kerajaan campuran Tun Razak telah mendapat kejayaan besar, walaupun terdapat keraguan di peringkat awal terhadap konsep tersebut, namun kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini membuktikan rakyat menerima konsep itu.

Menurut Tun Dawee, ini adalah satu kehurmatan besar kepada Tun Razak yang telah membawa Malaysia melalui beberapa ilham baru yang tidak pernah terfikir beberapa tahun lalu.

Tun Dawee telah bercakap kepada para pemberita di sidang akhbar perpisahan di rumahnya mengenai pengalamannya selama 40 tahun dalam perkhidmatan awam dan juga rancangan masa depannya.

Beliau berkata, beliau akan menulis sebuah buku bertajuk "Saya dan kumpulan September Hitam" satu kejadian dimana gerila-gerila Arab menyerbu kedutaan Israel di Bangkok pada 28 Disember 1972.

Bersahabat

Mengenai hubungan antara Thailand dengan Malaysia, Tun Dawee berkata kedua-dua negara itu bersahabat baik.

Beliau yakin hubungan persahabatan itu akan diperkokohkan lagi dimasa depan.

Tun Dawee berkata, beliau bersahabat baik dengan ramai pemimpin Malaysia seperti Tun Razak dan beliau yakin kemajuan dan kemakmoran Malaysia akan bertambah cerah terutama dengan kedudukan politiknya yang teguh.

Tun Dawee ialah Ketua Perwakilan Thailand dalam Jawatankuasa sempadan bersama Malaysia - Thai dan mengambil peranan penting untuk menolong memperbaiki penyelarasan dalam perjuangan menentang pengganas komunis di sempadan bersama.

Ditanya apakah beliau mahu masuk politik, Tun Dawee berkata "saya memerlukan masa untuk berfikir dan menimbangkannya dengan teliti. Apa yang saya perlukan sekarang ialah rihat." — Bernama.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 4 OKTOBER, 1974.

PTR.KA.995 142/74

Tun raikan qari, qariah di majlis berbuka puasa

KUALA LUMPUR, Khamis. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak meraikan peserta Pertandingan Membaca Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, di majlis berbuka puasa di Bangunan Parlimen di sini, petang ini.

Turut hadir para hakim serta ahli-ahli jawatankuasa pusat pertandingan.

Selepas itu, Tun Razak dan para jemputan menunaikan Fardu maghrib di surau bangunan tersebut, dengan Mufti Wilayah Persekutuan, Sheikh Abdul Mohsein Haji Salleh, menjadi imam.

Sementara itu, Yang Dipertuan Agung akan juga mengadakan majlis berbuka puasa untuk para peserta pertandingan di Istana Negara, lusa.

PTR.KA:996 143/74.



Tun Razak dengan diiringi oleh Tan Sri Syed Nasir menuju ke tempat duduk khas setelah mereka menyampaikan ucapan merasmikan Pertandingan Membaca Quran Peringkat Kebangsaan. — gambar Berita Harian.

TUN RAZAK DIIRINGI OLEH TAN SRI SYED NASIR SETELAH MENYAMPAIKAN UCAPAN DI PERTANDINGAN MEMBACA QURAAN.

Berita harian 8 oktober 74

PTR. KA: 895 145/74.



JUMAAT, 11 OKTOBER, 1974

PTR. KA: 893 146/74.

Tun adakan 'rumah terbuka'

KUALA LUMPUR, Khamis. — Perdana Menteri, Tun Razak mengadakan "rumah terbuka" pada Hariraya pertama dari jam 10 pagi hingga 12.30 tengahari dan dari jam 3 hingga enam petang, di kediamannya, Seri Taman.

Menurut satu kenyataan hari ini, Perdana Menteri dan Toh Puan Rahah juga akan meraikan 400 kanak-kanak dari beberapa sekolah dan rumah kanak-kanak di Kuala Lumpur dan wilayah berhampiran pada jam 3 petang hari itu juga di tempat yang sama.

BERITA HARIAN, RABU, 16 OKTOBER, 1974

PTR. KA: 1000 447/74



KUALA LUMPUR, Selasa. — Isteri beberapa orang Menteri termasuk Toh Puan Hajjah Rahah, isteri Perdana Menteri, hari ini menyampaikan kuih-kuih Raya kepada kanak-kanak sakit yang dirawat di hospital - hospital di sini dan Petaling Jaya.

Toh Puan Hajjah Rahah telah menyampaikan kuih-kuih Raya itu kepada 80 orang kanak-kanak di Hospital Universiti petang tadi.

Pengarah Hospital Universiti, Dr. Haji Abbas bin Alias telah menyambut kedatangan Toh Puan Hajjah Rahah di Hospital itu.

Toh Puan Rahah kemudiannya dibawa ke wad-wad kanak-kanak lalu membahagikan kuih-kuih Hari Raya tersebut.

Kuih-kuih Hari Raya tersebut hadiah dari Kementerian Kebajikan Masyarakat diisi khas dalam sebuah kotak pelastik.

Di luar kotak itu tertera lambang Kerajaan Malaysia dan terdapat perkataan: "Selamat Hari Raya Aidil-Fitri, Dengan ingatan tulus ikhlas, Perasaan Muhibbah dan Salam Mesra."

Di dalam kotak itu terdapat kuih-kuih, belon, gula - gula dan biskut.

Hadiah - hadiah yang sama juga disampaikan oleh Datin Suhaila, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, di Hospital Besar, di sini.

Datin Sakina, isteri Menteri Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas, Datuk Asri pula menyampaikan kuih - kuih Hari Raya yang serupa di Hospital Assunta, Petaling Jaya.

● *Cik Samsiah binti Shafie, menolong anaknya, Shamsul Irani, berumur 1 tahun lapan bulan menerima kueh-kueh Hari Raya dari Toh Puan Hajjah Rahah, di wad kanak-kanak Hospital Universiti, Kuala Lumpur semalam.*

BERITA HARIAN, SABTU, 19 OKTOBER, 1974.

PTR. KA: 1001 148/75

Tun terus terima ucapan Hariraya

KUALA LUMPUR, Jumaat. — Tun Abdul Razak terus menerima ucapan Selamat Hariraya Puasa dari beberapa orang pemimpin luar negeri dan yang terbaharu dari Menteri Luar Qatar, Sahim bin Hamad Al Thani.

Menteri Sahim selain mendoakan kesejahteraan dan kesihatan kepada Tun Razak juga mengucapkan selamat sejahtera kepada seluruh rakyat Malaysia terutama yang berugama Islam.

PTR-KS: 1003

Berita Minggu, Ahad, 20 Oktober, 1974 (4 Syawal 1394)



● Kanak-kanak kecil ini agak kagum kerana ditanya sesuatu oleh Toh Puan Rahah dan Perdana Menteri, Tun Razak, ketika dia bersama bapanya sampai giliran untuk bersalaman dengan Perdana Menteri dan Toh Puan Rahah di Masjid Negara, selepas sembahyang raya. Pagi hariraya ialah satu dari masa bagi orangramai berpeluang berjabat tangan dengan Tun Razak dan pemimpin negara yang lain.

Berita Minggu, Ahad, 20 Oktober, 1974

PTR-KS: 1003 15/0/79.



"Ini ketupat ni haa?
.....Rendang Padang
ha? Pecal nl, bersi
Mak Aji siapkan. T
kau jamahpun? Ka
Suryati hari tu, kau n
datang beraya, Mak
siapkanlah. Ini bel
hangat tempat dud
kau tu, dah nak berg
rak ke lain!" kelub M
Ngah. Ali Chong tid
terkata-kata lagi. M

PTR 40:1004 151/79

AHAD, 20 OKTOBER, 1974

SUPAYA RAKYAT BEROLEH FAEDAH LEBIH BESAR

TUN ARAH KAJI BADAN2 BERKANUN

KUANTAN, Sabtu. — Semua Kerajaan Negeri telah diarahkan mengkaji semula susunan dan peranan badan-badan berkanun supaya rakyat mendapat faedah yang lebih besar serta menolong melaksanakan dasar nasional dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak juga mengarahkan badan-badan berkanun melipat-gandakan usaha bersama dengan firma-firma tempatan atau luar negeri terutama mereka yang mempunyai pengaruh pemasaran yang luas serta mengendalikan berbagai barang keperluan.

Tun Razak juga mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri memberi khidmat segera serta jujur sejajar dengan keyakinan penuh yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Beliau berkata demikian di satu sidang akhbar di rumah rihat tetamu khas di Teluk Cempedak di sini tengahari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri telah menemui ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang serta ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri secara tertutup di bilik gerakan Wisma Seri Pahang di sini.

Tun arah buka pejabat

★ DARI MUKA 1

mentingkan diri sendiri tidak ada tempat dalam parti dan kerajaan.

Mereka diarahkan segera membuka pejabat masing-masing untuk mendengar rayuan rakyat dan tidak membiarkan masaalah-masaalah kecil yang mudah diselesaikan.

Tun Razak berkata beliau tidak mahu rakyat menghabiskan masa berjam-jam cuba berjumpa dengannya sendiri atau dengan para Menteri Besar sedangkan masaalah yang dikemukakan mereka hanya masaalah tempatan yang boleh diselesaikan dengan wakil masing-masing.

Tun Razak menegaskan walaupun Kerajaan Pahang tidak-



Usaha pesat

Kerajaan-kerajaan negeri juga telah diarahkan mementingkan usaha yang lebih pesat di bidang pertanian dan pengeluaran barang-barang keperluan yang lain sebagai langkah berjaga-jaga menghadapi kemerosotan ekonomi dunia yang mungkin berpanjangan dalam masa dua atau tiga tahun ini.

Pihak-pihak yang berkenaan di tiap-tiap negeri juga patut mengutamakan pembinaan rumah-rumah pasang sedia yang dibuat daripada kayu untuk membantu mengurangkan kesan kejatuhan harga kayu di samping meluaskan penggunaan bahan tersebut bagi perumahan.

Kepada wakil-wakil rakyat, Tun Razak mengingatkan mereka bahawa orang-orang yang me-

■ Muka 14 ruang 3

Berita Harian 21oktober 74.

PTR · UA : 1005 153/75



MB iringi Tun ke makam


PERDANA Menteri Tun Abdul Razak (gambar di sebelah kiri) sedang membaca doa di makam Almarhum Sultan Abu Bakar di Pekan kelmarin.

Sebelum itu Tun Razak menziarah makam ibunya, Puan Hajjah Teh binti Haji Daud yang meninggal dunia pada 5 September 1967.

Toh Puan Rahah dan anak-anak Tun turut menziarah.

Perdana Menteri (gambar bawah, kiri) kelihatan berdoa di kubur datuknya di tanah perkuburan kampung Marhum, Pekan.

Menteri Besar Pahang, Datuk Mohd. Jusoh mengiringi Tun Razak menziarah makam Almarhum Sultan Abu Bakar. — Gambar Berita Harian.



Berita Harian 21 Oktober 74.

PTR · UA : 1006 153/75



Berita Harian 220ktober 74.

PTR. KA: 1007 154/74.

Berita Harian MALAYSIA

SELASA, 22 OKTOBER, 1974

Sekarang bergelar 'Yang Berkhidmat'

MANDAT besar yang diberikan oleh rakyat kepada Barisan Nasional sudah sepatutnya menggerakkan wakil-wakil rakyat bekerja lebih keras dari biasa, untuk, seperti kata Tun Razak, memenuhi harapan dan aspirasi rakyat.

Tun Razak telah mengingatkan ini kepada wakil-wakil rakyat yang bertemu dengannya di Kemaman Ahad kelmarin, manakala Perdana Menteri juga berkata wakil-wakil rakyat itu dari sekarang hendaklah menganggap diri mereka sebagai "Yang Berkhidmat" dan membayangkan tidak lagi "Yang Berhormat".

Sebenarnya gelaran "Yang Berhormat" itu diberikan kepada wakil-wakil rakyat oleh rakyat sebagai tanda menghormati mereka kerana khidmat-khidmat yang diharapkan dari wakil-wakil rakyat itu. Sebaliknya, menurut Tun Razak sendiri, pada masa lalu, ada wakil-wakil rakyat yang tidak pernah menemui rakyat dalam kawasan pilihanraya mereka.

Kalau wakil-wakil rakyat ini tidak pernah menemui rakyat, bagaimana mereka hendak mengetahui apa kesulitan dan kehendak rakyat dan seterusnya bagaimanakah mereka hendak berkhidmat kepada rakyat?

Oleh yang demikian, rakyat yang telah memberi gelaran "Yang Berhormat" itu tentulah berhak menarik balik gelaran itu pada bila-bila masa. Tetapi ini tidak pernah dilakukan kerana sebab-sebab tertentu.

Bagaimanapun, sepanjang yang bersangkutan dengan Barisan Nasional, Tun Razak telah memberi jaminan bahawa dari sekarang perkara wakil-wakil rakyat yang cuai seperti itu tidak akan berlaku lagi dan untuk menguatkan jaminan itu Tun Razak telah mengesyorkan supaya wakil-wakil rakyat menganggap diri mereka sebagai "Yang Berkhidmat."

Dari segi ilmu jiwa, syor itu adalah baik dan bolehlah diharapkan akan memberi kesan kepada sekelian wakil-wakil rakyat. Dengan menganggap diri mereka sebagai "Yang Berkhidmat" maka wakil-wakil rakyat tentulah senantiasa akan teringat kepada perkataan "khidmat" dan ini akan mendorongkan mereka memberi khidmat bakti mereka kepada rakyat.

Dengan lain-lain perkataan, seruan Tun Razak supaya wakil-wakil rakyat bekerja lebih keras akan senantiasa berdengung di telinga mereka dan mereka akan cuba menunjukkan kepada rakyat bahawa pilihan mereka itu tidaklah sesia.

5

BERITA HARIAN, JUMAAT, 25 OKTOBER, 1974

PTR. KA: 1008 155/74.

Tun seru ibubapa fikirkan serius masa depan anak2

KUALA LUMPUR, Khamis. — Perdana Menteri menyeru ibubapa memikirkan dengan serius masadepan anak-anak mereka, sejajar dengan tema Hari Kanak-kanak Sedunia tahun ini.

Kerajaan, menurut beliau, senantiasa memikirkan kesejahteraan kanak-kanak di negara ini di samping peluang pendidikan yang wajar.

Tun Razak berkata demikian dalam Perutusan Khas menyambut Hari Kanak-kanak Sedunia Sabtu ini.

Beliau menjelaskan, ratusan ribu kanak-kanak di negara ini menyambut hari yang teragung buat mereka dengan perasaan riang-gembira sebagai bunga-bangsa berguna.

Mengenai pelajaran, beliau menambah, setiap kanak-kanak di sekolah rendah menerima pendidikan percuma di samping berbagai sekim bantuan, termasuk bekalan buku-buku teks kepada murid - murid miskin.

Kesihatan

"Kerajaan juga melaksanakan rancangan kesihatan dan makanan berzat di sekolah-sekolah yang dapat menjamin kecerdasan mereka supaya mereka berpeluang melanjutkan pelajaran ke institusi-institiusi pengajian tinggi.

"Jawatankuasa Peringkat Menteri untuk menyemak sistem pelajaran sekarang adalah satu pertanda baik ke arah perwujudan masyarakat berdisiplin dan bersatupadu.

"Adalah penting demi kebahgiaan masadepan anak-anak kita, agar setiap sistem pelajaran benar-benar memberikan menafaat kepada mereka, terutama setelah mereka tamat persekolahan dan memasuki alam dewasa," katanya.

Perdana Menteri berharap, para ibubapa di rumah memberi bimbingan sempurna mene-

★ MUKA 12 ruang 7

Ibubapa perlu semai semangat perpaduan

★ DARI MUKA 1

rusi contoh-contoh berguna untuk panduan hidup masadepan mereka.

"Ibubapa juga harus berperanan sama menyemaikan bibit-bibit semangat persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyat serta semangat cintakan tanahair.

"Ini merupakan asas yang kukuh bagi menjamin keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara yang berkekalan," ujar Tun Razak.

BERITA HARIAN, SABTU, 26 OKTOBER, 1974.

PTR·KS·1049 156/75.

Ke Seri Taman berHariraya



● *Sebahagian dari anggota Pergerakan Wanita UMNO bergilir-gilir bersalaman dengan Toh Puah Rahah di Seri Taman, kediaman rasmi Perdana Menteri, di Kuala Lumpur petang semalam.*

Mereka sebahagian dari lebih 400 orang anggota UMNO dari Muar, Johor, dan Ulu Langat yang berkunjung ke Seri Taman untuk mengucap Selamat Hariraya kepada Tun Razak dan Toh Puah Rahah.

Perdana Menteri telah meraikan mereka dengan satu jamuan. — Gambar Berita Harian.

BERITA HARIAN, SABTU, 26 OKTOBER, 1974.

PTR·KS·1010 157/75



TUN DAN ISTERI SAMBUT TETAMU

● **PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak, dan isterinya Toh Puan Rahah, menyambut tetamu yang menghadiri majlis jamuan di Seri Taman, malam semalam.**

Mereka antara para jemputan jamuan makan malam pemberian Tun Razak kepada para wakil yang menghadiri Sidang ke-15 Majlis Timah Antarabangsa yang berlangsung di Kuala Lumpur sejak kelmarin.